



Kementerian Ekonomi  
Jabatan Perangkaan Malaysia  
Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh

# **KAJIAN PENGGAJIAN PELAKON KANAK-KANAK DAN ORANG MUDA DALAM FILEM DAN DRAMA DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

**2023**





KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

# KAJIAN MENGENAI PENGGAJIAN PELAKON KANAK-KANAK DAN ORANG MUDA DALAM FILEM DAN DRAMA DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Disember 2023

## Pemakluman

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

## Announcement

*DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agriculture Development.”*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.*

# **Kajian Mengenai Penggajian Pelakon Kanak-Kanak Dan Orang Muda Dalam Filem Dan Drama Di Semenanjung Malaysia**

Diterbitkan oleh :

Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA)

Jabatan Perangkaan Malaysia

G07-G12, Right Wing, G-Floor, Blok 2320,

Century Square, Jalan Usahawan,

Cyber 6, 63000 Cyberjaya,

Selangor.

Tel: +603-8318 2433

Faks: +603-8890 2739

Hak cipta © terpelihara 2023

Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA)

Diterbit pada Disember 2023

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam laporan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk cara, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, fotokopi dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit terlebih dahulu.

Dicetak di Malaysia oleh :

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62514, Putrajaya

# KATA PENGANTAR

**Assalamualaikum w.b.t**

Kajian Penggajian Pelakon Kanak-kanak dan Orang Muda dalam Filem dan Drama di Semenanjung Malaysia ini memfokuskan kepada tiga (3) objektif utama iaitu menyediakan profil asas syarikat yang menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda di Semenanjung Malaysia, mengenal pasti isu dan mengemukakan rekomendasi yang berkaitan perundangan perburuhan dan perlindungan sosial bagi golongan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah *top-down* dan *bottom-up*. Data dan maklumat bagi kajian ini diperoleh melalui edaran soal selidik dalam talian dan sesi temu ramah yang dilakukan secara perbincangan kumpulan berfokus (FGD) dan *in-depth interview* (IDI).

Kajian ini adalah *policy-oriented research* yang bertujuan membantu pembuat dasar dan pemegang taruh yang terlibat dalam industri ini. Ia memberi sumbangan yang penting dari sudut praktikal dengan mengemukakan cadangan-cadangan yang boleh dilaksanakan (*implementable recommendations*) bagi membantu kementerian dan agensi yang berkaitan menambah baik dasar, perundangan dan pelaksanaan program sedia ada. Strategi dan inisiatif yang dicadangkan boleh dilaksanakan di peringkat nasional kerana ia adalah bersifat praktikal dan telah ditanda aras dengan negara-negara lain. Di samping itu, kajian ini juga turut mencadangkan kaedah terbaik yang boleh dilakukan dalam menangani isu-isu yang melibatkan perundangan perburuhan dan perlindungan sosial kanak-kanak dan orang muda dalam aktiviti perfileman dan drama.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merakamkan penghargaan dan terima kasih atas kerjasama semua pihak yang telah memberikan kerjasama sehingga berjaya melaksanakan dan menghasilkan laporan kajian ini.

**DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN**

**Ketua Perangkawan Malaysia**

**Disember 2023**

## PENGURUSAN TERTINGGI JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

---



**YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin**

Ketua Perangkawan Malaysia



**YBrs. Hajah Nazaria Baharudin**

Timbalan Ketua Perangkawan (Sosial & Pembangunan Teknikal)



**YBhg. Datin Seri Rozita Talha**

Timbalan Ketua Perangkawan (Ekonomi)

## PENGURUSAN TERTINGGI INSTITUT MAKLUMAT DAN ANALISIS PASARAN BURUH

---



**Puan Betty Hasan**

Pengarah Kanan



**Cik Normawati Ahmad**

Timbalan Pengarah Kanan I

# PASUKAN KAJIAN ILMIA



**Megat Muhammad Nadzrin  
bin Norizan**  
Pegawai Penyelidik

**Yasmin binti Ramli**  
Ketua Penolong Pengarah

**Nur Aimi Adibah binti  
Hassan Basri**  
Pegawai Penyelidik

**Dr Norshamshida binti Razak**  
Penolong Pengarah Kanan





# ISI KANDUNGAN

**i**

**Senarai  
Jadual**

**ii**

**Senarai  
Rajah**

**vi**

**Senarai  
Singkatan**

**3**

**Bab 1:  
Pengenalan**

**16**

**Bab 2:  
Tinjauan Literatur**

**65**

**Bab 3:  
Dapatan Kajian**

**140**

**Bab 4:  
Isu & Rekomendasi**

**216**

**Bab 5:  
Kesimpulan**

**217**

**Rujukan**



# Senarai Jadual

**Bil**                      **Nama Jadual**

<b>Jadual 1</b>	Statistik ekonomi utama bagi Industri Kreatif bagi tempoh 2015 hingga 2019	<b>6</b>
-----------------	----------------------------------------------------------------------------	----------

# Senarai Rajah

<b>Bil</b>	<b>Nama Rajah</b>	
<b>Rajah 3.1</b>	Peraturan taburan lokasi ibu pejabat	<b>66</b>
<b>Rajah 3.2</b>	Peraturan jenis perniagaan syarikat	<b>67</b>
<b>Rajah 3.3</b>	Peraturan salinan kontrak	<b>67</b>
<b>Rajah 3.3a</b>	Peraturan syarikat yang memberikan kontrak mengikut jenis syarikat	<b>68</b>
<b>Rajah 3.3b</b>	Peraturan syarikat yang tidak memberikan kontrak mengikut jenis syarikat	<b>68</b>
<b>Rajah 3.4</b>	Peraturan kumpulan individu yang menandatangani kontrak dengan pihak syarikat	<b>69</b>
<b>Rajah 3.5</b>	Peraturan tujuan syarikat menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda di Semenanjung Malaysia	<b>69</b>
<b>Rajah 3.6</b>	Peraturan kumpulan umur bagi penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda	<b>70</b>
<b>Rajah 3.7</b>	Peraturan penentuan jumlah bayaran lakonan yang ditawarkan kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda	<b>70</b>
<b>Rajah 3.8</b>	Peraturan syarikat yang melakukan pembayaran kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda	<b>71</b>
<b>Rajah 3.9</b>	Peraturan individu yang menerima pembayaran bagi pihak pelakon kanak-kanak dan orang muda	<b>71</b>
<b>Rajah 3.10</b>	Peraturan syarikat yang memberikan penyata bayaran gaji / upah	<b>72</b>
<b>Rajah 3.11</b>	Peraturan waktu penggambaran dan sesi persekolahan pelakon kanak-kanak dan orang muda	<b>72</b>
<b>Rajah 3.12</b>	Peraturan syarikat melakukan caruman KWSP	<b>73</b>

<b>Rajah 3.13</b>	Peratusan syarikat yang merancang melakukan caruman pada masa hadapan	<b>73</b>
<b>Rajah 3.14</b>	Peratusan sebab syarikat tidak melakukan caruman	<b>74</b>
<b>Rajah 3.15</b>	Peratusan tempoh waktu penggambaran / rakaman bagi filem dan drama yang melibatkan pelakon kanak-kanak dan orang muda	<b>74</b>
<b>Rajah 3.16</b>	Peratusan bagi waktu penggambaran dan rakaman oleh syarikat produksi	<b>75</b>
<b>Rajah 3.17</b>	Peratusan anggaran waktu penggambaran atau rakaman bermula	<b>75</b>
<b>Rajah 3.18</b>	Peratusan purata jumlah hari bekerja pelakon kanak-kanak dan orang muda	<b>76</b>
<b>Rajah 3.19</b>	Peratusan syarikat mengetahui berkenaan dengan keperluan mendapatkan lesen	<b>76</b>
<b>Rajah 3.20</b>	Peratusan syarikat produksi yang pernah memohon lesen	<b>77</b>
<b>Rajah 3.21</b>	Peratusan syarikat yang melakukan pembayaran gaji atau upah mengikut tempoh yang ditetapkan	<b>77</b>
<b>Rajah 3.22</b>	Peratusan syarikat yang memberikan rehat	<b>77</b>
<b>Rajah 3.23</b>	Peratusan syarikat yang memberikan cuti rehat / <i>time off</i>	<b>77</b>
<b>Rajah 3.24</b>	Peratusan syarikat bersetuju permohonan lesen dibuat secara digital	<b>78</b>
<b>Rajah 3.25</b>	Peratusan syarikat bersetuju penggubalan peraturan / undang-undang khusus	<b>78</b>
<b>Rajah 3.26</b>	Peratusan syarikat bersetuju agar garis panduan khusus diwujudkan	<b>79</b>

<b>Rajah 3.27</b>	Peraturan syarikat bersetuju sekiranya aktiviti pendidikan perburuhan dipertingkatkan	<b>79</b>
<b>Rajah 3.28</b>	Peraturan syarikat menyediakan polisi insurans kemalangan	<b>80</b>
<b>Rajah 3.29</b>	Peraturan syarikat dalam memberikan maklumat pelakon kanak-kanak dan orang muda kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)	<b>80</b>
<b>Rajah 3.30</b>	Peraturan syarikat membuat potongan cukai berjadual (PCB)	<b>80</b>
<b>Rajah 3.31</b>	Peraturan syarikat yang melakukan pemeriksaan kesihatan	<b>81</b>
<b>Rajah 3.32</b>	Peraturan syarikat yang menyediakan bilik persalinan yang sesuai	<b>81</b>
<b>Rajah 3.33</b>	Peraturan syarikat yang menyediakan tandas mengikut jantina	<b>81</b>
<b>Rajah 3.34</b>	Peraturan syarikat yang menyediakan tempat rehat yang selesa	<b>82</b>
<b>Rajah 3.35</b>	Peraturan syarikat yang menyediakan penginapan	<b>82</b>
<b>Rajah 3.36</b>	Peraturan syarikat yang memaklumkan kepada pihak sekolah	<b>83</b>
<b>Rajah 3.37</b>	Peraturan syarikat yang memberikan ruang masa mengulang kaji pembelajaran persekolahan kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda	<b>83</b>
<b>Rajah 3.38</b>	Peraturan syarikat yang berpandangan pelakon kanak-kanak dan orang muda terdedah kepada keciciran pembelajaran	<b>84</b>
<b>Rajah 3.39</b>	Peraturan syarikat yang pernah memberikan bonus	<b>84</b>

**Rajah 3.40** Peratusan syarikat yang menyediakan pengangkutan **84**

**Rajah 3.41** Peratusan watak yang dilakukan pelakon kanak-kanak dan orang muda melibatkan babak merokok, minuman keras dan berkaitan dadah **85**

**Rajah 3.42** Peratusan watak yang dilakukan pelakon kanak-kanak dan orang muda melibatkan babak di lokasi merbahaya **85**

**Rajah 3.43** Peratusan watak yang memerlukan pelakon kanak-kanak dan orang muda melakukan lagak ngeri **86**

# Senarai Singkatan

<b>ASEAN</b>	<i>Association of Southeast Asian Nations</i>
<b>COVID-19</b>	<i>Coronavirus Disease 2019</i>
<b>CRC</b>	<i>Convention of the Rights of the Child</i>
<b>DIKN</b>	Dasar Industri Kreatif Negara
<b>DOSM</b>	<i>Department of Statistics Malaysia</i>
<b>FAQ</b>	<i>Frequently Asked Question</i>
<b>FGD</b>	<i>Focus Group Discussion</i>
<b>FINAS</b>	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia
<b>ICT</b>	<i>Information and Communications Technology</i>
<b>IDI</b>	<i>In-depth Interview</i>
<b>ILO</b>	<i>International Labour Organization</i>
<b>JKKP</b>	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
<b>JPN</b>	Jabatan Pendaftaran Negara
<b>JTKSM</b>	Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
<b>KDNK</b>	Keluaran Dalam Negeri Kasar
<b>KKD</b>	Kementerian Komunikasi dan Digital
<b>KKP</b>	Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
<b>KPM</b>	Kementerian Pendidikan Malaysia
<b>KSM</b>	Kementerian Sumber Manusia
<b>KWSP</b>	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
<b>LHDN</b>	Lembaga Hasil Dalam Negeri
<b>MDEC</b>	<i>Malaysia Digital Economy Corporation</i>
<b>MEF</b>	<i>Malaysian Employers Federation</i>
<b>MoU</b>	<i>Memorandum of Understanding</i>
<b>MTUC</b>	<i>Malaysian Trades Union Congress</i>
<b>MyCap</b>	<i>Malaysian Creative Capacity Enhancement Programme</i>
<b>NGO</b>	<i>Non-governmental Organization</i>
<b>NIOSH</b>	<i>National Institute of Occupational Safety and Health</i>
<b>NNCEE</b>	<i>National Network for Children in Employment and Entertainment</i>
<b>OSH</b>	<i>Occupational Safety and Health</i>



<b>PCB</b>	Potongan Cukai Berjadual
<b>PERKESO</b>	Pertubuhan Keselamatan Sosial
<b>PPP</b>	Penyelia Protokol Penggambaran
<b>QR Code</b>	<i>Quick Response Code</i>
<b>RMKe-11</b>	Rancangan Malaysia Ke-11
<b>RMKe-12</b>	Rancangan Malaysia Ke-12
<b>SAG-AFTRA</b>	<i>Screen Actors Guild-American Federation of Television and Radio Artist</i>
<b>SKSPS</b>	Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri
<b>SOP</b>	<i>Standard Operating Procedure</i>
<b>SPP</b>	Sijil Perakuan Penggambaran
<b>SPPIK</b>	Sistem Pengurusan dan Pemantauan Industri Kreatif Negara
<b>SSPN</b>	Skim Simpanan Pendidikan Nasional
<b>UNCRC</b>	<i>United Nations Convention on the Rights of the Child</i>
<b>USA</b>	<i>United States of America</i>



MOOS ROTOR

8.1

MOOS ROTOR




**BAB 1**  
**PENGENALAN**





## Kategori Industri Kreatif di Dalam Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN)



**19,602**

pertubuhan telah beroperasi dalam Industri Kreatif di Malaysia pada tahun 2015

**RM47,638.9 juta**

output turut direkodkan

**RM19,353.2 juta**

nilai tambah telah dijana oleh industri ini

**216,811**

pekerja dengan bayaran gaji dan upah sebanyak **RM6,888.5 juta**

**31,792**

pertubuhan telah direkodkan dalam industri ini pada tahun 2020

**10.2 peratus**

kadar pertumbuhan tahunan yang dicatatkan di antara tempoh tersebut

**RM29.4 bilion**

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi industri ini menunjukkan peningkatan pada tahun 2019 dan sumbangan **1.9 peratus**

Sumber daripada Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Industri Kreatif di Malaysia turut menunjukkan bahawa sebanyak 19,602 pertubuhan telah beroperasi dalam Industri Kreatif di Malaysia pada tahun 2015. Ini berdasarkan pelaksanaan Banci Ekonomi yang telah dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi tahun rujukan 2015 yang telah dikeluarkan pada tahun 2016. Selain itu, sejumlah RM47,638.9 juta output turut direkodkan dan RM19,353.2 juta nilai tambah telah dijana oleh industri ini. Seterusnya, industri ini juga telah mencatatkan seramai 216,811 pekerja dengan bayaran gaji dan upah sebanyak RM6,888.5 juta. Perkembangan dalam Industri Kreatif ini juga dapat dilihat apabila pada tahun 2020 sebanyak 31,792 pertubuhan telah direkodkan dalam industri ini. Ia merupakan peningkatan sebanyak 12,190 pertubuhan berbanding tahun 2015. Manakala kadar pertumbuhan tahunan yang dicatatkan di antara tempoh tersebut ialah sebanyak 10.2 peratus. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi Industri Kreatif telah menunjukkan peningkatan pada tahun 2019 dengan mencatatkan sebanyak RM29.4 bilion dan sumbangan 1.9 peratus.



Jadual 1 menunjukkan statistik ekonomi utama bagi Industri Kreatif bagi tempoh 2015 hingga 2019.

**Jadual 1: Statistik ekonomi utama bagi Industri Kreatif bagi tempoh 2015 hingga 2019.**

Tahun	KDNK (%)	Eksport (%)	Import (%)	Pekerja (%)
2019	1.9	0.2	0.4	5.7
2018	1.9	0.2	0.3	5.8
2017	1.9	0.2	0.4	5.6
2016	1.9	0.2	0.4	6.1
2015	1.9	0.2	0.4	6.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kajian ini memfokuskan kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda yang digajikan di dalam filem dan drama yang turut merupakan salah satu aktiviti yang terlibat dalam Industri Kreatif iaitu di bawah kategori Industri Kreatif Multimedia. Nor Aida A.K., Maheran, M., Naziree, M.Y. dan Norhasliza, G. (2021) dalam kajian mereka bertajuk *Protection of Best Interest: A Study on Children Working in the Entertainment Industry in Malaysia and Their Right to Education* memaklumkan bahawa Malaysia hanya memperuntukkan undang-undang am mengenai penggajian kanak-kanak dan orang muda dalam industri hiburan. Persekitaran kerja mereka mungkin mendedahkan mereka kepada kemungkinan bahaya, secara fizikal dan juga psikologi. Walaupun Akta 350 ini telah dipinda beberapa kali, ia tidak sepenuhnya melindungi kepentingan terbaik kanak-kanak dalam industri hiburan. Bukan itu sahaja, penguatkuasaan undang-undang dan tahap keberkesanan dalam pematuhan undang-undang tersebut juga perlu dilihat bagi memastikan kanak-kanak dan orang muda yang terlibat dalam industri ini dilindungi. Keperluan dalam mewujudkan satu garis panduan yang khusus bagi kanak-kanak dan orang muda dalam industri hiburan dilihat sebagai satu alternatif dalam memastikan kebajikan dan pendidikan mereka terjamin.

“  
**Malaysia hanya memperuntukkan undang-undang am mengenai penggajian kanak-kanak dan orang muda dalam industri hiburan.**

**Akta 350 yang telah dipinda tidak sepenuhnya melindungi kepentingan terbaik kanak-kanak dalam industri hiburan.**

Nor Aida A.K., Maheran, M., Naziree, M.Y. dan Norhasliza, G. (2021)  
*Protection of Best Interest: A Study on Children Working in the Entertainment Industry in Malaysia and Their Right to Education*



Nurfadhilah, C.A dan Dina, I.S (2014) dalam kajian mereka yang bertajuk *Minors in the Entertainment Industry: The Need for a Comprehensive Guideline in Malaysia* telah menyenaraikan empat (4) isu utama yang dihadapi oleh kanak-kanak dan orang muda yang terlibat dalam industri hiburan di Malaysia. Pertama ialah isu berkenaan dengan penggajian yang tidak mematuhi perundangan dan peraturan yang ditetapkan atau tanpa kontrak yang sah. Sekiranya kontrak tersebut wujud namun ia dibuat bagi pihak kanak-kanak atau orang muda tersebut. Sering terjadi bahawa kanak-kanak dan orang muda ini tidak mempunyai pilihan dan terpaksa patuh kepada kandungan kontrak yang ditetapkan tanpa memahami dan mengetahui kesan atau akibat kandungan kontrak tersebut. Lebih membimbangkan apabila kontrak yang ditawarkan dibuat tanpa mengambil kira kepentingan terbaik kanak-kanak atau orang muda yang terlibat dan hak-hak yang sepatutnya diperoleh oleh golongan ini. Isu kedua ialah berkenaan dengan pemilik sah bagi pendapatan yang diperoleh hasil daripada aktiviti penggambaran filem dan drama yang disertai oleh kanak-kanak dan orang muda ini. Adakah ibu bapa mempunyai hak sepenuhnya ke atas pendapatan tersebut?. Sehingga kini tiada undang-undang atau peraturan yang menghalang ibu bapa daripada mengawal atau membelanjakan pendapatan kanak-kanak dan orang muda yang terlibat di dalam aktiviti penggambaran filem dan drama ini. Isu ketiga yang dibangkitkan oleh pengkaji ini ialah berkaitan dengan risiko eksploitasi, fizikal dan psikologi. Kanak-kanak dan orang muda boleh dieksploitasi dengan mudah kerana mereka tidak dapat mempertahankan diri mereka atau tidak mempunyai pengetahuan tentang eksploitasi tersebut. Ini boleh berlaku apabila pihak yang terlibat tidak memberikan perlindungan sosial yang sewajarnya kepada kumpulan ini. Terdapat juga ibu bapa yang terlibat dalam kes mengeksploitasi kanak-kanak dan orang muda ini demi kepentingan mereka sendiri. Isu keempat ialah risiko keciciran dalam pendidikan. Gangguan terhadap persekolahan boleh berlaku apabila waktu bekerja menghalang mereka daripada menghadiri sekolah atau seterusnya menyebabkan mereka meninggalkan sekolah sebelum tamat tempoh wajib atau apabila mereka hadir ke sekolah maka mereka terpaksa bekerja lama atau masa yang berlebihan di sepanjang tempoh penggambaran filem dan drama dijalankan.



Murshamshul, M. K., Udin, N. M., Ghadas, Z. A. A., dan Mohd Shahril Nizam, M. R. (2018) yang bertajuk *Child Performers in the Entertainment Industry: An Analysis from the Employment Regulations Perspective* turut membangkitkan isu-isu yang sama berkenaan dengan pengeksploitan kanak-kanak dan orang muda di dalam industri hiburan terutama pelakon kanak-kanak dan orang muda. Pengeksploitan terhadap hak untuk mendapatkan pendidikan yang sempurna dan pengurusan kewangan merupakan isu yang seharusnya dipandang serius. Kajian ini juga turut membandingkan Akta 350 dengan akta yang digunakan di Amerika Syarikat dan India. Melalui penelitian didapati terdapat banyak ruang penambahbaikan yang perlu dibuat dalam melindungi hak-hak pelakon kanak-kanak dan orang muda seperti mana yang dilakukan oleh Amerika Syarikat dan India. Undang-undang dan peraturan yang lebih jelas dan berfokus perlu diteliti khususnya bagi aktiviti perfileman dan drama yang melibatkan kanak-kanak dan orang muda.

**Pengeksploitan kanak-kanak dan orang muda di dalam industri hiburan**

Murshamshul, M. K., Udin, N. M., Ghadas, Z. A. A., dan Mohd Shahril Nizam, M. R. (2018)  
*Child Performers in the Entertainment Industry: An Analysis from the Employment Regulations Perspective*

Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) turut memaklumkan bahawa “Pindaan beberapa undang-undang perburuhan telah dilaksana bagi mengukuhkan pasaran buruh serta menambah baik hak pekerja. Akta Kerja 1955 [Akta 265] dan Akta Kesatuan Sekerja 1959 [Akta 262] sedang dipinda selaras dengan perkembangan terkini dalam pasaran buruh bagi memenuhi piawaian buruh antarabangsa.” **Walau bagaimanapun, pindaan ini tidak**

meliputi Akta yang berkaitan dengan Penggajian Kanak-kanak dan Orang Muda di Malaysia. Sehubungan itu, satu kajian terhadap keberkesanan dalam pematuhan berkaitan dengan penggajian kanak-kanak dan orang muda selaras dengan pindaan terkini dalam Akta ini pada tahun 2019 dan perkembangan dalam pasaran buruh semasa adalah wajar dijalankan. Bukan itu sahaja, ketiadaan profil asas berkenaan dengan syarikat yang terlibat dalam menggajikan kanak-kanak dan orang muda dalam industri ini juga telah menyukarkan Kementerian / jabatan / agensi yang terlibat untuk merangka pelan tindakan yang sesuai dalam memastikan tahap pematuhan kepada peraturan yang sedia ada. Kajian ini diharap akan membantu pihak Kerajaan dalam menyediakan maklumat berkaitan dengan penggajian kanak-kanak dan orang muda di Semenanjung Malaysia. Di samping itu, kajian ini juga akan mencadangkan kaedah terbaik yang boleh dilakukan dalam menangani isu-isu yang melibatkan perundangan perburuhan dan perlindungan sosial kanak-kanak dan orang muda dalam aktiviti perfileman dan drama.



“ Pindaan beberapa undang-undang perburuhan telah dilaksanakan bagi mengukuhkan pasaran buruh serta menambah baik hak pekerja. Akta Kerja 1955 [Akta 265] dan Akta Kesatuan Sekerja 1959 [Akta 262] sedang dipinda selaras dengan perkembangan terkini dalam pasaran buruh bagi memenuhi piawaian buruh antarabangsa.



Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12)

## 1.1 OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada kajian-kajian terdahulu dan situasi semasa maka kajian ini akan memfokuskan kepada tiga (3) objektif utama iaitu:

Menyediakan profil asas syarikat yang menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama di Semenanjung Malaysia



Mengemukakan rekomendasi yang berkaitan dengan perundangan perburuhan dan perlindungan sosial bagi pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama di Semenanjung Malaysia

i



ii

Mengenal pasti isu-isu berkaitan perundangan perburuhan dan perlindungan sosial yang melibatkan pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama di Semenanjung Malaysia


iii



## 1.2 METODOLOGI KAJIAN

Skop kajian ini akan melibatkan responden yang berada di Semenanjung Malaysia. Kajian ini menggunakan kedua-dua kaedah kualitatif dan kuantitatif. Pendekatan yang digunakan di dalam kajian ini ialah *top-down* dan *bottom-up*. Data dan maklumat bagi kajian ini adalah daripada sumber-sumber berikut:

- Kaedah kuantitatif
- Kaedah kualitatif
- *Top-down*
- *Bottom-up*




### 1.2.1 Data Primer

Data primer bagi kajian ini diperoleh melalui soal selidik dan temu ramah yang dilakukan secara perbincangan kumpulan berfokus (FGD) dan *in-depth interview* (IDI):

#### a. Soal Selidik

Edaran soal selidik secara dalam talian telah dijalankan dari 20 Mac 2023 sehingga 26 Mei 2023 bagi mendapatkan input mengenai maklumat asas syarikat, maklumat penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda, perundangan perburuhan, kemudahan dan perlindungan sosial serta keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Kajian ini memfokuskan kepada syarikat-syarikat yang pernah atau sedang menggajikan pelakon kanak-kanak atau orang muda dalam filem dan drama di Semenanjung Malaysia. Berikutan daripada ketiadaan rekod rasmi berkenaan dengan senarai syarikat yang menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda di Semenanjung Malaysia, maka persampelan bukan kebarangkalian (*non-probability sampling method*) iaitu kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) telah digunakan di dalam kajian ini. Borang soal selidik diedarkan kepada responden secara dalam talian dan edaran fizikal melalui risalah yang disertakan dengan *Quick Response Code* (QR Code). Bagi kajian ini, sebanyak **361 syarikat** telah menjawab soalan soal selidik ini dengan lengkap.



## Tarikh edaran soal selidik

20 Mac 2023  
sehingga  
26 Mei 2023



## Kaedah edaran

secara dalam talian



## 361 syarikat

telah menjawab soal selidik  
ini dengan lengkap

### b. Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) dan *In-Depth Interview* (IDI)

Sebanyak **empat (4) sesi FGD dan lapan (8) sesi IDI** dijalankan bersama kementerian / jabatan / agensi, persatuan majikan, kesatuan sekerja pekerja, ahli akademik, persatuan pelakon, pengarah dan penerbit filem serta pelakon dan bekas pelakon kanak-kanak dan orang muda yang terlibat dalam penggajian kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama di Semenanjung Malaysia. Sebanyak **27 wakil** daripada kementerian / jabatan / agensi, persatuan majikan, kesatuan sekerja pekerja, ahli akademik, persatuan pelakon, pengarah dan penerbit filem serta pelakon dan bekas pelakon kanak-kanak yang terlibat dalam penggajian kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama di Semenanjung Malaysia telah menyertai sesi FGD dan IDI ini. Tujuan sesi ini dijalankan adalah untuk mendapatkan input dan pandangan berkenaan isu-isu yang melibatkan penggajian kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama. Bukan itu sahaja, sesi ini juga turut mendapatkan pandangan berkenaan dengan cadangan-cadangan yang sesuai bagi menangani isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang sesi FGD dan IDI yang dijalankan. Sesi temu ramah dijalankan secara bersemuka dan dalam talian dengan menggunakan kaedah temu ramah berstruktur iaitu satu senarai soalan telah disediakan kepada pihak yang terlibat bagi tujuan mendapatkan input dan pandangan.



## 12 sesi

empat (4) sesi FGD  
dan lapan (8) sesi IDI



## 27 wakil

kementerian / jabatan / agensi, persatuan majikan, kesatuan sekerja pekerja, ahli akademik, persatuan pelakon, pengarah dan penerbit filem serta pelakon dan bekas pelakon kanak-kanak dan orang muda

### 1.2.2 Data Sekunder

Antara sumber utama data sekunder bagi kajian ini ialah data pentadbiran dan penerbitan laporan terdahulu.

#### a. Data Pentadbiran

Kajian ini juga merujuk kepada data-data yang berkaitan dengan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama di Semenanjung Malaysia.




#### b. Penerbitan Laporan

Selain daripada data pentadbiran, pasukan kajian juga merujuk kepada input dan maklumat yang diperoleh daripada laporan-laporan, artikel-artikel dan lain-lain penerbitan yang diterbitkan oleh mana-mana kementerian, jabatan, agensi atau mana-mana pihak yang berkaitan.


### 1.3 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini adalah *policy-oriented research* yang bertujuan membantu pembuat dasar dan pemegang taruh yang terlibat. Ia memberi sumbangan yang penting dari sudut praktikal dengan mengemukakan cadangan-cadangan yang boleh dilaksanakan (*implementable recommendations*) bagi membantu kementerian dan agensi yang berkaitan menambah baik dasar, perundangan dan pelaksanaan program sedia ada. Strategi dan inisiatif yang dicadangkan boleh dilaksanakan di peringkat nasional kerana ia adalah bersifat praktikal dan telah ditanda aras dengan negara-negara lain.









**BAB 2**  
**TINJAUAN**  
**LITERATUR**



# **BAB 2**

## **TINJAUAN LITERATUR**

### **2.0 PENDAHULUAN**

Kajian ini turut membuat rujukan terhadap kajian-kajian yang lepas dan juga sistem perundangan yang diguna pakai di Malaysia dan di peringkat antarabangsa yang berkaitan dengan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda khususnya yang terlibat dengan aktiviti berkaitan dengan perfileman dan drama. Beberapa akta berkaitan dengan hak dan perlindungan pelakon kanak-kanak dan orang muda yang sedia ada di Malaysia turut menjadi sumber rujukan utama kajian ini. Selain itu, perbandingan juga dilakukan melalui penandaarasan terhadap negara-negara terpilih. Rujukan ini perlu dilakukan untuk mengenal pasti isu-isu dan penambahbaikan yang telah dilakukan di peringkat antarabangsa dan kesesuaiannya untuk dicadangkan di dalam kajian ini.


### **2.1 PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DAN POLISI BERKAITAN HAK DAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK DAN ORANG MUDA DI MALAYSIA**

#### **2.1.1 Perlembagaan Persekutuan**

Perlembagaan Persekutuan diperkenalkan pertama kalinya sebagai Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada Hari Kemerdekaan iaitu 31 Ogos 1957. Seterusnya dikenali sebagai Perlembagaan Persekutuan Malaysia pada Hari Malaysia iaitu 16 September 1963. Peruntukan Perlembagaan Persekutuan jelas menyatakan di bawah Artikel 12 berkaitan dengan hak berkenaan dengan pendidikan. Ia merangkumi kesamarataan tanpa diskriminasi terhadap mana-mana warganegara tidak kira agama, ras, keturunan, atau tempat lahir dalam kemasukan ke mana-mana institusi pendidikan awam dan termasuk pembayaran fi.



### 2.1.2 Akta (Pekerjaan) Kanak-Kanak dan Orang Muda, 1966 [Akta 350]



Akta 350 ini digubal bagi menguatkuasakan peraturan-peraturan berkenaan dengan pengambilan kanak-kanak dan orang muda sebagai pekerja. Akta ini juga bertujuan untuk mengawal selia penggajian kanak-kanak dan orang muda di Semenanjung Malaysia sahaja. Antara perkara yang telah dimasukkan di dalam Akta ini ialah berkenaan dengan definisi kanak-kanak dan orang muda serta had umur yang perlu diketahui oleh pihak majikan. Jenis-jenis pekerjaan yang boleh menggajikan kanak-kanak dan orang muda ini turut dimasukkan di dalam Akta 350 ini.

Selain itu, penentuan waktu-waktu kerja sehari, bilangan hari-hari kerja dalam seminggu dan tempoh rehat di antara waktu-waktu kerja yang perlu dipatuhi oleh pihak majikan juga turut dinyatakan. Ini untuk memastikan agar pihak majikan yang ingin mengambil kanak-kanak dan orang muda bekerja mengetahui jenis pekerjaan-pekerjaan yang sesuai dengan keupayaan kanak-kanak dan orang muda tersebut. Permohonan lesen juga perlu dibuat oleh majikan kepada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) sekiranya ingin menggajikan kanak-kanak dan orang muda. Kelulusan lesen ini bertujuan untuk melindungi pekerja kanak-kanak dan orang muda di samping memastikan pihak majikan mematuhi dan melaksanakan peraturan yang telah ditetapkan di dalam Akta 350. Pemeriksaan penguatkuasaan secara berkala juga dilakukan oleh pihak JTKSM bagi memastikan pematuhan terhadap peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Akta 350 ini. Beberapa pindaan telah dibuat dan dikuatkuasakan pada tahun 1988, 2011 dan 2019 sebagai penambahbaikan terhadap peruntukan-peruntukan Akta 350 yang sedia ada.

### 2.1.3 Akta Pendidikan, 1996 [Akta 550]

Pewujudan Akta 550 memperuntukkan berkenaan dengan pendidikan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Pindaan Akta ini pada tahun 2002 telah memasukkan Seksyen 29A yang menetapkan kuasa Menteri untuk mewajibkan pendidikan rendah di negara ini. Bukan itu sahaja, Subseksyen 29A (2) juga menjelaskan bahawa setiap ibu bapa yang merupakan warganegara Malaysia hendaklah memastikan anak mereka yang telah mencapai umur enam tahun pada hari pertama bulan Januari dalam tahun persekolahan semasa perlu didaftarkan sebagai murid di sekolah rendah dalam tahun itu dan terus menjadi murid di sekolah rendah sepanjang tempoh pendidikan wajib. Kementerian Pendidikan juga telah menetapkan pelaksanaan pendidikan wajib di peringkat rendah berkuat kuasa pada 1 Januari 2003.




### 2.1.4 Akta Kanak-Kanak, 2001 [Akta 611]



Akta 611 ini diwujudkan bagi menguatkuasakan peruntukan-peruntukan yang berhubung dengan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak dan perkara yang berkaitan. Bukan itu sahaja, pewujudan Akta ini juga bertujuan untuk memberikan kanak-kanak hak untuk mendapatkan perlindungan dan bantuan dalam segala hal dan keadaan. Walau bagaimanapun, tiada peruntukan yang jelas di dalam Akta ini berkenaan dengan hak kanak-kanak dalam mendapatkan pendidikan.

### 2.1.5 Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, 1981 [Akta 244]

Akta 244 diwujudkan bagi menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan perusahaan perfileman Malaysia. Akta ini menerangkan berkenaan dengan penubuhan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia dan peruntukan yang berkaitan dengan perfileman di Malaysia. Akta ini turut mendefinisikan **aktiviti perfileman** sebagai segala aktiviti yang berhubung dengan perusahaan perfileman. Manakala definisi **filem** pula ditakrifkan sebagai filem cerita, filem pendek, filem subjek ringkas, treler, dokumentari, filem kecil iklan dan apa-apa rakaman pada apa-apa jenis bahan, termasuk pita video dan ceper video, berupa arca bergerak sama ada disertai dengan bunyi atau tidak, untuk dilihat oleh orang ramai atau mana-mana golongan orang ramai.



**Pengeluaran filem** pula merujuk kepada segala aktiviti yang berhubung dengan mengeluarkan atau memproses filem, atau merekod atau menyalin pita video untuk dilihat oleh orang ramai atau mana-mana golongan orang ramai. Bahagian V di bawah Akta ini juga memperuntukkan berkenaan dengan pengeluaran, pengedaran dan pemameran filem-filem termasuklah permohonan lesen bagi aktiviti berkaitan dengan pengeluaran filem. Selain peruntukan Akta ini, terdapat empat (4) peraturan khusus yang perlu dipatuhi. Peraturan-peraturan tersebut ialah:

- i. Peraturan-peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Bayaran Filem);
- ii. Peraturan-peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Kompaun);
- iii. Peraturan-peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pelesenan); dan
- iv. Peraturan-peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Skim Wajib Tayang).

## Empat (4) Peraturan Khusus Yang Perlu Dipatuhi Di Bawah Akta 244



### 2.1.6 Dasar Kanak-Kanak Negara



Dasar Kanak-Kanak Negara digubal bertujuan untuk melindungi hak kanak-kanak dari segi kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak dalam apa juga aktiviti yang berkaitan. Ini bagi memastikan agar kanak-kanak tersebut dapat menikmati peluang dan ruang untuk mencapai perkembangan holistik dalam persekitaran yang kondusif. Enam (6) objektif utama pembentukan Dasar Kanak-Kanak Negara ialah pertama untuk memastikan setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk hidup dengan diberi jagaan, pemeliharaan, kasih sayang, perkhidmatan kesihatan, sokongan dan bantuan sosial.

Kedua ialah setiap kanak-kanak termasuk kanak-kanak kurang upaya mempunyai hak untuk dilindungi daripada sebarang bentuk pengabaian, penderaan, keganasan dan **eksploitasi** dan seterusnya diberi habilitasi, rehabilitasi dan diintegrasikan ke dalam keluarga dan masyarakat. Objektif ketiga ialah setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk perkembangan holistik dari segi fizikal, kognitif, bahasa, sosio-emosi, sahsiah dan kerohanian. Keempat ialah setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk bersuara, menyertai (turut serta) dan melibatkan diri mengikut tahap keupayaan dalam

perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan terbaik dan kesejahteraan mereka. Kelima ialah kanak-kanak, ibu bapa, penjaga, komuniti dan masyarakat sedar akan hak kanak-kanak untuk kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak dan objektif keenam ialah memastikan penyelidikan dan pembangunan mengenai kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak dilaksanakan dari semasa ke semasa.

### 2.1.7 Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara

Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara diwujudkan bagi menggalakkan setiap agensi, organisasi dan anggota masyarakat untuk memberi keutamaan kepada perlindungan kanak-kanak sebagai tanggungjawab bersama. Dasar ini adalah selaras dengan falsafah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) dan Akta 611 yang juga menekankan prinsip perlindungan kepada kanak-kanak demi kepentingan terbaik mereka. Tumpuan Dasar ini adalah kepada aspek advokasi,



prevention, support services and investigation and development to protect children. This is to ensure that every child receives protection from neglect, abuse, violence and exploitation. Juster itu, Dasar ini juga menjadi pemangkin kepada kesedaran dan komitmen semua pihak termasuk setiap anggota masyarakat dalam melindungi kanak-kanak.

Tujuh (7) objektif utama Dasar ini ialah pertama meningkatkan kesedaran dan komitmen pelbagai pihak terhadap usaha melindungi kanak-kanak sebagai tanggungjawab bersama. Kedua ialah mewujudkan persekitaran yang selamat dan mesra kanak-kanak. Ketiga menggalakkan organisasi yang berhubung secara langsung dan tidak langsung dengan kanak-kanak agar mewujudkan dasar perlindungan kanak-kanak organisasi masing-masing. Keempat ialah melindungi setiap kanak-kanak daripada sebarang bentuk pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi. Objektif kelima ialah menetapkan hanya individu yang bersesuaian sahaja boleh berurusan secara langsung dengan kanak-kanak. Objektif seterusnya ialah meningkatkan khidmat sokongan bagi menangani pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi terhadap kanak-kanak. Manakala objektif terakhir ialah meningkatkan penyelidikan dan



pembangunan bagi menambah baik perlindungan terhadap kanak-kanak. Dasar ini juga mentakrifkan eksploitasi kanak-kanak yang merujuk kepada penggunaan kanak-kanak dalam aktiviti yang membolehkan pihak lain mendapat faedah dari segi kewangan, seksual, politik serta kepentingan lain yang boleh mengancam kesejahteraan fizikal dan psikologikal mahupun kelangsungan hidup kanak-kanak.

## **2.2 DEFINISI KANAK-KANAK DAN ORANG MUDA DALAM KONTEKS PERUNDANGAN PERBURUHAN DI MALAYSIA DAN NEGARA LUAR**

### **2.2.1 Definisi Kanak-kanak dan Orang Muda di bawah Akta 611 dan Akta 350**

Akta 611 mendefinisikan kanak-kanak sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun. Walau bagaimanapun, dalam konteks perundangan perburuhan di Malaysia, Seksyen 2 Akta 350 telah mendefinisikan kanak-kanak dan orang muda secara berasingan. Kanak-kanak telah didefinisikan sebagai seseorang yang berumur di bawah 15 tahun. Manakala orang muda pula didefinisikan sebagai seseorang yang berumur 15 hingga di bawah 18 tahun.

### **2.2.2 Definisi Kanak-kanak dan Orang Muda di dalam Konteks Perundangan Perburuhan di Negara-negara Luar**

Kajian ini juga turut melihat definisi kanak-kanak dan orang muda yang diguna pakai oleh negara-negara luar yang terpilih. Jadual 2.1 adalah berkenaan dengan senarai Akta yang berkaitan dalam pengajian kanak-kanak dan orang muda berserta definisi kanak-kanak dan orang muda yang diguna pakai oleh negara tersebut.

## SENARAI AKTA DAN DEFINISI NEGARA TERPILIH



**AUSTRALIA**

**Nama Akta:**

*Child Employment Act, 2003*

**Terma yang digunakan:**

Kanak-kanak

**Definisi yang diguna pakai:**

**Kanak-kanak** merujuk kepada individu yang berumur 15 tahun dan ke bawah.

**Nama Akta:**

*Child Labour Laws 2013*

**Terma yang digunakan:**

*Minors*

**Definisi yang diguna pakai:**

*Minors* merujuk kepada individu yang berumur di bawah 18 tahun yang perlu menghadiri persekolahan di bawah Kod Pendidikan serta individu yang berusia di bawah 6 tahun.



**CALIFORNIA**

**Nama Akta:**

*Protection of Young Persons (Employment) Act, 1996*

**Terma yang digunakan:**

Kanak-kanak dan Orang Muda

**Definisi yang diguna pakai:**

- i. **Kanak-kanak** merujuk kepada individu yang belum mencapai umur 16 tahun.
- ii. **Orang Muda** merujuk kepada individu yang telah mencapai umur 16 tahun tetapi belum mencapai umur 18 tahun.



**IRELAND**

**Nama Akta:**  
*Republic Act No. 9231, 2003*

**Terma yang digunakan:**  
Kanak-kanak

**Definisi yang diguna pakai:**  
**Kanak-kanak** merujuk kepada individu di bawah umur 18 tahun.



**Nama Akta:**  
*Young Workers' Act (998/1993)*

**Terma yang digunakan:**  
Orang Muda

**Definisi yang diguna pakai:**  
**Orang Muda** merujuk kepada individu yang berumur 18 tahun ke bawah.

**Nama Akta:**  
*Cap. 57 Employment Ordinance, 1968*

**Terma yang digunakan:**  
Kanak-kanak dan Orang Muda

**Definisi yang diguna pakai:**

- i. **Kanak-kanak** merujuk kepada individu di bawah umur 15 tahun.
- ii. **Orang Muda** merujuk kepada individu yang telah mencapai umur 15 tahun tetapi belum mencapai umur 18 tahun.





## INDONESIA

### **Nama Akta:**

*Indonesian Labour Law – Act 13*

### **Terma yang digunakan:**

Kanak-kanak

### **Definisi yang diguna pakai:**

**Kanak-kanak** merujuk kepada individu di bawah umur 18 tahun.

### **Nama Akta:**

*The Child and Adolescent Labour (Prohibition and Regulation) Act, 1986*

### **Terma yang digunakan:**

Kanak-kanak dan Remaja (Adolescents)

### **Definisi yang diguna pakai:**

- i. **Kanak-kanak** merujuk kepada individu di bawah umur 14 tahun.
- ii. **Remaja** merujuk kepada individu yang telah mencapai umur 14 tahun tetapi di bawah umur 18 tahun.



## INDIA



## JERMAN

### **Nama Akta:**

*Protection of Young Persons Act, 2009*

### **Terma yang digunakan:**

Kanak-kanak dan Remaja (Adolescents)

### **Definisi yang diguna pakai:**

- i. **Kanak-kanak** merujuk kepada individu di bawah umur 14 tahun.
- ii. **Remaja** merujuk kepada individu yang telah mencapai umur 14 tahun tetapi di bawah umur 18 tahun.



**Nama Akta:**

*Employment Act 1968 (Part 8: Employment of Children and Young Persons)*

**Terma yang digunakan:**

Kanak-kanak dan Orang Muda

**Definisi yang diguna pakai:**

- i. **Kanak-kanak** merujuk kepada individu di bawah yang belum mencapai umur 15 tahun.
- ii. **Orang Muda** merujuk kepada individu yang telah mencapai umur 15 tahun tetapi belum mencapai umur 16 tahun.

**Nama Akta:**

*Employment of Women, Young Persons and Children Act, 1920*

**Terma yang digunakan:**

Kanak-kanak dan Orang Muda

**Definisi yang diguna pakai:**

- i. **Kanak-kanak** merujuk kepada individu di bawah umur 14 tahun.
- ii. **Orang Muda** merujuk kepada individu yang telah mencapai umur 14 tahun tetapi di bawah umur 18 tahun.



**UNITED KINGDOM**

Hasil daripada penelitian terhadap perundangan berkaitan di 11 negara yang terpilih menunjukkan bahawa terdapat negara-negara yang mempunyai Akta yang khusus bagi penggajian kanak-kanak dan orang muda ini. Terdapat juga negara yang tidak mempunyai Akta yang khusus tetapi dimasukkan bersekali di bawah Akta Kerja negara berkenaan. Terdapat juga negara yang mengkategorikan definisi kanak-kanak kepada dua iaitu kanak-kanak atau *minors* dan orang muda atau remaja (*adolescent*). Walaupun terdapat terma dan pengkategorian yang berbeza digunakan bagi kumpulan ini namun didapati had umur bagi kanak-kanak dan orang muda ini ialah yang berumur di bawah 18 tahun.

Kajian literatur juga mendapati sebuah lagi negara ASEAN iaitu Myanmar tidak mempunyai perundangan khusus berkenaan dengan kajian penggajian kanak-kanak dan orang muda. Peruntukan undang-undang berkenaan dengan penggajian kanak-kanak dan orang muda hanya dinyatakan di bawah *Shops and Establishments Act (1951)*, *Factories Act (1951)*, *Child Law (1993)* dan *Education Law (2014)*.

Di Myanmar, walaupun *Shops and Establishments Act (1951)* dan *Factories Act (1951)* melarang kanak-kanak di bawah umur 13 tahun bekerja namun kedua-dua Akta ini tidak melindungi kanak-kanak yang bekerja dalam sektor lain seperti pertanian dan ekonomi informal di mana sebahagian besar buruh kanak-kanak dipercayai bekerja disitu. Walau bagaimanapun, kedua-dua Akta ini tidak mematuhi prinsip umur minimum iaitu 14 tahun yang ditetapkan di bawah Konvensyen ILO iaitu *Minimum Age Convention, 1973, (No. 138)*.

### **2.2.3 Definisi Kanak-kanak dan Orang Muda Mengikut Konvensyen ILO (International Labour Organization) dan Konvensyen CRC (Right of the Child).**



Kajian ini juga merujuk kepada definisi kanak-kanak dalam konteks penggajian kanak-kanak dan orang muda yang diguna pakai oleh Konvensyen ILO dan Konvensyen CRC. Salah satu Konvensyen ILO yang berkaitan penggajian kanak-kanak dan orang muda ialah *Worst Forms of Child Labour Convention, 1999 (No. 182)*.

Konvensyen ini mendefinisikan kanak-kanak sebagai individu yang berumur di bawah 18 tahun. Selain itu, definisi kanak-kanak yang digunakan oleh Konvensyen ini juga diguna pakai oleh manual yang dikeluarkan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) yang bertajuk *Handbook on Hazardous Child Labour 2011*.

## **2.3 AKTA (PEKERJAAN) KANAK-KANAK DAN ORANG MUDA 1966, [AKTA 350]**

Akta 350 adalah terpakai di Semenanjung Malaysia sahaja dan dikuatkuasakan oleh JTKSM. Akta ini telah dipinda dan dikuatkuasakan sebanyak tiga (3) kali iaitu pada 1 November 1988, 1 November 2011 dan pindaan ketiga telah dikuatkuasakan pada 1 Disember 2019. Pindaan ini bertujuan untuk memastikan perlindungan dan pengawalan

penggajian kanak-kanak dan orang muda yang bekerja agar tidak didiskriminasi dan dieksploitasi. Pindaan ini juga selaras dengan piawaian antarabangsa iaitu *Minimum Age Convention, 1973 (No.138)* dan *Worst Forms of Child Labour Convention, 1999 (No.182)*. Akta 350 ini mempunyai peruntukan dan peraturan yang melibatkan penggajian kanak-kanak dan orang muda dalam bidang pekerjaan yang dibenarkan termasuklah yang bekerja di dalam industri hiburan awam. Akta ini juga mengandungi Peraturan (Pekerjaan) Kanak-kanak dan Orang Muda 1966 di bawah Jadual Ketiga.

Subseksyen 1A (1) Akta ini telah mendefinisikan hiburan awam sebagai hiburan yang dibuka untuk orang awam dengan mengenakan bayaran atau tidak kepada orang awam dan termasuk persembahan untuk pembikinan filem kecuali:

- i. Persembahan atau hiburan oleh pelajar dari mana-mana sekolah berdaftar di bawah Akta Pendidikan 1961, [Akta 43]; atau
- ii. Mana-mana hiburan yang dipromosikan oleh badan sukarela, sosial atau kebajikan yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah.


**Permohonan lesen** untuk menggajikan kanak-kanak dan orang muda di dalam industri hiburan awam perlu diperoleh secara bertulis daripada Ketua Pengarah Tenaga Kerja seperti mana yang diperuntukkan di dalam Subseksyen 7(1) Akta ini. Ketua Pengarah Tenaga Kerja boleh **mengenenakan syarat-syarat** tertentu di dalam Lesen Hiburan Awam untuk kebenaran yang diberikan. Permohonan perlu dibuat oleh majikan kepada JTKSM dengan mengisi borang permohonan **AKOM 3 (Lesen Hiburan Awam)**. Subseksyen 7(3) Akta ini juga menyatakan bahawa Ketua Pengarah Tenaga Kerja boleh **membatalkan lesen** yang dikeluarkan jika kanak-kanak atau orang muda tersebut terdedah kepada pekerjaan yang berbahaya kepada nyawa, anggota badan, kesihatan, keselamatan atau moral kanak-kanak atau orang muda yang terlibat. Selain itu, lesen ini juga boleh dibatalkan jika berlaku pelanggaran syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam lesen. Hak untuk **merayu** boleh dibuat terhadap keputusan Ketua Pengarah dalam tempoh 14 hari kepada Menteri oleh pihak-pihak berikut sama ada kanak-kanak atau orang muda, ibu bapa atau penjaga kepada kanak-kanak atau orang muda; atau mana-mana orang yang terkilan.

Akta ini juga menetapkan **bilangan hari bekerja** bagi kanak-kanak atau orang muda dalam semua pekerjaan termasuklah industri hiburan awam seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 4, Akta 350. Peruntukan di dalam seksyen ini menyatakan bahawa kanak-kanak atau orang muda tidak boleh bekerja melebihi enam (6) hari dalam tempoh tujuh (7) hari berturut-turut. Selain itu, Akta ini memperuntukkan **tempoh waktu bekerja** bagi penggajian kanak-kanak atau orang muda. Tempoh waktu bekerja ini adalah mengikut kategori kanak-kanak dan orang muda.

Secara amnya, menurut Subseksyen 5(1) Akta ini, **kanak-kanak** yang bekerja dalam semua pekerjaan **tidak dibenarkan bekerja**:

- i. di antara jam 8 malam hingga 7 pagi;
- ii. melebihi 3 jam berturut-turut tanpa rehat sekurang-kurangnya 30 minit;
- iii. melebihi enam (6) jam sehari, atau jika bersekolah adalah tidak melebihi tujuh (7) jam termasuk waktu persekolahan; atau
- iv. memulakan kerja tanpa tempoh rehat atau bebas dari pekerjaan selama 14 jam berturut-turut.

#### Subseksyen 5(1), Akta 350



Walau bagaimanapun, kanak-kanak yang terlibat di dalam **industri hiburan awam** **dikecualikan** daripada pemakaian tempoh waktu bekerja **di antara jam 8 malam hingga 7 pagi** seperti yang dinyatakan dalam Subseksyen 5(2), Akta 350.



Secara amnya juga menurut Subseksyen 6(1) Akta ini, **orang muda** yang bekerja dalam semua pekerjaan **tidak dibenarkan bekerja**:

- i. di antara jam 8 malam hingga 6 pagi;
- ii. berterusan melebihi empat (4) jam berturut-turut tanpa rehat sekurang-kurangnya 30 minit;
- iii. melebihi tujuh (7) jam sehari, atau jika bersekolah adalah tidak melebihi lapan (8) jam termasuk waktu persekolahan; atau
- iv. memulakan kerja tanpa tempoh rehat atau bebas daripada pekerjaan selama 12 jam berturut-turut.

### Subseksyen 6(1), Akta 350

01

Di antara jam 8 malam hingga 6 pagi

02

Berterusan melebihi empat (4) jam berturut-turut tanpa rehat sekurang-kurangnya 30 minit

03

Melebihi tujuh (7) jam sehari, atau jika bersekolah adalah tidak melebihi lapan (8) jam termasuk waktu persekolahan

04

Memulakan kerja tanpa tempoh rehat atau bebas daripada pekerjaan selama 12 jam berturut-turut

Walau bagaimanapun, orang muda yang terlibat dalam **industri hiburan awam** **dikecualikan** daripada pemakaian waktu bekerja **di antara jam 8 malam hingga 7 pagi** seperti yang dinyatakan dalam Subseksyen 6(2) Akta 350. Namun begitu, semua syarat berhubung pekerjaan kanak-kanak dan orang muda dalam hiburan awam adalah ditetapkan di dalam **Lesen Hiburan Awam** yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Tenaga Kerja di bawah Seksyen 7 Akta ini.

Dari segi kontrak pekerjaan pula, Akta Kontrak 1950 [Akta 136] melarang seseorang yang belum dewasa untuk memasuki suatu kontrak. Walau bagaimanapun, di bawah Seksyen 13 Akta 350, seseorang kanak-kanak atau muda boleh memasuki suatu

**kontrak** perkhidmatan tetapi bukan sebagai seorang majikan. Selain itu, kanak-kanak atau orang muda boleh menyaman sebagai plaintif atau mempertahankan sebarang tindakan tanpa memerlukan penjaga. Jika berlaku sebarang pelanggaran kontrak di bawah Seksyen 13 Akta Kerja 1955, tiada sebarang ganti rugi atau indemniti boleh dikenakan kepada kanak-kanak atau orang muda. **Peraturan 16** di bawah Peraturan (Pekerjaan) Kanak-kanak dan Orang Muda 1966 menyatakan bahawa rujukan kepada **peruntukan kontrak perkhidmatan dan majikan di bawah Akta 350 hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.**

Peruntukan di bawah Subseksyen 2 (1A) Akta 350 **melarang** kanak-kanak atau orang muda bekerja dalam **kerja berbahaya** atau pekerjaan yang dinyatakan dalam **Jadual Keempat** Akta ini. Kerja-kerja berbahaya tersebut adalah yang berkaitan dengan mesin, jentera berat, pemasangan paip seperti paip bertekanan, tenaga elektrik, sistem pencegahan kebakaran dan pencawang elektrik. Selain itu mereka juga tidak dibenarkan bekerja dalam persekitaran yang terdedah kepada bahaya fizikal, bahan kimia, kerja yang terdedah kepada bahaya biologi dan kerja yang mempunyai sifat dan keadaan yang berbahaya.

Selain itu, di bawah Subseksyen 2 (2B) Akta ini juga tidak membenarkan kanak-kanak dan orang muda terlibat dalam sebarang pekerjaan yang **tidak bermoral** sebagai mana yang dinyatakan dalam **Jadual Kelima** Akta 350. Jadual ini menyatakan bahawa kanak-kanak dan orang muda tidak boleh terlibat dengan pekerjaan berkaitan pelacuran, pengiring sosial, pelayan kelab, minuman beralkohol, perjudian, perkhidmatan urut, pornografi dan pekerjaan yang membabitkan dadah narkotik dan bahan yang menyebabkan ketagihan.

Untuk memastikan majikan yang terlibat dalam industri hiburan awam mematuhi semua peruntukan yang berkaitan, maka di dalam Seksyen 9, Akta ini telah memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja dan pegawai lain yang dilantik di bawah Seksyen 3, Akta Kerja 1955 untuk **menjalankan penguatkuasaan** bagi memastikan **pematuhan** dalam kalangan majikan dan orang-orang yang terlibat dalam industri hiburan awam serta lain-lain pekerjaan yang dibenarkan kepada kanak-kanak dan orang muda.

Pihak-pihak yang **melanggar peruntukan Akta dan peraturan atau perintah** jika disabitkan kesalahan dan boleh dikenakan **hukuman dengan penalti** bagi kesalahan pertama iaitu penjara tidak melebihi dua (2) tahun atau denda tidak melebihi RM50,000.00 atau kedua-duanya sekali. Bagi setiap kesalahan seterusnya adalah penjara tidak melebihi lima (5) tahun atau denda tidak melebihi RM100,000.00 atau kedua-duanya menurut Subseksyen 14(1) Akta 350.

Selain peruntukan di dalam Akta 350, terdapat peraturan lain yang perlu dipatuhi oleh majikan yang menggajikan kanak-kanak dan orang muda dalam industri hiburan awam. **Jadual Ketiga, Peraturan (Pekerjaan) Kanak-kanak dan Orang Muda 1966** menjelaskan peraturan yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

- i. **Peraturan 4** menyatakan bahawa majikan atau ejen yang terlibat dalam hiburan awam perlu membawa kanak-kanak atau orang muda yang digajikan **untuk diperiksa oleh Pegawai Perubatan Kerajaan** sebelum mereka memulakan pekerjaan. Pemeriksaan kesihatan yang seterusnya perlu dibuat setiap tiga (3) bulan dan hasil pemeriksaan hendaklah dilaporkan oleh Pegawai Perubatan tersebut kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja;
- ii. **Peraturan 5** pula menyatakan bahawa **lesen** untuk menggajikan kanak-kanak atau orang muda dalam industri hiburan awam yang dikeluarkan di bawah Seksyen 7 Akta 350 ini hendaklah menyatakan perkara-perkara berikut:
  - a. Bilangan maksimum bagi pertunjukan dalam 1 hari atau 1 minggu;
  - b. Bilangan maksimum pertunjukan yang dibuat secara berterusan;
  - c. Mana-mana tempoh waktu dalam 1 hari yang kanak-kanak atau orang muda tidak boleh mengambil bahagian dalam pertunjukan awam;
  - d. Tempoh masa setiap pertunjukan tidak boleh melebihi 4 jam;
  - e. Kanak-kanak atau orang muda tidak boleh menyertai pertunjukan yang berbahaya kepada kehidupan, anggota badan, kesihatan atau moral;
  - f. Kanak-kanak atau orang muda hendaklah melaporkan secara langsung atau bertulis kepada Penolong Pengarah Tenaga Kerja atau Pengarah Tenaga Kerja Negeri apabila telah berhenti kerja dengan majikan sedia ada;

- g. Kanak-kanak atau orang muda hendaklah melapor secara langsung atau bertulis kepada Penolong Pengarah Tenaga Kerja atau Pengarah Tenaga Kerja Negeri apabila meninggalkan sesuatu daerah atau negeri dan perlu memaklumkan destinasi yang seterusnya;
  - h. Kanak-kanak atau orang muda hendaklah melaporkan ketibaannya di mana-mana daerah kepada Pejabat Tenaga Kerja yang berhampiran secara bertulis atau memaklumkan secara langsung; dan
  - i. Syarat-syarat dan pernyataan lain.
- iii. **Peraturan 6** pula adalah berkaitan dengan majikan yang melanggar Peraturan (Pekerjaan) Kanak-kanak dan Orang Muda 1966 atau gagal membenarkan pemeriksaan ke atas kanak-kanak atau orang muda di bawah Peraturan 3 (pemeriksaan pada bila-bila masa oleh Ketua Pengarah, Majistret atau orang-orang yang diberikan kuasa oleh Pengarah kesihatan, Ketua Pengarah Tenaga Kerja atau Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat) adalah bersalah dan boleh didenda tidak melebihi RM250.00 atau penjara enam (6) bulan atau kedua-duanya sekali sekiranya tiada penalti lain di bawah Akta 350 ini.

## **2.4 PENANDAARASAN DENGAN NEGARA LUAR BERKAITAN PERUNDANGAN PERBURUHAN DAN PERLINDUNGAN SOSIAL BAGI PENGGAJIAN PELAKON KANAK-KANAK DAN ORANG MUDA DALAM INDUSTRI KREATIF (FILEM DAN DRAMA)**

Kajian ini turut meneliti peruntukan Akta dan Peraturan yang digunakan oleh beberapa negara berkaitan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam perfileman dan drama. Enam (6) negara tersebut ialah California, Amerika Syarikat, United Kingdom, Hong Kong, India, Singapura dan Filipina.



#### 2.4.1 California, Amerika Syarikat



Amerika Syarikat merupakan antara negara yang mempunyai industri perfileman yang terbesar di dunia terutama di California. Walaupun terdapat peruntukan perundangan yang khusus bagi penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda di negara ini namun peruntukan undang-undang bagi setiap wilayah adalah berbeza. Kajian ini memfokuskan kepada California yang merupakan pusat perniagaan terbesar industri hiburan di Amerika Syarikat. California juga dikenali sebagai *Home of Oscars*. Di California penggajian kanak-kanak dan orang muda ini adalah tertakluk di bawah *Child Labour Laws 2003*. Walaupun tiada Akta khusus berkaitan dengan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda ini namun peruntukan berkaitan dengan aktiviti ini dimasukkan di bawah Perkara 9: Industri Hiburan.

Secara umumnya **definisi hiburan awam** (entertainment industry) di dalam Akta ini ditakrifkan sebagai mana-mana organisasi atau individu yang menggunakan perkhidmatan kumpulan minor yang merujuk kepada kanak-kanak dan orang muda yang terlibat dalam penggambaran gambar (filem, pita rakaman dan yang setara), menggunakan apa-apa format (teater, filem, dokumentari komersial, program televisyen dan lain-lain), fotografi, rakaman, permodelan, produksi teater, publisiti, *rodeos*, sarkas dan persembahan muzikal dan apa-apa persembahan, dan lain-lain persembahan yang melibatkan hiburan awam.

**Permohonan permit** perlu dibuat bagi kumpulan pelakon minor ini. Permohonan tersebut perlu mendapat kelulusan *Division of Labor Standards Enforcement*. Permit juga perlu dibuat bagi penghasilan rakaman fonografi,

pengiklanan atau sebagai model fotografi. Bukan itu sahaja, permit juga perlu dibuat bagi penghasilan hiburan yang bukan berasaskan komersial. Pihak yang bertanggungjawab dalam meluluskan sesuatu permohonan permit berhak untuk **tidak memberikan** kelulusan sekiranya persekitaran kerja yang tidak sesuai kepada kumpulan minor, keadaan persekitaran yang boleh memudaratkan kesihatan kumpulan ini dan mengganggu kumpulan minor daripada menerima pendidikan yang sepatutnya. Bukan itu sahaja, pemeriksaan juga akan dijalankan oleh Pegawai Pendidikan jika dirasakan perlu oleh *Labor Commissioner*. Di California juga, terdapat empat (4) jenis permit hiburan yang dikeluarkan iaitu:

State of California  
Department of Industrial Relations  
**DIVISION  
OF  
LABOR STANDARDS ENFORCEMENT**



**PUBLIC WORKS MANUAL**  
California Labor Commissioner Julie A. Su  
June 2014

- i. Permit Sementara Individu selama 10 hari;
- ii. Permit Individu selama enam (6) bulan;
- iii. Permit Menggajikan Kumpulan Minor; dan
- iv. Permit Keseluruhan.

### Empat (4) Jenis Permit Hiburan



Prosedur bagi permohonan permit ini termasuklah:

- i. Syarikat perlu mengisi **Borang Permohonan Kebenaran Bekerja Dalam Industri Hiburan** yang boleh didapati secara terus di mana-mana *Division of Labor Standards Enforcement* atau dimuat turun secara dalam talian;

- ii. Ibu bapa atau penjaga bagi kumpulan minor ini perlu melengkapkan semua maklumat dalam borang permohonan, dicetak dan ditandatangani;
- iii. Sekiranya kumpulan minor ini adalah termasuk dalam umur bersekolah maka Pegawai Pendidikan perlu melengkapkan rekod persekolahan yang merupakan sebahagian daripada maklumat dalam borang permohonan permit, ditandatangani dan dicop;
- iv. Sekiranya kumpulan minor bukan termasuk di dalam umur bersekolah iaitu tadika dan ke bawah maka ibu bapa dan penjaga perlu mengemukakan salah satu dokumen berikut iaitu sijil kelahiran, sijil pembaptisan, surat perakuan hospital tempat minor dilahirkan atau pasport milik minor; dan
- v. Permohonan asal yang lengkap tersebut perlu dihantar semula kepada *Division of Labor Standards Enforcement*. Salinan secara faks tidak diterima.

Akta ini juga menetapkan **tempoh jam bekerja** bagi kumpulan minor dalam industri hiburan ini. Secara umumnya kumpulan minor ini tidak boleh bekerja melebihi lapan (8) jam sehari atau 48 jam seminggu. Sebagai tambahan, Akta ini juga menguatkuasakan tempoh jam bekerja minimum mengikut kumpulan umur bermula daripada bayi sehingga yang berumur 18 tahun. Ini untuk memastikan kebajikan kumpulan minor ini dilindungi dan tidak berlaku keciciran dalam tempoh persekolahan.

Dari segi **pembayaran gaji** pula pelakon profesional kanak-kanak ini dikecualikan daripada pembayaran gaji minimum dan juga kerja lebih masa. Walau bagaimanapun, bagi pelakon kanak-kanak yang bukan profesional mereka perlu dibayar sekurang-kurangnya gaji minimum dan bayaran kerja lebih masa selepas tempoh lapan (8) jam yang ditetapkan dan 40 jam minggu bekerja.

Peruntukan yang lain juga turut mengambil kira perkara-perkara seperti **penggambaran di luar wilayah, kehadiran guru profesional di sepanjang**

**penggambaran dilakukan dan kehadiran ibu bapa atau penjaga bagi kumpulan umur minor yang tertentu.**

*Screen Actors Guild-American Federation of Television and Radio Artist (SAG-AFTRA)* yang diterajui oleh pelakon Fran Drescher selaku Presiden SAG-AFTRA telah



mengeluarkan satu manual ringkas berkenaan dengan peruntukan dan peraturan yang melindungi kumpulan minor ini. Ini termasuklah peruntukan yang perlu dipatuhi dari segi penerimaan bayaran dan pengurusan kewangan kumpulan minor ini.



*Coogan Law* merupakan Akta yang dikuatkuasakan di California dan seluruh Amerika Syarikat. Akta ini bertujuan untuk memastikan tiada penyelewengan berlaku dari segi pengurusan kewangan kumpulan


minor ini. Ia juga melindungi bayaran pendapatan yang diterima oleh pelakon kanak-kanak ini.

Di California, semua ibu bapa atau penjaga pelakon kanak-kanak perlu membuka akaun yang dikenali sebagai *Coogan Account* kepada anak-anak mereka yang terlibat dalam industri hiburan awam. *Coogan Account* merupakan akaun khas kepada pelakon kanak-kanak ini bagi menerima pembayaran daripada pihak syarikat perfileman atau drama. Ia merupakan Akaun Amanah kepada kumpulan minor ini dan digalakkan dibuka sebelum permohonan permit dikemukakan. Penyata Akaun ini perlu disertakan sekali bersama-sama permit kerja sepanjang masa.



## 2.4.2 United Kingdom

*Employment of Women, Young Persons and Children Act, 1920* merupakan Akta yang dikuatkuasakan di United Kingdom dalam perkara yang berkaitan penggajian wanita, kanak-kanak dan orang muda. Walau bagaimanapun, perkara-perkara yang melibatkan penggajian kanak-kanak dan orang muda di dalam industri hiburan awam telah diperuntukkan secara khusus di bawah *Children and Young Persons Act 1963*. Di bawah Akta ini juga telah diperuntukkan satu peraturan khusus yang dinamakan *The Children (Performance) Regulations 1968* yang menyatakan secara jelas perkara-perkara yang perlu dipatuhi bagi syarikat-syarikat di dalam industri hiburan yang ingin menggajikan kanak-kanak dan orang muda ini.



*Children and Young Persons Act 1963* ini hanya memfokuskan perkara-perkara yang perlu dipatuhi oleh syarikat yang ada di dalam industri hiburan. Namun begitu, Akta ini tidak menjelaskan definisi bagi kanak-kanak dan orang muda. Bagi definisi kanak-kanak dan orang muda, Akta ini merujuk kepada definisi yang digunakan oleh *Employment of Women, Young Persons and Children Act, 1920*. Manakala definisi bagi hiburan awam pula mengguna pakai takrifan di bawah *Licensing Act 2003*.

*Licensing Act 2003* telah mendefinisikan **hiburan awam** kepada aktiviti yang merujuk kepada (a) persembahan drama, (b) pameran filem, (c) acara sukan dalaman, (d) hiburan tinju atau gusti, (e) persembahan muzik secara langsung, (f) apa-apa permainan muzik yang dirakam, (g) persembahan tarian, (h) hiburan yang serupa dengan perihalan



yang terdapat dalam perenggan (e), (f) atau (g), di mana hiburan itu diadakan di hadapan penonton dan disediakan untuk tujuan, atau untuk tujuan yang termasuk tujuan, menghiburkan penonton itu.

**Permohonan permit** bagi menggajikan kanak-kanak dalam hiburan awam perlu mematuhi peraturan seperti yang termaktub di bawah Seksyen 37, *Children and Young Persons Act 1963*. Borang yang telah lengkap diisi perlu ditandatangani oleh syarikat produksi, ibu, bapa atau penjaga kanak-kanak tersebut. Permohonan perlu dibuat oleh syarikat produksi tersebut. Pihak berkuasa berhak untuk **tidak memberikan kelulusan** kepada permohonan ini sekiranya permohonan tidak diterima dalam tempoh 21 hari daripada tarikh aktiviti hiburan tersebut akan dijalankan. Bukan itu sahaja, pihak berkuasa juga berhak untuk mendapatkan maklumat atau dokumen tambahan sekiranya dirasakan perlu.


Terdapat dua (2) jenis permit yang dikeluarkan iaitu:

- i. Permit selain persembahan untuk tujuan penyiaran atau rakaman persembahan; dan
- ii. Persembahan yang melibatkan penyiaran dan persembahan.

Perkara asas yang diperlukan semasa permohonan permit ini termasuklah:

- i. Nama, tarikh, tempat dan jenis persembahan yang akan dilakukan;
- ii. Gambar pelakon kanak-kanak yang akan dikepikan bersekali dengan permohonan tersebut;
- iii. Tandatangan ibu, bapa atau penjaga pada borang permohonan permit; dan
- iv. Permohonan permit juga akan dirujuk kepada pihak berkuasa tempatan (sekiranya dirasakan perlu).

Selain itu, permohonan juga perlu mematuhi peruntukan yang telah ditetapkan di dalam *Children and Young Persons Act 1963* dan *The Children (Performance) Regulations 1968* seperti:



- i. Jumlah waktu bekerja bagi kanak-kanak seperti yang telah dinyatakan di dalam Akta dan Peraturan;
- ii. Syarat-syarat yang telah ditetapkan sekiranya persembahan yang akan diadakan ini melibatkan rombongan yang akan bergerak ke suatu tempat ke suatu tempat yang lain;
- iii. Menjalankan pemeriksaan kesihatan kepada kanak-kanak tersebut;
- iv. Memastikan kanak-kanak yang mencapai umur persekolahan menerima pendidikan sewajarnya sepanjang penggambaran atau persembahan dijalankan;
- v. Kaedah pembayaran;
- vi. Kehadiran pengiring selain ibu, bapa, penjaga atau guru semasa di lokasi;
- vii. Tempat penginapan kanak-kanak sepanjang penggambaran terutama yang melibatkan lokasi luar kawasan;
- viii. Lokasi persembahan atau penggambaran dan juga lokasi latihan;
- ix. Urusan penghantaran pergi dan balik kanak-kanak sepanjang menjalankan penggambaran dan persembahan; dan
- x. Waktu rehat.


Akta dan Peraturan ini juga menetapkan **tempoh jam bekerja** bagi kanak-kanak yang terlibat dalam industri hiburan ini. Tempoh jam bekerja ini dikelaskan kepada tiga (3) kumpulan iaitu:

- i. Bagi kanak-kanak yang berumur 4 tahun dan ke bawah maksimum waktu persembahan atau latihan ialah 5 jam;
- ii. Bagi kanak-kanak yang berumur 5 hingga 8 tahun maksimum waktu persembahan atau latihan ialah 8 jam; dan
- iii. Bagi kanak-kanak yang berumur 9 tahun dan ke atas maksimum waktu persembahan atau latihan ialah 9.5 jam.

Selain tempoh jam bekerja, peruntukan lain yang berkaitan dengan waktu bekerja di dalam Akta dan Peraturan ini termasuklah:

- i. Waktu bekerja;
- ii. Tempoh lanjutan waktu bekerja;
- iii. Waktu rehat minimum termasuk waktu makan;
- iv. Waktu persekolahan;
- v. Tempoh rehat minimum antara persembahan; dan
- vi. Hari kerja maksimum berturut-turut yang dibenarkan.

Dari segi **pembayaran gaji** pula, Akta dan Peraturan ini tidak menyatakan dengan jelas sama ada pembayaran ini diterima secara langsung kepada kanak-kanak ini atau melalui ibu, bapa dan penjaga. Berbeza dengan California yang menetapkan pembukaan akaun khas kepada kanak-kanak ini, namun di United Kingdom tidak dinyatakan berkenaan dengan perkara ini secara terperinci.



*National Network for Children in Employment and Entertainment (NNCEE)* telah mengambil inisiatif dengan mengeluarkan satu manual bertajuk *A Guide Child Performance Licensing 2020*. Manual ini bertujuan untuk memudahkan pihak produksi, ibu, bapa dan penjaga kanak-kanak serta pihak yang terlibat dalam industri hiburan di United Kingdom dalam memahami peruntukan Akta dan Peraturan yang

sedang diguna pakai di negara tersebut. Ini bagi menangani ketidakselarasan amalan dalam permohonan permit dan tafsiran undang-undang yang berkaitan. Oleh yang demikian, manual ini telah menyediakan tafsiran undang-undang berkaitan penggajian kanak-kanak dalam persembahan yang mudah difahami serta menyediakan maklumat dan contoh amalan terbaik yang boleh dijadikan rujukan. Manual ini juga telah menyenaraikan Akta dan Peraturan sedia ada yang perlu dirujuk sebelum permohonan sesuatu lesen itu dibuat.

### 2.4.3 Hong Kong

Bagi pengajian kanak-kanak dan orang muda di Hong Kong, terdapat beberapa peruntukan Akta dan Peraturan yang perlu dijadikan rujukan bersama. Akta dan Peraturan tersebut termasuklah:



- i. *Cap. 57 Employment Ordinance, 1968;*
- ii. *Cap. 172 Places of Public Entertainment Ordinance, 1997;*
- iii. *Employment of Children Regulations;* dan
- iv. *A Guide to the Employment of Child Entertainers.*


Keempat-empat Akta dan Peraturan ini perlu dibaca bersama kerana ia saling berkaitan antara satu sama lain. Definisi kanak-kanak dan orang muda telah ditakrif di bawah *Cap. 57 Employment Ordinance, 1968* manakala definisi hiburan awam pula ditakrifkan di bawah *Cap. 172 Places of Public Entertainment Ordinance, 1997*.

*Cap. 172 Places of Public Entertainment Ordinance, 1997* telah mentakrifkan **hiburan** sebagai apa-apa acara, aktiviti atau perkara yang telah dinyatakan di dalam Jadual 1 Ordinan ini. Secara khususnya telah jelas dinyatakan di dalam Jadual 1 tersebut berkenaan dengan:

- i. Konsert, opera, balet, persembahan pentas atau muzikal, drama pentas atau teater hiburan;
- ii. Sinematografi atau pameran laser projektor;
- iii. Sarkas;
- iv. Syarah atau penceritaan;
- v. Pameran yang melibatkan mana-mana satu (1) atau lebih daripada yang berikut iaitu gambar, buku, manuskrip atau dokumen lain atau perkara lain;
- vi. Pameran sukan atau pertandingan;
- vii. Bazar;

- viii. Tunggangan hiburan dalam pengertian Ordinan Tunggangan Hiburan (Keselamatan) (Bab 449) atau mana-mana peranti mekanikal (selain tunggangan hiburan sedemikian) yang direka untuk hiburan; dan
- ix. Majlis tari.

Ordinan ini juga turut memberi takrifan kepada **hiburan awam** yang bermaksud mana-mana hiburan yang ditakrifkan dalam Ordinan ini di mana orang awam diterima masuk dengan atau tanpa bayaran.



Pesuruhjaya Buruh Hong Kong juga berhak memberikan **kebenaran khas** kepada penghibur kanak-kanak bagi tujuan pembangunan atau latihan seni. Kebenaran pengambilan kanak-kanak yang berbeza umur ini sebagai penghibur melalui pengecualian yang diberikan berdasarkan peruntukan di bawah *Employment of Children Regulations*. Majikan yang berhasrat untuk menggaji

penghibur kanak-kanak hendaklah memohon kepada Pesuruhjaya secara bertulis sebelum pekerjaan dimulakan. Ini bertujuan untuk memastikan persekolahan kanak-kanak tidak diganggu dan perlindungan sosial mereka termasuk keselamatan, kesihatan dan moral tidak terjejas. Pesuruhjaya akan mengenakan syarat dan sekatan khusus ke atas pemberian kebenaran khas ini.

**Penghibur kanak-kanak** secara umumnya dikelaskan kepada dua (2) kategori iaitu (a) artis tambahan (extras) yang merujuk kepada pekerjaan ad hoc dalam program atau produksi tertentu dan (b) artis kontrak/pekerja bebas yang merujuk kepada pekerjaan berdasarkan kontrak yang meliputi tempoh masa tertentu atau berdasarkan program. Prosedur permohonan dan syarat pekerjaan yang berbeza ditetapkan untuk penggajian kategori penghibur kanak-kanak mengikut kategori yang ditetapkan.

Bagi kategori **artis tambahan**, borang permohonan hendaklah sampai ke Jabatan Buruh sekurang-kurangnya 48 jam sebelum tempoh mula bekerja.


Skrip atau jalan cerita produksi juga perlu diserahkan. Manakala bagi **artis kontrak / pekerja bebas** pula, permohonan perlu dibuat bersama skrip atau jalan cerita produksi. Borang permohonan hendaklah sampai ke Jabatan Buruh sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tempoh mula bekerja. Selain itu, salinan rekod pekerjaan setiap pekerja kanak-kanak, kebenaran bertulis ibu bapa untuk pekerjaan ini serta sijil kehadiran ke sekolah yang sah hendaklah diserahkan pada masa yang sama.

Beberapa peraturan lain turut dinyatakan berkaitan dengan kebenaran khas yang diberikan. Ini termasuklah larangan waktu bekerja yang perlu dipatuhi, tempoh waktu bekerja, tempoh rehat, pengurusan pengangkutan dan keadaan persekitaran tempat pekerjaan yang akan dijalankan oleh kanak-kanak tersebut. Namun tiada dinyatakan dengan jelas berkenaan dengan perkara-perkara yang melibatkan kaedah pembayaran kepada penghibur kanak-kanak ini.

Berbeza dengan peruntukan undang-undang dan peraturan yang terdapat di California dan United Kingdom, peraturan yang terdapat di Hong Kong turut memasukkan perkara yang melibatkan penggajian penghibur kanak-kanak dari luar negara. Penghibur kanak-kanak luar negara yang bekerja di Hong Kong tertakluk kepada syarat imigresen tertentu yang dikenakan oleh Jabatan Imigresen Kerajaan Hong Kong. Majikan yang berhasrat untuk menggaji penghibur kanak-kanak di luar negara untuk membuat persembahan di Hong Kong harus memohon kepada Pesuruhjaya Buruh secara bertulis seperti penghibur kanak-kanak yang lain di Hong Kong. Walau bagaimanapun, Pesuruhjaya boleh mengetepikan peruntukan tertentu untuk dipatuhi oleh majikan dan mengenakan syarat dan sekatan tambahan jika dirasakan perlu.

#### 2.4.4 India

Industri perfileman di India menduduki tangga pertama dunia dari segi penghasilan filem secara tahunan diikuti dengan negara China, Jepun, Amerika Syarikat, Korea Selatan, Perancis, Itali, Sepanyol, Jerman dan United Kingdom (Statista Report, 2023). Dari segi kutipan pecah panggung pula, India telah menduduki tangga ketiga dunia pada tahun 2019.



*The Child and Adolescent Labour (Prohibition and Regulation) Act, 1986* merupakan

Akta yang memperuntukkan berkenaan dengan penggajian kanak-kanak dan orang muda termasuklah yang berada dalam industri hiburan. Walau bagaimanapun, Akta ini tidak mendefinisikan secara terperinci berkenaan dengan hiburan mahupun hiburan awam. Seksyen 2 Akta ini hanya mendefinisikan **pertubuhan** yang meliputi kedai, pertubuhan komersial, bengkel, ladang, hotel, restoran, rumah makan, teater atau tempat lain yang berkaitan dengan hiburan dan pertunjukan awam. Selain itu, Akta ini juga turut mendefinisikan artis sebagai kanak-kanak yang melakukan atau menjalankan apa-apa kerja sama ada sebagai hobi atau profesion secara langsung sebagai pelakon, penyanyi, ahli sukan atau dalam apa-apa aktiviti lain yang mungkin berkaitan dengan hiburan atau aktiviti sukan seperti yang ditakrifkan oleh Akta ini di bawah Seksyen 2.

Walaupun tiada peruntukan yang jelas berkenaan dengan penggajian kanak-kanak dan orang muda dalam industri hiburan awam namun Seksyen 3 Akta ini memperuntukkan pengecualian kepada kanak-kanak yang bekerja sebagai artis dalam industri hiburan audio-visual termasuklah iklan, filem, siri televisyen atau sebarang aktiviti hiburan atau sukan lain kecuali sarkas daripada bidang larangan jika langkah keselamatan yang ditetapkan telah dipatuhi oleh syarikat. Syarat-syarat tertentu perlu dipatuhi oleh syarikat ini termasuklah:



- i. Mendapatkan kebenaran daripada Majistret Daerah dan hendaklah memberikan aku janji dalam borang yang disediakan oleh Majistret Daerah sebelum memulakan apa-apa aktiviti di daerah tersebut;
- ii. Menyediakan senarai peserta kanak-kanak, persetujuan ibu bapa atau penjaga, nama individu daripada produksi yang akan bertanggungjawab untuk keselamatan kanak-kanak itu;
- iii. Memastikan bahawa semua tayangan filem dan rancangan televisyen hendaklah dibuat dengan penafian yang menyatakan bahawa jika mana-mana kanak-kanak telah terlibat dalam penggambaran itu, maka semua langkah telah diambil untuk memastikan bahawa tiada penderaan, pengabaian atau eksploitasi kanak-kanak tersebut semasa keseluruhan proses penggambaran;
- iv. Mengatur kemudahan yang sesuai untuk pendidikan kanak-kanak itu bagi memastikan tidak ada pemberhentian daripada pelajarannya di sekolah;
- v. Tidak membenarkan kanak-kanak bekerja secara berturut-turut selama lebih daripada 27 hari; dan
- vi. Melantik seorang yang bertanggungjawab untuk maksimum lima kanak-kanak untuk produksi atau acara bagi memastikan perlindungan, penjagaan dan kepentingan terbaik kanak-kanak itu.

Tidak seperti Akta di negara lain yang telah dinyatakan di dalam kajian literatur ini, Akta yang digunakan di India ini tidak menyatakan dengan terperinci perkara-perkara seperti kaedah bayaran, waktu bekerja, tempoh masa bekerja, waktu rehat serta perlindungan sosial yang perlu diambil kira oleh pihak produksi. Walaupun kelonggaran diberikan kepada artis kanak-kanak ini namun ia tidak terpakai kepada kanak-kanak yang bekerja dalam sarkas.

#### 2.4.5 Singapura

Di Singapura terdapat tiga (3) Akta yang saling berkaitan berkenaan dengan penggajian kanak-kanak dan orang muda di dalam industri hiburan awam iaitu *Employment Act 1968*, *Children and Young Person Act 1993* dan *Public Entertainment Act 1958*.




*Children and Young Person Act 1993* mentakrifkan **hiburan** sebagai mana-mana aktiviti termasuklah pameran atau persembahan. Manakala **hiburan awam** pula dirujuk sebagai hiburan yang diterima oleh orang ramai atau mana-mana bahagian orang ramai atau yang berkaitan dengannya suatu bayaran, sama ada untuk kemasukan atau sebaliknya dibuat. *Public Entertainment Act 1958* pula mentakrifkan secara lebih terperinci berkenaan dengan definisi bagi **hiburan awam** ini sebagai aktiviti-aktiviti yang termasuk:


- i. Apa-apa persembahan gimnastik, akrobatik atau persembahan silap mata (legerdemain), demonstrasi, pameran atau perarakan;
- ii. Apa-apa sarkas atau apa-apa pameran haiwan;
- iii. Mana-mana pusat hiburan;
- iv. Mana-mana pusat permainan komputer;
- v. Apa-apa pameran filem, atau apa-apa pertunjukan urutan gambar yang menggunakan kanta (peep show);
- vi. Apa-apa pengeluaran semula atau penghantaran selain daripada berkaitan dengan filem, dengan apa-apa cara selain telefon atau radio telefon, mana-mana muzik, lagu atau ucapan;
- vii. Mana-mana mesin atau peranti yang bertujuan untuk mendapatkan hadiah dalam bentuk wang atau barangan;
- viii. Sebarang aktiviti berkaitan *pin table* (meja judi);
- ix. Apa-apa pertandingan sukan dalam apa jua bentuk antara orang atau haiwan, selain daripada yang dianjurkan oleh mana-mana pertubuhan berdaftar, kesatuan sekerja, syarikat atau persatuan;

- x. Sebarang pertandingan yang dianjurkan berkaitan permainan kemahiran;
- xi. Apa-apa hiburan seni; dan
- xii. Apa-apa gabungan mana-mana bentuk hiburan awam yang disenaraikan di mana-mana tempat yang orang ramai atau mana-mana kelas orang ramai mempunyai akses sama ada secara percuma atau sebaliknya.

Walaupun tidak dinyatakan keperluan untuk memohon lesen khas bagi menggajikan kanak-kanak dan orang muda di dalam hiburan awam namun terdapat sekatan tertentu bagi kanak-kanak dan orang muda mengambil bahagian dalam hiburan awam seperti yang dinyatakan di dalam *Children and Young Person Act 1993*. Seksyen 14 Akta ini memaklumkan bahawa tiada kanak-kanak atau



orang muda boleh mengambil bahagian dalam apa-apa hiburan awam yang bersifat tidak bermoral, berbahaya kepada nyawa atau menjejaskan kesihatan, kecergasan fizikal dan layanan baik kanak-kanak atau orang muda itu atau tanpa kebenaran ibu bapa atau penjaganya. Mana-mana pihak termasuk ibu bapa atau penjaga yang melanggar sekatan ini boleh disabitkan dan didenda tidak melebihi \$2,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya. Sekiranya disabitkan kesalahan kepada pemegang lesen di bawah *Public Entertainment Act 1958* maka mahkamah juga boleh memerintahkan pembatalan lesen itu atau penggantungannya selama apa-apa tempoh yang diputuskan oleh pihak mahkamah.



Di bawah *Employment Act 1968* hanya dinyatakan secara umum sahaja berkaitan dengan penggajian kanak-kanak dan orang muda untuk semua industri. Ini termasuklah **persekitaran pekerjaan, pembayaran gaji minimum dan kebenaran untuk bekerja**. Walau bagaimanapun, Akta ini tidak terpakai bagi penggajian kanak-kanak dan orang muda dalam kerja yang diluluskan dan diselia oleh Kementerian Pendidikan atau Institut Pendidikan Teknikal Singapura, dijalankan di mana-mana sekolah atau institut latihan teknikal, vokasional atau industri, di bawah mana-mana program perantisan yang diluluskan dan diselia oleh Institut Pendidikan Teknikal Singapura. Takrifan Institut Pendidikan Teknikal Singapura adalah tertakluk kepada Akta Institut Pendidikan Teknikal 1992.

#### 2.4.6 Filipina

Perundangan perburuhan Filipina di bawah *Republic Act No. 9231, Department of Labour and Employment Philipines* turut menguatkuasakan beberapa peruntukan berkenaan dengan penggajian kanak-kanak dan orang muda di dalam hiburan awam. Takrifan **hiburan awam atau maklumat** merujuk kepada persembahan seni, sastera dan kebudayaan untuk rancangan televisyen, program radio, pawagam atau filem, teater, iklan komersial, aktiviti atau kempen perhubungan awam, bahan cetak, internet dan media lain.



Seterusnya terdapat juga pengecualian dan larangan yang diberikan kepada syarikat yang ingin menggajikan kanak-kanak dan orang muda ini. Di bawah Seksyen 7 juga terdapat pengecualian dan syarat kepada larangan menggaji


kanak-kanak di bawah umur 15 tahun iaitu bagi kanak-kanak yang bekerja di bawah tanggungjawab sepenuhnya ibu bapa atau penjaganya, dengan syarat hanya ahli keluarga kanak-kanak itu bekerja dan sekiranya pekerjaan atau penyertaan kanak-kanak dalam hiburan atau maklumat awam adalah penting tanpa mengira sejauh mana peranan kanak-kanak itu. Walau bagaimanapun, pekerjaan tersebut perlu mematuhi syarat-syarat berikut:

- i. Jumlah bilangan jam bekerja hendaklah mengikut peruntukan yang telah ditetapkan;
- ii. Pekerjaan itu tidak membahayakan nyawa, keselamatan, kesihatan dan moral kanak-kanak itu serta menjejaskan perkembangan normal kanak-kanak itu;
- iii. Kanak-kanak itu diberikan sekurang-kurangnya pendidikan rendah atau menengah wajib; dan
- iv. Majikan **mendapatkan permit kerja** untuk kanak-kanak itu mengikut yang telah ditetapkan.

Syarikat perlu melakukan **permohonan untuk mendapatkan permit kerja** terlebih dahulu daripada Pejabat Wilayah yang mempunyai bidang kuasa ke atas tempat kerja kanak-kanak itu. Dalam kes di mana kerja dilakukan di lebih daripada satu tempat kerja yang terletak di bawah bidang kuasa lebih daripada satu Pejabat Wilayah maka permohonan hendaklah dibuat kepada Pejabat Wilayah yang mempunyai bidang kuasa ke atas ibu pejabat syarikat. Permohonan ini perlu dibuat sekurang-kurangnya dua (2) hari sebelum pelaksanaan kerja. Syarikat hendaklah memaklumkan Pejabat Wilayah yang mempunyai bidang kuasa ke atas tempat kerja mengenai aktiviti yang akan dijalankan melibatkan kanak-kanak itu.

Permohonan permit yang dilakukan oleh pihak syarikat perlu disertakan dengan maklumat-maklumat seperti:

- i. Terma dan syarat pekerjaan termasuk waktu bekerja, bilangan hari bekerja, saaran dan tempoh rehat yang hendaklah mengikut undang-undang yang telah ditetapkan;

- 
- ii. Langkah-langkah untuk memastikan perlindungan, kesihatan, keselamatan, moral dan perkembangan normal kanak-kanak. Ini tidak termasuklah tempat kerja yang selesa dan penginapan yang mencukupi, waktu rehat dan penyediaan tempat rehat seperti katil atau sofa yang selesa, bilik persalinan dan tandas yang bersih dan berasingan untuk kanak-kanak lelaki dan perempuan, peruntukan untuk makanan dan snek yang mencukupi dan kemudahan makan yang bersih, penyediaan semua bantuan yang diperlukan untuk memastikan kehadiran dan rawatan perubatan dan pergigian yang mencukupi dan segera kepada kanak-kanak yang cedera atau sakit sekiranya berlaku kecemasan. Walau bagaimanapun, perkara-perkara ini adalah dikecualikan bagi kanak-kanak yang berumur di bawah tujuh (7) tahun;
  - iii. Bukti bahawa kanak-kanak itu telah mendaftar dan kerap menghadiri kelas persekolahan rendah atau menengah seperti sijil pendaftaran untuk tahun semasa atau kad pengenalan atau kad laporan sekolah semasa; atau jika kanak-kanak itu tidak didaftarkan kepada sesi persekolahan biasa maka penerangan ringkas tentang program untuk pendidikan, latihan dan pemerolehan kemahiran untuk kanak-kanak itu perlu mematuhi peruntukan yang ditetapkan di dalam Peraturan ini;
  - iv. Salinan Sijil Kelahiran kanak-kanak yang disahkan atau Sijil Pendaftaran Lewat Kelahiran yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa atau pendaftar bandar / perbandaran;
  - v. Sijil perubatan yang dikeluarkan oleh doktor berlesen yang menyatakan bahawa dia telah memeriksa sendiri kanak-kanak yang mendapatkan permit kerja dan kanak-kanak itu layak untuk menjalankan kerja di mana yang akan diceburi. Sijil tersebut mesti tertera dalam cetakan nama penuh doktor yang mengesahkan dan nombor lesennya;
  - vi. Dua (2) keping gambar berukuran pasport kanak-kanak itu;
  - vii. Sekiranya majikan yang menggajikan kanak-kanak ialah ibu bapa, penjaga atau ahli keluarga selain daripada ibu bapa kanak-kanak itu maka ibu bapa hendaklah mengemukakan apa-apa dokumen yang sah seperti pasport terkini, kad pengenalan pos/syarikat terkini dan lesen memandu yang mengesahkan identiti mereka. Penjaga yang sah juga dikehendaki mengemukakan bukti penjagaan yang sah manakala ahli

keluarga hendaklah mengemukakan sebarang bukti perhubungan kepada kanak-kanak itu; dan

- viii. Bagi syarikat hiburan awam pula hendaklah mengemukakan salinan permit perniagaan atau sijil pendaftaran majikan yang disahkan dan kontrak pekerjaan bertulis yang akan dibuat antara majikan dan ibu bapa atau penjaga kanak-kanak itu dan diluluskan oleh Jabatan Buruh. Persetujuan nyata kanak-kanak itu kepada peruntukan kontrak adalah diperlukan apabila kanak-kanak tersebut berumur antara tujuh (7) dan di bawah 15 tahun.

Majikan perlu membayar **yuran permohonan** permit berjumlah 100 peso bagi menampung kos pentadbiran tertakluk kepada peraturan yang berkenaan. Permit kerja hendaklah menyatakan tempoh sah laku berdasarkan kontrak pekerjaan dan tidak boleh melebihi satu (1) tahun.

Bagi **pelakon tambahan kanak-kanak** pula majikan hendaklah memfailkan notis dengan Pejabat Wilayah dan memaklumkan bahawa kerja itu akan dilakukan dan melibatkan kerja kanak-kanak. Notis itu hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan oleh Jabatan Buruh dan hendaklah menyatakan anggaran bilangan pekerja kanak-kanak yang akan diambil bekerja, tarikh, tempat dan masa kerja itu akan dilaksanakan dan aku janji bahawa pekerjaan itu hendaklah mematuhi peruntukan di bawah Akta dan Peraturan ini.

Penetapan tempoh waktu bekerja juga perlu dipatuhi oleh syarikat yang menggajikan kanak-kanak dalam hiburan awam ini. Walau bagaimanapun, ini tidak termasuk masa tidur serta masa perjalanan kanak-kanak dari kediamannya ke tempat kerjanya.

Akta ini juga turut memperincikan dengan jelas berkenaan dengan pengurusan pendapatan kanak-kanak yang bekerja termasuk dalam hiburan awam. Seksyen 16 jelas menyatakan bahawa semua hasil pendapatan kanak-kanak ini adalah milik kanak-kanak tersebut dan hendaklah diketepikan terutamanya untuk hal-hal berkaitan dengan keperluan kanak-kanak, pendidikan atau keluarga. Bagi kegunaan kepada perkara-perkara yang melibatkan keluarga

maka penggunaan pendapatan tersebut adalah tidak boleh melebihi 20 peratus daripada pendapatan kanak-kanak tersebut. Pendapatan kanak-kanak ini perlu diuruskan oleh ibu bapa mereka sahaja. Walau bagaimanapun, sekiranya ibu bapa mereka tidak berupaya maka urutan pengurusan kewangan ini perlu diberikan kepada datuk nenek yang masih hidup dan berkeupayaan, abang lelaki atau perempuan yang paling tua dan berumur lebih 21 tahun melainkan mereka tidak layak atau hilang kelayakan, dan penjaga sebenar kanak-kanak dan berumur melebihi 21 tahun melainkan tidak layak atau hilang kelayakan.

Di Filipina juga telah memperuntukkan agar pendapatan kanak-kanak yang bekerja hendaklah disimpan dalam **Kumpulan Wang Amanah** atau **Akaun Simpanan** yang dibuka di bawah nama kanak-kanak tersebut. Akaun ini perlu dibuka oleh pentadbir kewangan yang sah yang telah disenaraikan di dalam Akta dan Peraturan tertakluk kepada syarat-syarat berikut iaitu:

- i. Pentadbir kewangan yang sah hendaklah membuat satu rekod perakaunan kepada semua gaji dan pendapatan lain kanak-kanak itu. Apabila pendapatan kasar kanak-kanak tersebut berjumlah sekurang-kurangnya 200,000.00 peso setahun maka pentadbir hendaklah menyediakan Kumpulan Wang Amanah untuk kanak-kanak tersebut dan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada jumlah tersebut hendaklah didepositkan; atau
- ii. Bagi kanak-kanak yang berpendapatan kurang daripada 200,000.00 peso setahun maka sekurang-kurangnya 30 peratus daripada pendapatannya boleh dimasukkan ke dalam Akaun Simpanan setiap kali kanak-kanak itu menerima bayaran. Simpanan terkumpul hendaklah segera dipindahkan ke Kumpulan Wang Amanah kanak-kanak tersebut sekiranya jumlah pendapatan kasarnya bagi sesuatu tahun adalah sekurang-kurangnya 200,000.00 peso.

Kanak-kanak tersebut juga hendaklah mempunyai kawalan penuh ke atas Kumpulan Wang Amanah apabila mencapai umur dewasa yang ditetapkan. Pentadbir hendaklah menyerahkan perakaunan separuh tahunan Kumpulan Wang Amanah kepada Pejabat Wilayah Jabatan Buruh berkenaan. Beliau





hendaklah dikehendaki mengemukakan sama ada secara fizikal atau dalam talian penyata kewangan yang disahkan seperti yang ditetapkan oleh Jabatan.

## **2.4.7 Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO)**

### **2.4.7.1 *Minimum Age Convention, 1973 (No. 138)***

Konvensyen ILO telah memperuntukkan satu konvensyen berkenaan penggajian umur minimum yang dikenali sebagai *Minimum Age Convention (No. 138)*. Sebanyak 175 Negara telah meratifikasi terhadap konvensyen ini termasuk Malaysia iaitu pada tahun 1997. Tujuan Konvensyen ini diwujudkan ialah bagi mengawal selia hal ehwal penggajian buruh kanak-kanak dengan menetapkan umur minimum bagi kanak-kanak yang memasuki industri pekerjaan. Perkara ini perlu diikuti oleh semua negara yang telah memberikan ratifikasi.

Setiap Negara yang telah menerima Konvensyen ini perlu bertanggungjawab untuk menghomati dan mengguna pakai Konvensyen ini dalam amalan perburuhan Negara tersebut. Konvensyen ini mempunyai **18 Perkara** yang berkaitan dengan umur minimum bagi pekerja kanak-kanak. Konvensyen ini juga telah memberikan takrifan **buruh kanak-kanak** sebagai pekerjaan yang tidak sepatutnya dilakukan oleh kanak-kanak memandangkan mereka terlalu muda untuk bekerja. Walaupun mereka sudah mencapai umur yang ditetapkan untuk bekerja namun terdapat pekerjaan yang berbahaya dan memudaratkan mereka.

**Perkara 1** Konvensyen ini memaklumkan bahawa Negara yang telah memberikan komitmen untuk menghentikan buruh kanak-kanak perlu memastikan bahawa kanak-kanak di bawah “umur minimum” tertentu tidak diambil bekerja. Umur minimum bekerja perlu selaras dengan perkembangan fizikal dan mental kanak-kanak. Oleh yang demikian, penambahbaikan secara berperingkat perlu dibuat secara progresif untuk melindungi kanak-kanak ini.

**Perkara 2** memaklumkan bahawa Negara yang terlibat perlu menetapkan umur bekerja minimum dan memaklumkan kepada Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Oleh yang demikian, sesiapa

yang belum mencapai umur minimum ini tidak akan dibenarkan bekerja. Secara umumnya, umur minimum kanak-kanak yang digajikan ialah 15 tahun iaitu purata umur tamat persekolahan wajib. Walau bagaimanapun, sekiranya peruntukan sesuatu Negara tersebut menetapkan 16 tahun sebagai umur wajib ke sekolah maka had umur minimum kanak-kanak yang digajikan bagi Negara tersebut ialah 16 tahun. Selain itu, pengecualian turut diberikan kepada negara-negara membangun. Terdapat kemungkinan bahawa negara-negara ini menetapkan umur minimum kepada 14 tahun sebelum kemudiannya dinaikkan kepada 15 tahun atau lebih tinggi. Manakala bagi negara-negara perindustrian pula, penetapan umur 15 tahun atau lebih tinggi perlu dilaksanakan dari awal.

**Perkara 3** berkenaan dengan larangan terhadap kanak-kanak yang berumur 18 tahun untuk melakukan kerja-kerja yang berbahaya, tidak sihat atau tidak baik untuk akhlak mereka. Pihak Kerajaan perlu berbincang dengan kesatuan sekerja dan organisasi perniagaan dan membuat senarai kerja-kerja yang termasuk dalam kategori kerja berbahaya yang tidak sepatutnya dilakukan oleh kanak-kanak di bawah 18 tahun.

**Perkara 4 dan 5** memaklumkan bahawa Negara yang terlibat juga boleh mengecualikan beberapa jenis kerja (tetapi bukan kerja berbahaya) atau sektor ekonomi (jika ia sebuah Negara membangun) daripada pemakaian Konvensyen ini jika Negara tersebut menjelaskan sebab pengecualian tersebut dibuat. Walau bagaimanapun, Negara tersebut perlu memberikan maklumat terperinci kepada pihak ILO.

**Perkara 6** Konvensyen ini turut memberikan kebenaran bekerja kepada kanak-kanak. Kanak-kanak dibenarkan bekerja di sekolah bagi tujuan pendidikan vokasional atau teknikal atau di institut latihan yang lain. Kanak-kanak tersebut juga boleh dibenarkan untuk bekerja dari usia 14 tahun di sesebuah syarikat sebagai perantis dengan kebenaran pihak Kerajaan Negara itu. Walau bagaimanapun, Kerajaan perlu memastikan kanak-kanak itu dilindungi.

**Perkara 7** turut membenarkan kanak-kanak untuk terlibat dalam melakukan kerja-kerja ringan ketika masih bersekolah dari umur 13 tahun dengan syarat pekerjaan tersebut tidak mengganggu program sekolah mereka. Bagi negara-negara membangun di mana umur minimum bekerja ialah 14 tahun maka umur minimum untuk kerja ringan ini mungkin boleh ditetapkan pada usia 12 tahun.

**Perkara 8** menyatakan bahawa sesebuah negara juga boleh membenarkan kanak-kanak bekerja di bawah umur 15 tahun dalam hal persembahan artistik (teater, konsert) atau iklan. Walau bagaimanapun, kebenaran hanya boleh diberikan selepas meneliti keadaan kerja, bilangan jam, jenis persembahan dan perkara-perkara berkaitan yang difikirkan perlu.

**Perkara 9** turut menegaskan bahawa hukuman perlu dikenakan ke atas syarikat yang menggunakan buruh kanak-kanak. Ia bagi memastikan syarikat mematuhi peruntukan dan peraturan yang telah ditetapkan bagi penggajian kanak-kanak ini bahawa mereka telah mencapai umur yang mencukupi. Syarikat juga perlu menyimpan rekod daftar yang menyenaraikan nama dan umur kanak-kanak ini. Ini bagi membantu pihak penguatkuasaan yang akan hadir melakukan pemeriksaan terhadap syarikat tersebut bagi memastikan perundangan dan peraturan telah dipatuhi oleh syarikat ini.

**Perkara 10 hingga 18** di dalam Konvensyen ini menerangkan berkaitan dengan prosedur undang-undang yang perlu dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dan organisasi antarabangsa.

Secara umumnya, Konvensyen ini tidak memfokuskan secara terperinci berkenaan dengan penggajian kanak-kanak dan orang muda bagi industri hiburan awam terutama kepada pelakon kanak-kanak dalam filem dan drama. Walau bagaimanapun, **Perkara 8** telah memberikan kebenaran bagi industri hiburan menggajikan kanak-kanak dan orang muda di bawah umur 15 tahun. Selain itu, **Perkara 8** juga hanya memaklumkan pihak berkuasa perlu mengambil kira perkara-perkara

asas seperti meneliti keadaan kerja, bilangan jam, jenis persembahan dan perkara yang dirasakan perlu bergantung kepada Negara tersebut.

#### 2.4.7.2 *Worst Forms of Child Labour Convention, 1999 (No. 182)*

Malaysia bersama-sama dengan 186 Negara lain telah meratifikasi Konvensyen No. 182 pada 10 November 2000. **Perkara 1** memaklumkan bahawa setiap Negara yang telah meratifikasi Konvensyen ini perlu mengambil langkah segera dan berkesan bagi memastikan larangan dan menghapuskan segala bentuk pengambilan buruh kanak-kanak. Terma yang digunakan iaitu *worst forms of child labour* di bawah **Perkara 3** Konvensyen ini ialah meliputi perkara-perkara seperti:

- i. Semua bentuk perhambaan atau amalan yang serupa dengan perhambaan seperti penjualan dan pemerdagangan kanak-kanak, perhambaan hutang dan perhambaan dan kerja paksa atau wajib, termasuk pengambilan kanak-kanak secara paksa atau wajib untuk digunakan dalam konflik bersenjata;
- ii. Penggunaan, mendapatkan atau menawarkan kanak-kanak untuk pelacuran, untuk penghasilan pornografi atau untuk persembahan lucuh;
- iii. Penggunaan, mendapatkan atau menawarkan kanak-kanak untuk aktiviti haram khususnya untuk pengeluaran dan pendedaran dadah seperti yang ditakrifkan dalam perjanjian antarabangsa yang berkaitan; dan
- iv. Kerja yang mengikut sifatnya atau keadaan di mana ia dijalankan berkemungkinan memudaratkan kesihatan, keselamatan atau moral kanak-kanak.

Walau bagaimanapun, di bawah **Perkara 4** Konvensyen ini memaklumkan bahawa jenis kerja yang memudaratkan kesihatan, keselamatan atau moral kanak-kanak hendaklah ditentukan oleh undang-undang atau peraturan negara atau oleh pihak berkuasa yang layak. Perkara ini juga perlu dirunding bersama dengan organisasi



majikan dan pekerja yang berkenaan dan mengambil kira piawaian antarabangsa yang berkaitan. Selepas rundingan dilakukan barulah penentuan jenis kerja tersebut dikenal pasti dan disenaraikan. Senarai ini perlu disemak secara berkala dan mengikut perlembagaan Negara tersebut. Konvensyen ini turut mengambil kira berkenaan dengan kepentingan pendidikan dalam usaha menghapuskan amalan buruh kanak-kanak. Oleh yang demikian, Negara yang telah meratifikasikan Konvensyen ini perlu mengambil langkah-langkah berikut iaitu:

- i. Menghalang penglibatan kanak-kanak dalam bentuk buruh kanak-kanak yang mana jenis kerja yang dilakukan boleh dikategorikan sebagai paling teruk;
- ii. Menyediakan bantuan langsung yang perlu dan sesuai untuk mengeluarkan kanak-kanak daripada sebarang bentuk buruh kanak-kanak bagi tujuan pemulihan dan integrasi sosial mereka;
- iii. Memastikan akses kepada pendidikan asas adalah percuma dan sesuai, menyediakan latihan vokasional untuk semua kanak-kanak yang telah dikeluarkan dan pernah terlibat sebagai buruh kanak-kanak;
- iv. Mengenal pasti dan mendekati kanak-kanak yang berisiko khas; dan
- v. Mengambil kira keadaan dan hak istimewa kanak-kanak perempuan.

Walaupun Konvensyen ini tidak menyatakan secara spesifik berkaitan dengan penggajian kanak-kanak di dalam industri hiburan khususnya industri perfileman dan drama namun perkara-perkara seperti jenis kerja yang merbahaya dan kepentingan pendidikan terhadap kanak-kanak ini perlu diambil kira sepertimana yang telah dinyatakan di dalam Konvensyen ini.



#### **2.4.7.3. Risiko Buruh Kanak-kanak (Hazardous Child Labour)**

Di dalam Konvensyen ILO No. 182 telah mentakrifkan jenis kerja yang dikategorikan sebagai berbahaya iaitu kerja yang mengikut sifatnya atau keadaan di mana ia dijalankan berkemungkinan memudaratkan kesihatan, keselamatan atau moral kanak-kanak. Perkara ini turut berkait rapat dengan risiko terhadap buruh kanak-kanak tersebut. Risiko buruh kanak-kanak merujuk kepada jenis kerja dalam keadaan berbahaya atau tidak sihat yang boleh mengakibatkan kanak-kanak terbunuh atau cedera / cacat (selalunya kekal) dan / atau sakit (selalunya kekal) akibat daripada piawaian keselamatan dan kesihatan serta pengaturan kerja yang lemah (Geneva: ILO 2011). Kerja-kerja berbahaya ini tidak boleh dilakukan oleh sesiapa yang berumur di bawah 18 tahun. Pertimbangan perlu diberikan dalam menentukan jenis kerja yang berbahaya antara lain seperti melihat sama ada:

- i. Kerja yang mendedahkan kanak-kanak kepada penderaan fizikal, psikologi atau seksual;
- ii. Bekerja di bawah tanah, di bawah air, pada ketinggian berbahaya atau dalam ruang terkurung;
- iii. Bekerja dengan jentera, peralatan dan alatan berbahaya atau yang melibatkan pengendalian manual atau pengangkutan beban berat;
- iv. Bekerja dalam persekitaran yang tidak sihat yang mungkin, sebagai contoh, mendedahkan kanak-kanak kepada bahan berbahaya, agen atau proses atau kepada suhu, tahap bunyi atau getaran yang merosakkan kesihatan mereka; dan
- v. Bekerja di bawah keadaan yang sangat sukar seperti bekerja untuk waktu yang lama atau pada waktu malam atau bekerja di mana kanak-kanak itu terkurung secara tidak munasabah di premis majikan.



Fokus dalam memberikan perlindungan yang sewajarnya terhadap penggajian kanak-kanak ini adalah penting kerana golongan ini lebih berisiko terdedah kepada bahaya di tempat kerja berbanding golongan dewasa. Di dalam *Employers' and Workers' Handbook on Hazardous Child Labour* yang dikeluarkan oleh ILO pada tahun 2011 telah menyenaraikan sektor-sektor yang berpotensi mendedahkan kanak-kanak yang bekerja ini kepada risiko bahaya. Sektor-sektor tersebut termasuklah pertanian, perikanan, perlombongan, pembinaan, pembuatan batu bata, tenunan permaidani, penyamakan kulit haiwan, kerja-kerja melibatkan aktiviti di pelupusan sampah (scavenging) dan kerja-kerja domestik.

Walaupun sektor-sektor yang disenaraikan tidak meliputi hiburan awam terutamanya pelakon kanak-kanak dalam filem dan drama namun perkara-perkara yang mendedahkan pelakon kanak-kanak ini terhadap persekitaran berbahaya adalah setara seperti yang dinyatakan dalam buku panduan ini. Sebagai contoh sekiranya pelakon kanak-kanak tersebut menjalankan penggambaran di lokasi yang berbahaya yang mendedahkan kanak-kanak kepada penderaan fizikal, psikologi atau seksual atau pelakon kanak-kanak tersebut terpaksa menjalani penggambaran di waktu malam. Oleh yang demikian, perkara-perkara yang dinyatakan berkaitan dengan risiko buruh kanak-kanak ini turut perlu diambil maklum oleh semua pemain industri.

## 2.4.8 Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Hak Kanak-kanak

### (United Nations Convention on the Rights of the Child, 1989 - UNCRC)

Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai hak kanak-kanak (UNCRC) diwujudkan untuk melindungi hak dan kebebasan kanak-kanak sedunia. Ini kerana tanggungjawab untuk memberikan perlindungan kepada kanak-kanak perlu



dipikul bukan sahaja oleh pihak Kerajaan namun turut melibatkan organisasi dan syarikat swasta serta pemegang taruh industri yang berkaitan. Kandungan Konvensyen ini menerangkan elemen yang perlu dipertimbangkan dalam memberikan hak dan perlindungan yang terbaik kepada kanak-kanak di sesebuah negara. Konvensyen ini telah diterima pakai semenjak tahun 1989. Kandungan UNCRC ini merangkumi idea bahawa setiap kanak-kanak harus diiktiraf, dihormati dan dilindungi. Ia terpakai kepada semua individu di bawah umur 18 tahun. Terdapat empat (4) prinsip utama yang dinyatakan di dalam Konvensyen iaitu:


- i. **Tanpa diskriminasi** iaitu hak semua kanak-kanak harus dipastikan tanpa sebarang bentuk diskriminasi;
- ii. **Kepentingan terbaik kanak-kanak** iaitu apabila keputusan atau tindakan diambil yang memberi kesan kepada kanak-kanak maka kepentingan terbaik kanak-kanak mesti menjadi keutamaan;
- iii. **Hak untuk hidup dan perkembangan kanak-kanak** iaitu semua kanak-kanak harus dibenarkan untuk berkembang secara optimum dari segi fizikal, mental, rohani, moral dan sosial; dan
- iv. **Hak untuk didengari** iaitu kanak-kanak seharusnya boleh menyatakan pandangan mereka secara bebas dalam semua perkara yang melibatkan mereka, untuk mengambil bahagian dalam semua proses membuat keputusan yang berkaitan dengan kehidupan mereka dan untuk menggunakan pengaruh ke atas keputusan tersebut mengikut umur dan kematangan mereka.



Terdapat **54 Perkara** yang disenaraikan di dalam Konvensyen ini yang menyatakan berkenaan dengan hak dan perlindungan kanak-kanak. **Perkara 32** di dalam Konvensyen ini turut memfokuskan berkaitan dengan buruh kanak-kanak. Kerajaan bertanggungjawab dalam melindungi kanak-kanak daripada eksploitasi ekonomi dan pekerjaan yang berbahaya atau boleh membahayakan kesihatan, perkembangan atau pendidikan mereka. Seterusnya Kerajaan mesti menetapkan umur minimum untuk kanak-kanak bekerja dan memastikan keadaan kerja adalah selamat dan sesuai. Perkara-perkara lain yang dinyatakan di dalam Konvensyen ini adalah bersifat umum yang terpakai kepada semua sektor ekonomi. Ini termasuklah hak melindungi maklumat privasi kanak-kanak, tanggungjawab ibu bapa, perlindungan kanak-kanak tanpa ibu bapa, kanak-kanak kurang upaya, perlindungan sosial, pendidikan penyalahgunaan dadah serta bentuk-bentuk eksploitasi terhadap kanak-kanak.

## 2.5 RUMUSAN

Hasil daripada kajian literatur yang dilakukan ini penting bagi melihat peruntukan Akta dan amalan-amalan perburuhan yang sedia ada dan yang digunakan di negara-negara luar. Ini bagi memastikan Akta yang digunakan oleh pihak Kerajaan masih bersifat relevan dan tidak ketinggalan oleh arus perubahan terutamanya dalam industri hiburan yang melibatkan perfileman dan drama. Penambahbaikan terhadap peruntukan Akta dan Peraturan sedia ada bagi Akta 350 telah dikenal pasti dan dibincangkan selanjutnya di Bahagian 4: Isu dan Rekomendasi di akhir laporan ini nanti.







**BAB 3**  
**DAPATAN**  
**KAJIAN**



# BAB 3

## DAPATAN KAJIAN

### 3.0 PENDAHULUAN

Bab ini mengandungi analisis berkaitan dapatan soal selidik, sesi FGD dan IDI bagi kajian ini. Responden bagi dapatan soal selidik terdiri daripada syarikat yang terlibat dalam penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama. Sebanyak 361 buah syarikat telah menjawab soal selidik ini dengan lengkap. Bagi sesi FGD dan IDI pula, sebanyak 12 sesi telah dijalankan. Sesi ini melibatkan wakil daripada kementerian / jabatan / agensi, persatuan majikan, kesatuan sekerja pekerja, ahli akademik, persatuan pelakon, pengarah dan penerbit filem serta pelakon dan bekas pelakon kanak-kanak yang terlibat dalam penggajian kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama di Semenanjung Malaysia. Data kajian ini adalah tidak berwajaran namun dapatan kajian ini adalah indikatif.


### 3.1 DAPATAN KUANTITATIF

Bahagian ini akan menerangkan berkenaan dengan analisis dapatan kuantitatif bagi soalan soal selidik yang telah diedarkan. Soal selidik ini terbahagi kepada lima (5) bahagian dan mengandungi 47 soalan.



#### 3.1.1 Bahagian A: Maklumat Asas Syarikat


Soal selidik ini adalah khusus kepada syarikat yang menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama di Semenanjung Malaysia. Bagi memastikan syarikat yang terlibat dalam menjawab soalan ini adalah termasuk dalam skop kajian maka soalan pertama yang dikemukakan adalah sama ada syarikat ini pernah menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama di Semenanjung Malaysia. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa sebanyak 519 syarikat telah menjawab soalan ini dan daripada jumlah tersebut sebanyak 361 syarikat adalah termasuk dalam skop kajian manakala 158 tidak termasuk dalam skop kajian ini.



### 3.1.2 Bahagian B: Maklumat Penggajian Pelakon Kanak-kanak dan Orang Muda di Semenanjung Malaysia

Syarikat-syarikat yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada syarikat yang beroperasi di Semenanjung Malaysia sahaja. Rajah 3.1 menunjukkan taburan lokasi ibu pejabat bagi syarikat-syarikat tersebut. Kebanyakan syarikat-syarikat ini adalah daripada Selangor (47.65%) diikuti dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (30.19%) dan Perak (4.43%).

Rajah 3.1: Peratusan taburan lokasi ibu pejabat



Terdapat tiga (3) kumpulan syarikat yang telah terlibat dalam soal selidik ini berdasarkan jenis perniagaan yang dijalankan. Rajah 3.2 menunjukkan peratus jenis perniagaan yang dijalankan oleh syarikat yang terlibat. Hasil dapatan kajian menunjukkan 91.41 peratus syarikat

merupakan syarikat produksi filem, 5.82 peratus adalah syarikat pencarian bakat dan 2.77 peratus adalah syarikat pengurusan artis.

**Rajah 3.2: Peratusan jenis perniagaan syarikat**




Kontrak merupakan elemen yang penting dalam menentukan hubungan majikan dan pekerja. Kajian ini turut melihat sama ada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini diberikan sesalanan kontrak. Rajah 3.3 menunjukkan peratus pelakon kanak-kanak dan orang muda yang menerima kontrak daripada syarikat yang menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini dalam filem dan drama. Sebanyak 69.25 peratus memaklumkan bahawa pelakon kanak-kanak dan orang muda diberikan sesalanan kontrak untuk rujukan manakala sebanyak 30.75 peratus syarikat tidak memberikan sesalanan kontrak kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini.

**Rajah 3.3: Peratusan salinan kontrak**




Seterusnya analisis turut melihat secara terperinci peratusan syarikat mengikut jenis syarikat yang memberikan dan tidak memberikan sesalanan kontrak tersebut seperti di Rajah 3.3a dan 3.3b. Daripada 69.25 peratus syarikat yang memberikan sesalanan kontrak tersebut didapati 63.43 peratus merupakan syarikat produksi, 1.39 peratus syarikat pengurusan artis dan 4.43 peratus syarikat pencarian bakat. Bagi syarikat yang tidak memberikan sesalanan kontrak pula didapati bahawa sebanyak 27.98 peratus merupakan syarikat produksi manakala syarikat pengurusan artis dan syarikat pencarian bakat masing-masing ialah sebanyak 1.39 peratus.

**Rajah 3.3a: Peratusan syarikat yang memberikan kontrak mengikut jenis syarikat**




**Rajah 3.3b: Peratusan syarikat yang tidak memberikan kontrak mengikut jenis syarikat**



Selanjutnya kajian turut mendapatkan maklumat daripada syarikat berkenaan dengan individu yang menandatangani kontrak ini dengan pihak syarikat. Rajah 3.4 menunjukkan peratusan bagi kumpulan individu yang menandatangani kontrak ini bersama dengan pihak syarikat. Daripada 69.25 peratus syarikat yang memberikan kontrak, kumpulan individu tertinggi yang menandatangani kontrak bagi mewakili pelakon kanak-kanak dan orang muda ini ialah terdiri daripada ibu bapa atau penjaga (59.28%), pelakon kanak-kanak dan orang muda sendiri (9.42%) dan pihak agensi yang menguruskan pelakon kanak-kanak dan orang muda tersebut (0.55%).




**Rajah 3.4: Peratusan kumpulan individu yang menandatangani kontrak dengan pihak syarikat**




Kebanyakan syarikat memaklumkan bahawa pelakon kanak-kanak dan orang muda ini terlibat dalam penggambaran drama sahaja (55.12%), filem sahaja (39.89%) dan aktiviti-aktiviti seperti alih suara / rakaman suara untuk tujuan filem dan drama namun peratusannya adalah kecil (4.99%). Rajah 3.5 menunjukkan tujuan syarikat menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda di Semenanjung Malaysia.

**Rajah 3.5: Peratusan tujuan syarikat menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda di Semenanjung Malaysia**




Bilangan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda bagi tempoh lima (5) tahun bermula tahun 2018 sehingga 2022 adalah sebanyak 3,542. Tiga (3) kumpulan umur tertinggi bagi penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda bagi filem atau drama di Semenanjung Malaysia adalah yang berumur di antara 15 tahun hingga 17 tahun 11 bulan (32.69%) diikuti dengan yang berumur 13 tahun 11 bulan hingga 14 tahun 11 bulan (32.41%), 5 tahun 11 bulan hingga 12 tahun 11 bulan (24.65%). Rajah 3.6 menunjukkan peratusan kumpulan umur bagi penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda ini.

**Rajah 3.6: Peratusan kumpulan umur bagi penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda**



Kajian juga turut memfokuskan kepada penentuan jumlah bayaran lakonan yang ditawarkan kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda. Rajah 3.7 menunjukkan peratusan penentuan jumlah bayaran lakonan yang ditawarkan kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa penentuan jumlah bayaran bagi kebanyakan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini adalah mengikut jumlah episod yang dilakonkan dalam drama atau jumlah babak dalam filem atau drama atau jumlah rakaman alih suara yang dilakukan (77.29%), mengikut hari (14.68%) dan mengikut jam (5.26%). Lain-lain dapatan adalah seperti ditentukan berdasarkan projek (1.11%), bayaran mengikut jumlah bulanan (0.83%), tugasan yang diterima pada masa itu (0.55%) dan berdasarkan persetujuan ibu bapa (0.28%).

**Rajah 3.7: Peratusan penentuan jumlah bayaran lakonan yang ditawarkan kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda**




**Rajah 3.8: Peratusan syarikat yang melakukan pembayaran kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda**



Seterusnya ialah berkenaan dengan pembayaran gaji pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pembayaran gaji kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini secara majoriti adalah dibayar oleh syarikat produksi itu sendiri (96.12%), diikuti dengan syarikat pencarian bakat (2.77%) dan terdapat juga yang dibayar melalui syarikat pengurusan artis (1.11%) seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 3.8.

Syarikat turut ditanya berkenaan dengan pihak yang menerima pembayaran bagi pihak pelakon kanak-kanak dan orang muda tersebut. Dapatan soal selidik mendapati bahawa ibu merupakan individu yang tertinggi menerima bayaran bagi pihak pelakon kanak-kanak dan orang muda ini (50.42%), diikuti dengan bapa (18.84%), pelakon kanak-kanak dan orang muda itu sendiri (15.24%), penjaga (14.40%), pihak agensi (0.83%) dan juga bayaran dimasukkan kepada akaun bersama pelakon dengan ibu atau bapa (0.28%). Rajah 3.9 menunjukkan peratusan individu yang menerima pembayaran daripada syarikat bagi pihak pelakon kanak-kanak dan orang muda ini.

**Rajah 3.9: Peratusan individu yang menerima pembayaran bagi pihak pelakon kanak-kanak dan orang muda**



Pelakon kanak-kanak dan orang muda ini juga berhak untuk mendapatkan sesalinan penyata bayaran bagi gaji / upah bagi setiap penggambaran yang dilakukan. Salinan penyata ini perlu


diserahkan kepada ibu bapa atau penjaga atau pihak yang menguruskan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Ini untuk memastikan ketelusan pihak syarikat produksi dalam membuat pembayaran dan untuk tujuan rekod bagi pelakon kanak-kanak dan orang muda tersebut. Rajah 3.10 menunjukkan peratusan syarikat yang memberikan penyata bayaran gaji / upah kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Sebanyak 27.42 peratus syarikat memberikan sesalinan penyata bayaran gaji / upah manakala sebanyak 72.58 peratus syarikat tidak memberikan sesalinan penyata bayaran gaji / upah kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini.

**Rajah 3.10: Peratusan syarikat yang memberikan penyata bayaran gaji / upah**



Pendidikan adalah wajib bagi semua kanak-kanak dan orang muda di Malaysia. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan penggambaran dilakukan selepas waktu persekolahan berakhir (43.21%) diikuti dengan penggambaran dilakukan semasa cuti sekolah (37.40%). Walau bagaimanapun terdapat juga syarikat yang menjalankan dan meneruskan penggambaran ketika sesi persekolahan berlangsung. Bagi situasi ini hasil dapatan menunjukkan bahawa sebanyak 17.17 peratus pelakon kanak-kanak dan orang muda ini akan meninggalkan sementara aktiviti persekolahan, sebanyak 1.66 peratus menjalankan sesi *home schooling* dan sebanyak 0.55 peratus menggajikan tutor persendirian. Analisis ini boleh dirujuk pada Rajah 3.11.

**Rajah 3.11: Peratusan waktu penggambaran dan sesi persekolahan pelakon kanak-kanak dan orang muda**




Simpanan hari tua adalah penting bagi memastikan kelangsungan hidup pelakon kanak-kanak dan orang muda ini apabila mereka tidak lagi berlakon di usia tua. Kajian turut mendapatkan maklum balas berkaitan dengan syarikat sama ada caruman KWSP dibuat kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Dapatan kajian menunjukkan hanya 2.22 peratus syarikat melakukan caruman KWSP manakala 97.78 peratus syarikat tidak melakukan caruman KWSP kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini seperti di Rajah 3.12.

**Rajah 3.12: Peratusan syarikat melakukan caruman KWSP**




Daripada 97.78 peratus syarikat yang tidak melakukan caruman tersebut hanya 38.50 peratus syarikat bercadang untuk memasukkan peruntukan caruman KWSP di dalam kontrak bersama pelakon kanak-kanak dan orang muda ini pada masa hadapan manakala 59.28 peratus pula menjawab tidak seperti di Rajah 3.13.

**Rajah 3.13: Peratusan syarikat yang merancang melakukan caruman pada masa hadapan**




Kajian ini juga mendapati terdapat lima (5) sebab utama syarikat tidak melakukan caruman. Sebanyak 45.98 peratus syarikat menyedari terdapat keperluan untuk mencarum kepada KWSP tetapi syarikat merasakan merasakan tiada keperluan untuk membuat caruman tersebut kerana umur pelakon yang masih kecil. Alasan lain yang diberikan ialah syarikat tidak dimaklumkan mengenai keperluan untuk mencarum KWSP (26.04%), syarikat tidak menyedari keperluan untuk mencarum kepada KWSP (8.59%), pelakon kanak-kanak dan orang muda tersebut merupakan pelakon sementara dan tidak tetap (8.31%) dan kekangan kewangan syarikat (4.16%). Dapatan hasil kajian adalah seperti di Rajah 3.14

**Rajah 3.14: Peratusan sebab syarikat tidak melakukan caruman**



**Rajah 3.15: Peratusan tempoh waktu penggambaran / rakaman bagi filem dan drama yang melibatkan pelakon kanak-kanak dan orang muda**



Akta 350 turut memasukkan syarat bagi tempoh waktu bekerja bagi kanak-kanak dan orang muda yang terlibat dengan hiburan awam termasuklah penggambaran filem dan drama. Rajah 3.15 menunjukkan bahawa purata syarikat melakukan penggambaran yang melibatkan pelakon kanak-kanak dan orang muda ialah antara 4 jam hingga 6 jam (54.57%) diikuti dengan 7 jam hingga 9 jam (35.46%), manakala 1 jam hingga 3 jam (5.54%) dan 10 jam dan lebih (4.43%).


Waktu penggambaran atau rakaman yang melibatkan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini untuk menghasilkan sesebuah filem dan drama turut diambil kira. Rajah 3.16 menunjukkan hasil dapatan bagi waktu penggambaran atau rakaman tersebut. Terdapat syarikat yang menjalankan penggambaran atau rakaman yang tidak menentu atau mengikut jadual yang telah ditetapkan (59.00%), menjalankan penggambaran atau rakaman pada kedua-dua waktu siang dan malam (20.22%), siang sahaja (15.51%) dan malam sahaja (5.26%).

**Rajah 3.16: Peratusan bagi waktu penggambaran dan rakaman oleh syarikat produksi**




Bukan itu sahaja, soal selidik turut mengambil kira berkenaan dengan anggaran waktu penggambaran atau rakaman bermula. Ini penting bagi melihat sama ada pematuhan terhadap waktu kerja yang telah ditetapkan di dalam Akta 350 bagi aktiviti hiburan awam adalah dipatuhi. Rajah 3.17 merujuk kepada peratusan anggaran waktu penggambaran atau rakaman bermula. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pelakon kanak-kanak dan orang muda ini menjalankan penggambaran antara jam 8.00 pagi hingga 5.59 petang (58.45%) diikuti dengan 6.00 petang hingga 11.59 malam (38.50%) dan pada jam 12.00 tengah malam sehingga 7.59 pagi (3.05%).

**Rajah 3.17: Peratusan anggaran waktu penggambaran atau rakaman bermula**



Seterusnya pula soal selidik memfokuskan kepada purata jumlah hari bekerja pelakon kanak-kanak dan orang muda bagi sesuatu projek filem atau drama yang disertai. Hasil dapatan adalah seperti di Rajah 3.18. Pelakon kanak-kanak dan orang muda yang terlibat dalam sesuatu penggambaran filem dan drama kebiasaannya akan mengambil masa 7 hingga 12 hari (48.75%), antara 1 hingga 6 hari (29.92%), antara 13 hingga 15 hari (19.67%) dan melebihi 15 hari (1.66%).

**Rajah 3.18: Peratusan purata jumlah hari bekerja pelakon kanak-kanak dan orang muda**




### 3.1.3 Bahagian C: Perundangan Perburuhan

Bahagian ini akan menganalisis berkaitan dengan pematuhan terhadap perundangan perburuhan bagi penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda di Semenanjung Malaysia.

Sebanyak 73.13 peratus syarikat yang terlibat dalam penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama **tidak mengetahui** berkenaan dengan keperluan mendapatkan lesen daripada pihak JTKSM sebelum menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Manakala 22.71 peratus tidak pasti dan hanya 4.16 peratus mengetahui perkara ini. Analisis ini boleh dirujuk pada Rajah 3.19.


**Rajah 3.19: Peratusan syarikat mengetahui berkenaan dengan keperluan mendapatkan lesen**




Rajah 3.20 menunjukkan peratusan syarikat yang pernah melakukan permohonan untuk mendapatkan lesen sekiranya menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama. Hasil dapatan analisis menunjukkan sebanyak 52.91 peratus syarikat produksi tidak pernah melakukan sebarang permohonan bagi mendapatkan lesen manakala 47.09 peratus menyatakan tidak pasti. Ketiga-tiga jenis syarikat yang terlibat dalam soal selidik ini turut diminta untuk menjawab berkenaan dengan tempoh pembayaran gaji atau upah kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Dapatan hasil analisis adalah seperti di Rajah 3.21. Syarikat memaklumkan bahawa pembayaran dilakukan mengikut tempoh yang ditetapkan (97.78%). Selebihnya menjawab masing-masing tidak dan tidak pasti (1.11%).



**Rajah 3.20: Peratusan syarikat produksi yang pernah memohon lesen**




**Rajah 3.21: Peratusan syarikat yang melakukan pembayaran gaji atau upah mengikut tempoh yang ditetapkan**




Rehat yang secukupnya perlu bagi memastikan kesihatan pelakon kanak-kanak dan orang muda. Soal selidik turut menyenaraikan soalan sama ada syarikat memberikan rehat sekurang-kurangnya 30 hingga 40 minit selepas pelakon kanak-kanak dan orang muda ini menjalani penggambaran dalam tempoh 3 hingga 4 jam. Sebanyak 96.95 peratus syarikat menyatakan ada memberikan rehat seperti yang ditetapkan manakala 2.49 peratus tidak pasti dan 0.55 peratus menyatakan tidak seperti di Rajah 3.22.

**Rajah 3.22: Peratusan syarikat yang memberikan rehat**




**Rajah 3.23: Peratusan syarikat yang memberikan cuti rehat / *time off***



Bukan itu sahaja, kajian ini juga mendapatkan maklumat berkenaan dengan pemberian cuti rehat / *time off* kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda sepanjang menjalani proses penggambaran. Hasil dapatan analisis adalah seperti di Rajah 3.23. Terdapat syarikat yang memberikan cuti rehat / *time off* kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini (47.65%) manakala terdapat juga yang menjawab tiada cuti rehat / *time off* diberikan (39.89%) dan ada juga yang menjawab tidak pasti (12.47%).

Pada masa ini permohonan lesen adalah perlu dibuat secara manual. Borang permohonan dan dokumen yang lengkap perlu dihantar ke pejabat JTKSM. Sehubungan dengan itu, soal selidik ini turut mendapatkan maklum balas daripada syarikat sama ada mereka bersetuju agar permohonan lesen ini dibuat secara digital iaitu secara dalam talian atau menggunakan aplikasi khusus. Sebahagian besar syarikat bersetuju dengan cadangan ini (89.20%). Namun terdapat juga syarikat yang tidak pasti (9.42%) dan tidak bersetuju (1.39%) seperti di Rajah 3.24.

**Rajah 3.24: Peratusan syarikat bersetuju permohonan lesen dibuat secara digital**




**Rajah 3.25: Peratusan syarikat bersetuju penggubalan peraturan / undang-undang khusus**



Rajah 3.25 pula menunjukkan hasil dapatan analisis penggubalan peraturan / undang-undang khusus terhadap pengajian pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Hasil dapatan analisis menunjukkan majoriti syarikat bersetuju agar penggubalan peraturan / undang-undang khusus diwujudkan (60.11%), tidak pasti (23.82%) dan tidak bersetuju (16.07%).


**Rajah 3.26: Peratusan syarikat bersetuju agar garis panduan khusus diwujudkan**



Satu garis panduan khusus juga dirasakan perlu diwujudkan. Sehubungan dengan itu kajian ini turut melihat maklum balas syarikat berkenaan dengan perkara ini. Rajah 3.26 menunjukkan peratusan bagi hasil analisis kajian iaitu syarikat yang bersetuju (82.27%), tidak pasti (12.74%) dan tidak bersetuju (4.99%). Peratusan yang bersetuju bagi pewujudan garis panduan yang khusus adalah lebih tinggi (82.27%) jika dibandingkan dengan peratusan yang bersetuju bagi penggubalan peraturan / undang-undang khusus (60.11%).

Rajah 3.27 menunjukkan peratusan syarikat yang bersetuju sekiranya aktiviti pendidikan perburuhan berkenaan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dipertingkatkan. Sebanyak 63.43 peratus syarikat bersetuju diikuti dengan 32.13 peratus tidak pasti dan 4.43 peratus tidak bersetuju.

**Rajah 3.27: Peratusan syarikat bersetuju sekiranya aktiviti pendidikan perburuhan dipertingkatkan**




### 3.1.4 Bahagian D: Kemudahan Dan Perlindungan Sosial


Bahagian ini mengkhususkan berkenaan dengan keprihatinan syarikat dalam memberikan kemudahan dan perlindungan sosial kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda. Ini termasuklah penyediaan polisi insurans, potongan cukai berjadual, pemeriksaan kesihatan, kemudahan asas, ketidakhadiran ke sekolah, pemberian bonus dan kemudahan pengangkutan. Rajah 3.28 adalah berkenaan dengan peratusan syarikat menyediakan polisi insurans kemalangan kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda. Hasil dapatan analisis menunjukkan terdapat syarikat yang menyediakan polisi insurans kemalangan (47.92%). Walau bagaimanapun, masih terdapat syarikat yang tidak menyediakan polisi insurans

kemalangan ini kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda (46.26%) dan ada juga yang tidak pasti (5.82%).

**Rajah 3.28: Peratusan syarikat menyediakan polisi insurans kemalangan**




**Rajah 3.29: Peratusan syarikat dalam memberikan maklumat pelakon kanak-kanak dan orang muda kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)**



Kajian ini juga mendapatkan maklum balas berkenaan dengan pematuhan syarikat dalam memberikan maklumat pelakon kanak-kanak dan orang muda kepada LHDN. Rajah 3.29 menunjukkan bahawa syarikat mengakui tidak pasti berkenaan dengan perkara ini (47.92%) manakala terdapat juga syarikat yang tidak berbuat demikian (42.11%) dan yang menyatakan ya hanyalah mempunyai peratusan yang kecil (9.97%).

Selanjutnya, soal selidik turut mengambil kira berkenaan dengan potongan cukai berjadual (PCB) bagi tujuan cukai pendapatan ke atas pendapatan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini oleh pihak syarikat. Rajah 3.30 merupakan hasil dapatan analisis berkenaan dengan perkara ini yang menunjukkan bahawa tanggungjawab syarikat dalam melakukan PCB bagi pelakon kanak-kanak dan orang muda ini amat rendah. Lebih separuh syarikat tidak melakukan PCB (54.29%),

**Rajah 3.30: Peratusan syarikat membuat potongan cukai berjadual (PCB)**



tidak pasti sama ada melakukan PCB (42.11%) dan hanya segelintir yang melakukan potongan PCB (3.60%).

Syarikat turut bertanggungjawab dalam melakukan pemeriksaan kesihatan terhadap pelakon kanak-kanak dan orang muda yang digajikan. Ini sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam Akta 350. Rajah 3.31 menunjukkan bahawa kebanyakan syarikat melakukan pemeriksaan kesihatan terhadap pelakon kanak-kanak dan orang muda ini (52.35%), tidak melakukan pemeriksaan kesihatan (42.38%) manakala terdapat syarikat yang menjawab tidak pasti berkenaan dengan perkara ini (5.26%).

**Rajah 3.31: Peratusan syarikat yang melakukan pemeriksaan kesihatan**



**Rajah 3.32: Peratusan syarikat yang menyediakan bilik persalinan yang sesuai**



Kesedaran syarikat dalam menyediakan bilik persalinan yang sesuai kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini turut diambil kira. Majoriti syarikat menyediakan bilik persalinan kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini (96.12%) manakala yang menjawab tidak pasti (2.22%) dan tidak (1.66%). Hasil dapatan adalah seperti di Rajah 3.32.

**Rajah 3.33: Peratusan syarikat yang menyediakan tandas mengikut jantina**



Selain menyediakan bilik persalinan yang sesuai, syarikat juga perlu menyediakan tandas mengikut jantina. Rajah 3.33 adalah berkaitan dengan peratusan syarikat yang menyediakan tandas mengikut jantina. Majoriti syarikat ada menyediakan tandas mengikut jantina (77.84%), tidak menyediakan tandas mengikut jantina (18.01%) dan yang menyatakan tidak pasti (4.16%).

Tempat rehat yang sesuai juga perlu bagi memastikan keselesaan kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda sepanjang penggambaran dijalankan terutama apabila melibatkan penggambaran di lokasi luar. Analisis menunjukkan bahawa kebanyakan syarikat ada menyediakan tempat rehat yang selesa kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini (93.91%). Walau bagaimanapun, terdapat juga syarikat yang tidak pasti (4.16%) dan syarikat yang tidak menyediakan tempat rehat kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini sepanjang penggambaran dijalankan (1.94%). Hasil dapatan analisis adalah seperti di Rajah 3.34.

**Rajah 3.34: Peratusan syarikat yang menyediakan tempat rehat yang selesa**



Ya	Tidak Pasti	Tidak
93.91%	4.16%	1.94%

**Rajah 3.35: Peratusan syarikat yang menyediakan penginapan**




Ya	Tidak	Tidak Pasti
63.16%	22.44%	14.40%


Penginapan yang selesa juga merupakan perkara yang perlu diambil kira oleh syarikat apabila melibatkan penggambaran di luar kawasan. Ini untuk menjamin keselamatan pelakon kanak-kanak dan orang muda berkenaan. Rajah 3.35 menunjukkan bahawa terdapat juga syarikat yang prihatin dan menyediakan tempat penginapan (63.16%) manakala ada syarikat yang tidak menyediakan tempat penginapan (22.44%) dan selebihnya adalah tidak pasti (14.40%).

Pelakon kanak-kanak dan orang muda yang terlibat dalam sesuatu penggambaran filem dan drama akan berkemungkinan untuk tidak hadir ke sekolah. Sekiranya perkara ini terjadi maka tanggungjawab syarikat adalah untuk memaklumkan kepada pihak sekolah berkenaan perkara ini. Majoriti syarikat tidak memaklumkan ketidakhadiran pelakon kanak-kanak dan orang muda ini dengan pihak sekolah sepanjang penggambaran dilakukan pada waktu persekolahan (72.85%), manakala syarikat yang tidak pasti (16.07%) dan syarikat yang memaklumkan (11.08%). Rajah 3.36 adalah hasil dapatan analisis kajian ini.

**Rajah 3.36: Peratusan syarikat yang memaklumkan kepada pihak sekolah**




**Rajah 3.37: Peratusan syarikat yang memberikan ruang masa mengulang kaji pembelajaran persekolahan kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda**




Walaupun pelakon kanak-kanak dan orang muda ini tidak hadir ke sekolah namun adalah menjadi tanggungjawab syarikat untuk memastikan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini diberikan ruang masa untuk mengulang kaji pembelajaran di set penggambaran atau rakaman. Rajah 3.37 menunjukkan bahawa syarikat ada memberikan ruang masa mengulang kaji pembelajaran kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini (70.36%), tidak pasti (25.21%) dan tidak (4.43%).

Syarikat juga ditanya sama ada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini berisiko untuk terdedah kepada keciciran pembelajaran akibat daripada aktiviti penggambaran filem dan drama yang melibatkan kumpulan ini. Syarikat menyatakan ketidakpastian berkenaan dengan perkara ini (60.39%) manakala ada juga syarikat yang menyatakan tidak (36.01%) dan bersetuju (3.60%). Hasil dapatan analisis seperti di Rajah 3.38.

**Rajah 3.38: Peratusan syarikat yang berpandangan pelakon kanak-kanak dan orang muda terdedah kepada keciciran pembelajaran**



**Rajah 3.39: Peratusan syarikat yang pernah memberikan bonus**




Pemberian bonus kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda turut diambil kira di dalam kajian ini. Penghasilan sesuatu filem dan drama turut melibatkan kerja berpasukan. Penghargaan perlu diberikan kepada semua termasuklah pelakon kanak-kanak dan orang muda kerana kumpulan pelakon ini turut memberikan komitmen masa dalam menjayakan sesuatu watak yang diberikan.

Rajah 3.39 menunjukkan peratusan syarikat yang pernah memberikan bonus kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Hasil dapatan analisis menunjukkan bahawa majoriti syarikat tidak pernah memberikan bonus kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini (79.22%) manakala sebahagian kecil syarikat pernah memberikan bonus (10.80%) manakala sebahagian kecil lagi menjawab tidak pasti (9.97%).

Bagi memastikan keselamatan pelakon kanak-kanak dan orang muda dilindungi ketika menjalani penggambaran filem dan drama maka menjadi tanggungjawab syarikat untuk menyediakan kemudahan yang sesuai termasuklah pengangkutan kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Rajah 3.40 menunjukkan peratusan syarikat yang menyediakan pengangkutan bagi memudahkan pelakon

**Rajah 3.40: Peratusan syarikat yang menyediakan pengangkutan**





kanak-kanak dan orang muda ini hadir ke lokasi. Hasil dapatan analisis menunjukkan terdapat syarikat yang menyediakan pengangkutan untuk pelakon


kanak-kanak dan orang muda ini iaitu sebanyak 61.50 peratus manakala tidak sebanyak 22.44 peratus dan tidak pasti sebanyak 16.07 peratus.

### 3.1.5 Bahagian E: Keselamatan dan Kesihatan Pekerja


Bahagian ini mengkhususkan berkenaan dengan perkara yang melibatkan keselamatan dan kesihatan pekerja pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Ini bagi memastikan syarikat mengambil cakna berkenaan dengan isu yang melibatkan persekitaran yang boleh dikategorikan sebagai bahaya dan berisiko seperti mana yang dinyatakan di dalam Akta 350. Rajah 3.41 adalah berkaitan dengan peratusan syarikat yang memberikan watak yang melibatkan babak seperti merokok, minuman keras dan berkaitan dengan dadah. Majoriti syarikat menjawab tidak (89.20%) manakala terdapat juga syarikat yang menjawab ya (10.53%) dan tidak pasti (0.28%).

Bukan itu sahaja, soal selidik juga turut merangkumi penglibatan pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam babak penggambaran di lokasi merbahaya seperti tempat tinggi, bawah tanah dan dalam laut. Hasil dapatan adalah seperti di Rajah 3.42. Walaupun terdapat syarikat yang mengakui terdapat pelakon kanak-kanak dan orang muda ini terlibat dalam penggambaran di lokasi merbahaya namun peratusannya adalah kecil (4.16%) berbanding dengan syarikat yang menyatakan tidak (95.29%) manakala terdapat juga syarikat yang menjawab tidak pasti (0.55%).

**Rajah 3.41: Peratusan watak yang dilakukan pelakon kanak-kanak dan orang muda melibatkan babak merokok, minuman keras dan berkaitan dadah**




**Rajah 3.42: Peratusan watak yang dilakukan pelakon kanak-kanak dan orang muda melibatkan babak di lokasi merbahaya**



Terdapat juga filem dan drama yang melibatkan lagak ngeri yang membabitkan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Rajah 3.43 menunjukkan majoriti syarikat tidak melibatkan pelakon kanak-kanak dan orang muda sekiranya terdapat babak melibatkan lagak ngeri (91.69%) manakala hanya segelintir sahaja syarikat yang menjawab ya (7.48%) dan tidak pasti (0.83%).

**Rajah 3.43: Peratusan watak yang memerlukan pelakon kanak-kanak dan orang muda melakonkan lagak ngeri**



## **3.2 DAPATAN KUALITATIF: PERBINCANGAN KUMPULAN BERFOKUS (FGD) DAN *IN-DEPTH INTERVIEW* (IDI)**

Bahagian ini membincangkan berkenaan dengan dapatan kualitatif hasil daripada perbincangan FGD dan IDI yang telah dijalankan. Fokus utama sesi ini ialah untuk mendapatkan pandangan berkenaan dengan penguatkuasaan undang-undang perburuhan dan perlindungan sosial bagi penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama di Semenanjung Malaysia.

### **3.2.1 Kementerian Sumber Manusia**

Sesi pertama FGD memfokuskan kepada isu-isu berkaitan dengan perundangan perburuhan yang melibatkan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda di dalam filem dan drama di Semenanjung Malaysia. Peserta yang hadir terdiri daripada pegawai yang mewakili Bahagian Dasar Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).

#### **3.2.1.1 Definisi Hiburan Awam**

Pada masa kini KKD telah mengeluarkan satu definisi berkenaan dengan Industri Kreatif.

Sesi ini turut mendapatkan pandangan sama ada terdapat keperluan untuk menyelaraskan semula definisi hiburan awam yang terdapat di dalam Akta 350 setara dengan definisi semasa yang diguna pakai dalam DIKN. Peserta memaklumkan bahawa tiada keperluan untuk menyelaraskan semula definisi hiburan awam tersebut. Ini kerana definisi hiburan awam yang dinyatakan di dalam Akta 350 telah meliputi perkara-perkara yang terdapat di dalam definisi Industri Kreatif tersebut.

Walau bagaimanapun, peserta bersetuju sekiranya penambahbaikan dilakukan bagi memperjelaskan lagi skop yang termasuk di dalam kategori hiburan awam tanpa menjejaskan maksud hiburan awam. Ini termasuklah aktiviti berkaitan Industri Kreatif yang semakin berkembang.

## Definisi Industri Kreatif dan Hiburan Awam

### Definisi Industri Kreatif:

Penggembengan dan penghasilan, kebolehan dan bakat individu atau berkumpulan berasaskan kreativiti, inovasi dan teknologi yang menjurus kepada sumber keberhasilan ekonomi dan pendapatan tinggi kepada negara dengan memberi penekanan kepada aspek karya dan hak cipta intelek selaras dengan budaya dan nilai-nilai murni kepelbagaian kaum di Malaysia.

Sumber daripada Dasar Industri Kreatif Negara

### Definisi Hiburan Awam:

Hiburan yang dibuka untuk orang awam yang mengenakan bayaran atau tidak kepada orang awam.

Sumber daripada Akta (Pekerjaan) Kanak-Kanak dan Orang Muda 1966 (Akta 350)

### 3.2.1.2 Perundangan Perburuhan

Wakil daripada JTKSM memaklumkan bahawa sehingga kini pihak JTKSM tidak menerima sebarang permohonan lesen daripada syarikat-syarikat produksi sama ada bagi aktiviti filem mahupun drama. Kebanyakan permohonan yang diterima adalah bagi aktiviti-aktiviti opera dan teater sahaja. Peserta turut diminta untuk berkongsi pandangan berkenaan dengan faktor penyumbang kepada ketidakpekaan syarikat produksi untuk melakukan permohonan lesen bagi mendapatkan kelulusan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda sebelum sesuatu penggambaran filem dan drama dijalankan.

Program kesedaran ini penting bagi mengelakkan pemahaman yang berbeza oleh syarikat produksi berkenaan definisi hiburan awam yang dinyatakan di dalam Akta 350.

-Wakil Peserta-

Peserta turut memaklumkan bahawa Jabatan telah melaksanakan program kesedaran berkaitan perundangan perburuhan namun tiada program yang khusus bagi penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda. Ketiadaan program kesedaran terhadap kepentingan dan pematuhan Akta 350 khususnya penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda kepada syarikat produksi oleh pihak Jabatan juga menjadi faktor pendorong kepada isu ketidakpekaan syarikat produksibagi mendapatkan

lesen hiburan awam. Bukan itu sahaja, program kesedaran ini penting bagi mengelakkan pemahaman yang berbeza oleh syarikat produksi berkenaan definisi hiburan awam yang dinyatakan di dalam Akta 350 sama ada terpakai atau tidak bagi aktiviti-aktiviti penggambaran filem dan drama. Peserta juga bersetuju dengan pandangan pasukan kajian berkenaan dengan kepentingan melaksanakan program kesedaran yang khusus kepada syarikat produksi yang menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Program ini dapat memberi penjelasan yang lebih mudah berkenaan dengan syarat-syarat dan prosedur permohonan lesen hiburan awam kepada syarikat produksi yang berkaitan. Pemahaman yang jelas berkaitan prosedur permohonan juga dapat mengelakkan kebimbangan syarikat produksi berkenaan dengan risiko permohonan lesen yang tidak diluluskan dan ia mungkin menjadi penyebab kepada pihak syarikat untuk tidak membuat permohonan.

Salah seorang peserta juga memaklumkan bahawa setiap syarikat produksi mempunyai tempoh penggambaran yang berbeza mengikut projek yang dijalankan. Terdapat syarikat produksi yang menjalankan penggambaran yang hanya memakan masa kurang dari tiga (3) hari manakala terdapat juga penggambaran yang memakan masa melebihi sebulan. Namun prosedur bagi permohonan lesen ini tetap sama. Oleh yang demikian Jabatan yang terlibat perlu melihat semula kaedah terbaik dalam prosedur permohonan lesen ini bagi penggambaran yang

Setiap syarikat produksi mempunyai tempoh penggambaran yang berbeza mengikut projek yang dijalankan. Terdapat syarikat produksi yang menjalankan penggambaran yang hanya memakan masa kurang dari tiga (3) hari dan melebihi sebulan. Namun prosedur bagi permohonan lesen ini tetap sama.

-Wakil Peserta-

melibatkan tempoh masa yang pendek dengan tempoh masa yang panjang. Peserta mencadangkan agar notifikasi perlu diberikan kepada Jabatan bagi penggambaran tempoh masa yang pendek manakala permohonan lesen perlu dibuat hanya kepada syarikat produksi yang melibatkan penggambaran tempoh masa yang panjang.

Bukan itu sahaja, program kesedaran ini juga penting bagi menjelaskan kepada syarikat produksi tanggungjawab mereka sebagai seorang majikan yang menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Status sama ada hubungan yang wujud di antara syarikat produksi dan para pelakon bersifat *contract of service* atau *contract for service* juga perlu diperhalusi. Peserta juga bersetuju dengan pandangan pasukan kajian agar penjelasan yang terperinci perlu dibuat kepada syarikat produksi berkenaan dengan perkara ini. Bagi memastikan keberkesanan program kesedaran ini, peserta turut mencadangkan agar penglibatan bersepadu semua agensi yang berkaitan dengan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda perlu dilaksanakan. Sebagai contoh, penglibatan bukan sahaja daripada pihak JTKSM namun turut melibatkan pihak-pihak lain seperti JKKP, PERKESO, KWSP dan FINAS.

Peserta turut diajukan berkenaan dengan keperluan mewujudkan Akta dan Peraturan khusus bagi pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Peserta bersetuju berkenaan perkara ini namun perlu diperhalusi dengan lebih mendalam. Terdapat tiga (3) cadangan yang diterima daripada

peserta yang hadir iaitu pertama dengan mewujudkan garis panduan khusus bagi penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda. Kedua, membangunkan *Industrial Code of Practice* berkaitan dengan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda yang akan meliputi semua perkara berkaitan dengan perundangan perburuhan termasuklah keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan perlindungan sosial. Walau bagaimanapun, punca kuasa yang jelas diperlukan sekiranya *Industrial Code of Practice* ini ingin dilaksanakan. Cadangan ketiga ialah dengan menyediakan *Frequently Asked Question* (FAQ) sebagai bahan rujukan kepada syarikat produksi berkaitan dengan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda ini khususnya berkenaan dengan permohonan lesen hiburan awam dengan JTKSM. Peserta berpandangan FAQ ini lebih mudah dilaksanakan dan mudah untuk difahami oleh syarikat produksi.

Peserta turut mencadangkan agar perkara-perkara utama seperti definisi kanak-kanak dan orang muda, waktu kerja, Jadual 4 yang berkaitan dengan senarai kerja berbahaya yang berkaitan dengan pelakon kanak-kanak dan orang muda serta prosedur permohonan lesen hiburan awam seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 7 dan Peraturan 5 Akta 350 ini disemak semula. Peserta turut memberikan cadangan agar penjelasan yang terperinci diberikan terhadap senarai aktiviti yang berisiko dan mendedahkan seseorang pelakon kanak-kanak dan orang muda terhadap keadaan yang berbahaya. Selanjutnya, peserta turut mencadangkan agar syarikat produksi ini melakukan penilaian risiko sebelum, semasa dan selepas aktiviti penggambaran dilakukan. Sebagai contoh, penilaian sebelum aktiviti penggambaran bermula perlu mengambil kira tahap fizikal dan psikososial pelakon kanak-kanak dan orang muda tersebut. Bagi penilaian semasa dan selepas aktiviti penggambaran pula, syarikat produksi boleh menyediakan peti kecemasan dan pelan kecemasan sebagai persediaan sekiranya berlaku kemalangan terhadap pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Peserta juga mencadangkan agar syarikat produksi melantik mana-mana pekerja mereka sebagai Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Occupational Safety and Health Coordinator). Individu yang dilantik ini mestilah seorang yang terlatih dan mempunyai asas dalam melakukan pertolongan cemas. Peserta juga bersetuju dengan pandangan daripada pasukan kajian bahawa perlu diwujudkan peluang latihan berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada syarikat produksi serta pegawai yang dilantik.

Walaupun terdapat isu berkenaan dengan kerelevanan bagi permohonan lesen hiburan awam ini terhadap penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda namun peserta berpandangan ia masih perlu dikekalkan dan bersifat relevan. Ini bertujuan untuk melindungi pelakon kanak-kanak dan orang muda tersebut sepanjang penggambaran dijalankan. Bukan itu sahaja, tanggungjawab dalam melakukan permohonan ini perlu dibuat oleh pihak syarikat produksi. Sungguhpun begitu, semua pihak seperti ibu bapa, penjaga dan syarikat pengurusan pelakon tersebut perlu menyedari bahawa mereka turut terlibat secara tidak langsung dalam memberikan maklumat untuk memastikan permohonan yang dibuat ini lengkap. Kesedaran berkenaan dengan perkara ini boleh disampaikan melalui program-program kesedaran yang dijalankan oleh Jabatan yang terlibat.

Sehingga kini permohonan berkenaan dengan lesen ini perlu dilakukan secara manual dengan JTKSM.

-Wakil Peserta-

Peserta juga memaklumkan bahawa sehingga kini permohonan berkenaan dengan lesen ini perlu dilakukan secara manual. Syarikat produksi boleh mendapatkan borang permohonan yang ada di dalam laman web JTKSM. Peserta memberikan pandangan yang positif berkenaan dengan cadangan sekiranya pendigitalan terhadap permohonan lesen bagi penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda ini

dilakukan secara dalam talian. Ini bagi memudahkan pihak syarikat produksi dalam melakukan permohonan. Selain itu, peserta turut bersetuju dengan pandangan pasukan kajian bahawa pelaksanaan sistem permohonan dalam talian juga akan dapat membantu pihak JTKSM untuk membangunkan profil syarikat produksi serta pelakon kanak-kanak dan orang muda untuk dijadikan rujukan.

### **3.2.1.3 Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**

Sesi ini juga turut melihat aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan pelakon kanak-kanak dan orang muda. Beberapa soalan turut diajukan kepada peserta dari JKKP yang hadir. Peserta yang mewakili JKKP telah memaklumkan bahawa tiada peruntukan khusus berkenaan dengan pekerja kanak-kanak dan orang muda dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514]. Di bawah pindaan Akta 514 pada tahun 2022, terdapat satu peruntukan baharu yang mewajibkan semua majikan yang mengambil kerja lima orang (5) atau lebih pekerja



di tempat kerjanya, untuk melantik seorang Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH Coordinator) bagi menyelaras isu-isu berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Peruntukan ini terpakai kepada semua majikan di semua tempat kerja di negara ini yang termasuk dalam skop Akta 514, termasuklah syarikat produksi yang menggaji pelakon kanak-kanak dan orang muda.

Dengan adanya Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di sesebuah syarikat produksi, ia dapat membantu majikan dalam mematuhi perundangan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Walau bagaimanapun, peserta dari JKKP memaklumkan bahawa pindaan Akta 514 ini belum dikuatkuasakan. Ia dijangka berkuat kuasa pada akhir tahun 2023.

Peserta berpandangan tiada keperluan mendesak untuk mewujudkan satu peraturan atau prosedur operasi standard (SOP) yang khusus berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan bagi pelakon kanak-kanak dan orang muda. Ini kerana ia belum menjadi prioriti Jabatan untuk membangunkan prosedur tersebut. Walau bagaimanapun, JKKP amat mengalu-alukan cadangan yang dinyatakan oleh para peserta yang hadir berkaitan dengan pembangunan garis panduan perburuhan, *Industrial Code of Practice* dan penyediaan FAQ. Peserta turut mencadangkan agar pembangunan garis panduan perburuhan, *Industrial Code of Practice* dan penyediaan FAQ ini perlu diselaraskan dan bersifat komprehensif dengan memasukkan juga perkara-perkara berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan bagi pelakon kanak-kanak dan orang muda ini.

Peserta memaklumkan bahawa tiada penguatkuasaan atau pemeriksaan khusus yang dijalankan setakat ini terhadap lokasi penggambaran filem dan drama. Pegawai JKKP akan pergi ke lokasi penggambaran dan melakukan siasatan sekiranya terdapat kes aduan atau kemalangan yang berlaku di lokasi penggambaran. Peserta juga memaklumkan tiada laporan rasmi diterima setakat ini berkaitan kes-kes kemalangan yang melibatkan kru atau pelakon filem. Hasil semakan rekod aduan pelanggan dari tahun 2018 sehingga tahun 2022 juga mendapati bahawa tiada sebarang aduan diterima berkaitan dengan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Rujukan bagi peruntukan penuh berkaitan Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan adalah dipaparkan seperti berikut:

## Seksyen 29A. Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

(2) Seseorang pekerja yang dilantik sebagai penyelaras keselamatan dan kesihatan pekerjaan di bawah Subseksyen (1) hendaklah dilantik bagi maksud menyelaraskan isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

(1) Seseorang majikan yang tempat kerjanya tidak termasuk dalam mana-mana kelas atau jenis tempat kerja sebagaimana yang disiarkan dalam Warta di bawah Subseksyen 29(1) hendaklah melantik salah seorang daripada pekerjanya untuk bertindak sebagai penyelaras keselamatan dan kesihatan pekerjaan jika dia mengambil kerja lima atau lebih pekerja di tempat kerjanya.

(4) Seseorang majikan yang melanggar Subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(3) Walau apa pun Subseksyen (1), seseorang majikan yang disebut dalam Subseksyen (1) yang telah melantik seorang pegawai keselamatan dan kesihatan di tempat kerja hendaklah disifatkan telah mematuhi Subseksyen (1).


### 3.2.2 PERKESO dan KWSP

Sesi FGD turut dijalankan bersama dengan pihak PERKESO dan KWSP bagi membincangkan perkara-perkara yang melibatkan perlindungan sosial dan simpanan hari tua bagi penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda di Semenanjung Malaysia.

#### 3.2.2.1 Perlindungan Keselamatan Sosial

Peserta memaklumkan bahawa di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800] telah menyatakan berkenaan dengan kelayakan pemohon iaitu mestilah berumur 18 tahun dan ke atas. Peserta turut memaklumkan sekiranya pelakon kanak-kanak dan orang muda ini ingin melakukan caruman secara sukarela maka mereka boleh melakukan caruman melalui Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) iaitu di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789]. Walau bagaimanapun, sehingga kini masih tiada permohonan yang diterima daripada kumpulan pelakon kanak-kanak dan orang muda yang mencarum di bawah SKSPS.

Peserta juga memaklumkan bahawa pihak PERKESO turut menjalankan program kesedaran dan promosi dalam menggalakkan individu yang layak agar mencarum dengan SKSPS namun ia bukan secara khusus kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda. Ini kerana skim ini mempunyai skop yang luas bukan sahaja kepada syarikat produksi dan pekerja-pekerja di dalam sektor Industri Kreatif sahaja malah terdapat 20 sektor informal keseluruhannya yang layak berdaftar dan mencarum dengannya.



Pihak PERKESO turut menjalankan program kesedaran dan promosi dalam menggalakkan individu yang layak agar mencarum dengan SKSPS namun ia bukan secara khusus kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda.

-Wakil Peserta-

Peserta turut bersetuju dengan pandangan pasukan kajian bahawa kerjasama di antara pihak PERKESO dan pihak yang terlibat secara langsung di dalam penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda ini perlu dilakukan dan wajar menjadikan caruman ini sebagai satu mandatori. Ini kerana buat masa ini pelakon kanak-kanak dan orang muda boleh mencarum secara sukarela kerana pihak PERKESO belum menjadikan perkara ini wajib kepada golongan ini. Walau bagaimanapun, peserta berpandangan sekiranya ingin dikuatkuasakan secara mandatori maka perlu dilihat apakah skim yang sesuai bagi kumpulan ini. Bukan itu sahaja, pewujudan

garis panduan yang mudah difahami khusus untuk penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda juga dirasakan satu cadangan yang perlu diambil kira.

### 3.2.2.2 Simpanan Hari Tua

Peserta dari KWSP memaklumkan bahawa sehingga kini hanya terdapat dua (2) orang pencarum yang mencarum di bawah i-Saraan bagi kategori penggiat seni. Ini kerana i-Saraan merupakan caruman sukarela dengan insentif persaraan yang membolehkan ahli yang bekerja sendiri dan golongan yang tiada pendapatan tetap untuk membuat caruman secara sukarela.

Dalam usaha untuk menggalakkan individu yang layak mencarum agar melakukan caruman di bawah i-Saraan maka beberapa pendekatan sedang dan akan dijalankan oleh pihak KWSP.

KWSP sedang meneliti dan memperhalusi berkenaan dengan cadangan untuk memperluaskan skop liputan KWSP kepada individu di dalam kategori pekerja kontrak (contract for service), pemilik perniagaan dan yang bekerja sendiri untuk simpanan hari tua mereka.

-Wakil Peserta-

Menurut peserta yang hadir, KWSP sedang meneliti dan memperhalusi berkenaan dengan cadangan untuk memperluaskan skop liputan KWSP kepada individu di dalam kategori pekerja kontrak (contract for service), pemilik perniagaan dan yang bekerja sendiri. Ini bagi memberi peluang kepada individu yang berada di dalam tiga (3) kumpulan ini turut mempunyai simpanan hari tua.

Bukan itu sahaja, peserta yang hadir turut memaklumkan bahawa pihak KWSP sedang melaksanakan kerjasama dengan pihak FINAS untuk menjadikan caruman KWSP sebagai salah satu syarat bagi syarikat produksi yang ingin mendapatkan geran daripada FINAS. Bukan itu sahaja, cadangan untuk menjadikan pendaftaran sebagai pencarum KWSP secara *auto registration* turut sedang diteliti oleh pihak KWSP.

### 3.2.3 Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)

Pasukan kajian turut menjalankan sesi IDI bersama dengan pihak FINAS bagi mendapatkan pandangan berkenaan dengan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda di Semenanjung Malaysia. Bukan itu sahaja, sesi ini turut berkongsi pandangan dan idea berkenaan dengan pendekatan dan kaedah yang boleh dicadangkan dalam melindungi pelakon kanak-kanak dan orang muda ini.

### 3.2.3.1 Penggajian Pelakon Kanak-kanak dan Orang Muda di Semenanjung Malaysia

Pasukan kajian turut mendapatkan pandangan daripada peserta berkenaan dengan penglibatan pelakon kanak-kanak dan orang muda di dalam filem dan drama terutama bagi babak yang melibatkan pelakon tersebut terdedah dengan perkara-perkara seperti merokok, penderaan dan lain-lain yang dirasakan boleh menyebabkan kesan negatif atau trauma kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Peserta berpandangan bahawa penglibatan pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam babak filem dan drama yang dirasakan tidak sesuai bagi tahap umur mereka adalah sesuatu perkara yang subjektif kerana penghayatan watak kanak-kanak dan orang muda tersebut dalam merealisasikan cerita yang ingin disampaikan adalah sangat penting. Ini kerana pelakon ini perlu menzahirkan penceritaan tersebut agar mesej yang ingin disampaikan kepada penonton akan tercapai. FINAS menggalakkan penerbit untuk menghasilkan karya filem dan drama yang lebih dekat dengan masyarakat dan memberikan perspektif yang baik. Isu pelakon trauma dengan watak yang diberikan tidak timbul kerana pelakon ini adalah profesional. Penerbit akan memastikan pelakon kanak-kanak dan orang muda tersebut berbakat dan layak untuk membawa sesuatu watak serta melakonkan adegan yang diperlukan apabila kanak-kanak dan orang muda tersebut telah benar-benar bersedia.

### 3.2.3.2 Perundangan dan Penguatkuasaan

Peserta turut memaklumkan bahawa FINAS tidak mempunyai garis panduan dalam menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda. Ini kerana penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda ini adalah tertakluk di bawah Akta 350, Kementerian Sumber Manusia. Peserta juga memberikan pandangan yang positif berkenaan dengan cadangan bagi memasukkan syarat tambahan terhadap permohonan geran kepada syarikat produksi berkaitan dengan lesen hiburan awam bagi penggajian pelakon kanak-kanak dan

FINAS tidak mempunyai garis panduan dalam menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda. Ini kerana penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda ini adalah tertakluk di bawah Akta 350, Kementerian Sumber Manusia.

-Wakil Peserta-

orang muda di Semenanjung Malaysia. Namun begitu, bagi cadangan untuk memasukkan syarat tambahan lain seperti syarikat produksi perlu mencarum dengan pihak PERKESO dan KWSP memerlukan penelitian yang berbeza. Ini kerana para pelakon ini mempunyai syarikat pengurusan mereka tersendiri dan berbeza pula bagi para pelakon tambahan (extra) yang

menjalankan penggambaran separuh masa sahaja yang mana mereka dianggap sebagai *freelancer*.

Peserta memaklumkan bahawa semua aktiviti penggambaran perlu mendapatkan lesen daripada pihak FINAS. Semua syarikat produksi perlu melakukan permohonan secara dalam talian. Lesen ini mempunyai tempoh sah laku selama setahun. Permohonan yang dihantar perlu disertakan dengan dokumen dan maklumat seperti sinopsis filem atau drama dan senarai tenaga produksi berserta nama penuh, jawatan dan nombor kad pengenalan. Pemohon yang layak perlu menjalani sesi temu duga, hadir ke seminar dan lulus peperiksaan yang dibuat oleh pihak FINAS. Selain itu, bagi setiap filem dan drama yang akan melakukan penggambaran juga perlu memohon Sijil Perakuan Penggambaran (SPP). Satu sijil akan dikeluarkan bagi satu penggambaran. Ini kerana sebarang penggambaran yang tiada kelulusan SPP adalah salah. Syarikat produksi diingatkan untuk memohon SPP tidak lewat dari tujuh (7) hari dengan lengkap sebelum penggambaran dimulakan selaras dengan Peraturan 4, Peraturan-peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Perlesenan) 1983. Permohonan lesen dan SPP ini adalah dilaksanakan di bawah Sistem Pengurusan dan Pemantauan Industri Kreatif Negara (SPPIK). Fungsi SPPIK ialah untuk membantu kelancaran proses semakan permohonan, membangunkan pangkalan data yang bersepadu dan melaksanakan integrasi antara sistem.

### 3.2.3.3 Jalinan Kerjasama

Kebanyakan pelakon lebih berminat untuk mendapatkan insurans perubatan manakala pekerja-pekerja produksi lebih cenderung kepada caruman PERKESO.

-Wakil Peserta-

Kerjasama FINAS dengan pihak PERKESO dan KWSP telah lama terjalin semenjak tahun 2015 lagi melalui sesi libat urus yang bertujuan bagi memberikan kesedaran kepada penggiat seni dalam Industri Kreatif. Peserta memaklumkan bahawa kebanyakan pelakon lebih berminat untuk mendapatkan insurans perubatan manakala pekerja-pekerja produksi lebih cenderung kepada caruman PERKESO. Peserta berpandangan bahawa PERKESO perlu lebih proaktif dan menawarkan caruman yang bersifat fleksibel sesuai dengan keperluan industri kerana setiap industri mempunyai keunikan yang tersendiri.

Peserta juga turut memaklumkan sehingga kini tiada sebarang libat urus dilakukan oleh JTKSM dengan pihak FINAS. Peserta bersetuju dengan pandangan pasukan kajian berkenaan cadangan agar libat urus dijalankan bersama dengan JTKSM khususnya berkaitan dengan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda. Fokus utama ialah dengan memberikan tumpuan kepada prosedur permohonan lesen hiburan awam bagi penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda termasuk mengambil kira keperluan pendidikan pelakon tersebut supaya tidak berlaku keciciran.

#### **3.2.3.4 Pertikaian dan Aduan**

Peserta juga memaklumkan bahawa sehingga kini tiada aduan diterima secara rasmi berkaitan dengan pelakon kanak-kanak dan orang muda. Ini kerana para pelakon akan merujuk secara terus kepada Biro Aduan persatuan masing-masing seperti Persatuan Seniman. Walaupun penyelesaian aduan ini adalah di luar bidang kuasa FINAS namun sekiranya diperlukan maka FINAS akan menjadi orang perantara jika terdapat aduan yang dilaporkan kepada pihak FINAS. Walau bagaimanapun, FINAS hanya mengendalikan aduan bagi aktiviti filem cereka manakala bagi aduan berkaitan aktiviti filem animasi akan dirujuk kepada pihak *Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)*.

#### **3.2.3.5 Peluang Latihan dan Peningkatan Kerjaya**

Peserta turut memaklumkan bahawa FINAS juga menawarkan bengkel bagi meningkatkan kemahiran dan peluang kerjaya kepada penggiat seni dalam Industri Kreatif. Melalui peruntukan yang diterima daripada Kerajaan menerusi Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) yang memfokuskan kepada pembangunan modal insan dalam Industri Kreatif maka FINAS telah menjalankan beberapa bengkel seperti seni lakonan, sinematografi, asas penerbitan dan solekan. Bukan itu sahaja, di bawah program Peningkatan Kapasiti Kreatif Malaysia (MyCap) juga peserta memaklumkan FINAS turut menganjurkan modul latihan berkaitan dengan keselamatan dengan melantik syarikat yang diiktiraf bagi memberikan latihan berkenaan dengan asas keselamatan bagi lagak ngeri kepada pelakon lagak ngeri (stuntman). Peserta juga memaklumkan bahawa ketika pandemik COVID-19 melanda, syarat tambahan telah dimasukkan ke dalam SPP iaitu syarikat produksi perlu mempunyai pegawai keselamatan yang digelar Penyelia Protokol Penggambaran (PPP). Namun syarat ini hanya terpakai sementara sahaja sepanjang pandemik COVID-19.

### 3.2.4 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Kajian ini juga turut melihat aspek hak kepada pendidikan bagi pelakon kanak-kanak dan orang muda yang digajikan di dalam filem dan drama. Untuk tujuan itu, satu sesi IDI bersama dengan pihak KPM telah dijalankan bagi melihat peruntukan Akta dan Peraturan yang sedia ada berkaitan dengan pengajian pelakon kanak-kanak dan orang muda ini.

#### 3.2.4.1 Hak kepada Pendidikan bagi Pelakon Kanak-kanak dan Orang Muda

Peserta memaklumkan bahawa tidak menjadi satu kesalahan sekiranya seseorang kanak-kanak atau orang muda untuk menjadi seorang pelakon. Walau bagaimanapun, ibu bapa dan penjaga kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini perlu mematuhi Akta dan Peraturan yang telah ditetapkan dari segi hak dalam memberikan pendidikan kepada kanak-kanak dan orang muda.

Peserta juga mengambil maklum bahawa kebanyakan ibu bapa dan penjaga kepada para pelakon ini menghantar anak-anak mereka ke pusat tuisyen dan menyatakan mereka menghantar

anak-anak menjalankan *home schooling*. Isu yang wujud sekarang ialah berkenaan dengan pemahaman ibu bapa dan penjaga berkenaan dengan konsep *home schooling* yang dikuatkuasakan oleh pihak KPM. Peserta memaklumkan bahawa definisi *home schooling* atau persekolahan di rumah merujuk kepada proses pendidikan seseorang kanak-kanak yang dijalankan di rumah. Ibu bapa atau penjaga yang ingin melaksanakan *home schooling* perlu membuat permohonan kepada KPM untuk mengecualikan anak-anak mereka daripada mengikuti pendidikan wajib dengan menjalani persekolahan di rumah.

Antara kriteria yang perlu dipatuhi dalam pelaksanaan *home schooling* ini termasuklah dilaksanakan atau diajar oleh tenaga pengajar yang terdiri daripada ibu, bapa atau tutor, dijalankan di rumah kanak-kanak tersebut, tidak boleh dijalankan secara berkumpulan kecuali bagi adik-beradik kanak-kanak tersebut, kurikulum yang digunakan adalah bersesuaian bagi peringkat umur kanak-kanak di peringkat rendah dan ia perlu disemak oleh Pendaftar. Selain itu, kurikulum ini perlu mematuhi tahap minimum Kurikulum Kebangsaan. Sekiranya

Definisi *home schooling* atau persekolahan di rumah merujuk kepada proses pendidikan seseorang kanak-kanak yang dijalankan di rumah. Ibu bapa atau penjaga yang ingin melaksanakan *home schooling* perlu membuat permohonan kepada KPM untuk mengecualikan anak-anak mereka daripada mengikuti pendidikan wajib dengan menjalankan persekolahan di rumah.

-Wakil Peserta-



*home schooling* ini melibatkan tutor maka sijil ikhtisas perguruan dan permit pengajar adalah perlu.

Pihak peserta juga diajukan dengan pertanyaan berkenaan dengan sebarang program libat urus yang bersasar yang dijalankan kepada kumpulan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini terutama pihak ibu bapa berkenaan dengan *home schooling*. Sehingga kini dimaklumkan tiada program yang khusus dijalankan. Peserta bersetuju dengan pandangan pasukan kajian supaya satu program libat urus diadakan bersama-sama dengan pihak FINAS berkenaan dengan perkara ini memandangkan FINAS merupakan agensi yang menjadi rujukan kepada Industri Kreatif dalam filem dan drama. Bukan itu sahaja, peserta juga berpandangan agar satu seminar atau kursus berkaitan dengan *home schooling* ini dapat diadakan dengan kerjasama FINAS bagi memberikan penerangan yang terperinci berkenaan dengan prosedur permohonan *home schooling* yang betul.

#### **3.2.4.2 Pengecualian Pendidikan Wajib di Peringkat Rendah**

Peserta turut memaklumkan bahawa sehingga kini tiada permohonan diterima daripada ibu bapa pelakon kanak-kanak dan orang muda untuk memohon pengecualian dan melaksanakan *home schooling*. Peserta turut menyatakan bahawa terdapat peruntukan di bawah Subseksyen 29A(3), Akta Pendidikan (Pindaan) 2002 berkenaan kuasa Menteri untuk memberi pengecualian kepada murid daripada mengikuti pendidikan wajib di peringkat rendah. Sehubungan dengan itu, KPM telah menyediakan Garis Panduan Memproses Permohonan Pengecualian Daripada Mengikuti Pendidikan Wajib di Peringkat Rendah untuk diguna pakai bagi tujuan memproses permohonan pengecualian yang diterima dari ibu bapa. Permohonan tersebut hendaklah dikemukakan dengan alasan khas yang tidak dapat disediakan oleh KPM dan keputusan Menteri akan bergantung kepada justifikasi yang diberikan tersebut.

Semua permohonan hendaklah menggunakan borang permohonan dan disertakan dengan dokumen yang berkaitan sebagai bukti menyokong permohonan yang dihantar. Peserta memaklumkan pada masa ini semua permohonan perlu dilakukan secara manual dan bukan secara dalam talian. Peserta juga bersetuju dengan pandangan pasukan kajian agar KPM membangunkan sistem yang membolehkan permohonan dibuat secara dalam talian bagi memudahkan proses permohonan pengecualian tersebut. Peserta juga memaklumkan bahawa satu bengkel akan dilaksanakan oleh KPM pada Mei 2023 yang memfokuskan kepada penguatkuasaan yang akan dijalankan dan pelaksanaannya dijangka akan bermula pada tahun

hadapan. Buat masa ini, siasatan hanya akan dijalankan berkaitan dengan kanak-kanak yang tidak hadir ke sekolah tanpa sebarang alasan sekiranya aduan diterima.

### 3.2.4.3 Faktor Ibu Bapa untuk Tidak Membuat Permohonan dan Mematuhi Prosedur yang Telah Ditetapkan

Peserta turut diminta untuk memberikan pandangan berkenaan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi ibu bapa untuk tidak membuat permohonan dan mematuhi prosedur yang ditetapkan untuk mendapatkan pengecualian pendidikan wajib bagi anak-anak mereka yang terlibat dalam penggambaran filem dan drama. Kebergantungan ibu bapa kepada anak-anak mereka sebagai *money maker* di dalam industri perfileman atau drama mungkin menjadi faktor tahap pendidikan anak-anak ini diketepikan. Kurangnya kesedaran berkenaan dengan kepentingan dalam memastikan anak-anak mendapatkan pendidikan melalui saluran yang betul turut menyumbang kepada perkara ini. Tahap pendidikan ibu bapa juga mungkin mempengaruhi keputusan ibu bapa tersebut sama ada untuk memberikan fokus yang utama terhadap pendidikan anak-anak berbanding lakonan. Peserta memaklumkan terdapat juga ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi yang mempunyai anak sebagai pelakon namun anak tersebut tetap mendapat pendidikan sehingga layak memasuki sekolah berasrama penuh. Kepekaan masyarakat yang kurang dan sikap tidak mengambil peduli berkenaan dengan perkara ini juga menyumbang kepada isu keciciran pendidikan dalam kalangan masyarakat hari ini.

Kebergantungan ibu bapa kepada anak-anak mereka sebagai *money maker* di dalam industri perfileman atau drama mungkin menjadi faktor tahap pendidikan anak-anak ini diketepikan.

-Wakil Peserta-

Kepekaan masyarakat yang kurang dan sikap tidak mengambil peduli berkenaan dengan perkara ini juga menyumbang kepada isu keciciran pendidikan dalam kalangan masyarakat hari ini.

-Wakil Peserta-

### 3.2.5 Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF)

Satu sesi IDI bersama dengan wakil majikan menerusi MEF bagi membincangkan isu berkaitan pengajian pelakon kanak-kanak dan orang muda di dalam filem dan drama di Semenanjung Malaysia.

### 3.2.5.1 Perundangan Perburuhan

Kemungkinan tidak wujud hubungan pekerja-majikan di antara pelakon dan juga syarikat produksi.

Sekiranya hubungan pekerja-majikan ini jelas maka pelaksanaan gaji minimum terhadap pelakon kanak-kanak dan orang muda ini boleh dilaksanakan.

-Wakil Peserta-

Wakil daripada MEF membangkitkan berkenaan dengan definisi yang terdapat di dalam Seksyen 1A, Akta 350 berkaitan dengan definisi hiburan awam. Ini kerana pihak syarikat perlu diberi penjelasan sama ada persembahan atau pembikinan filem dan drama ini turut termasuk di dalam definisi hiburan awam di bawah Akta 350. Perkara asas dalam menjelaskan dengan terperinci berkenaan dengan definisi hiburan awam adalah perkara pertama yang perlu ditangani terlebih dahulu. Sebagai contoh, apabila membicarakan berkenaan dengan

persembahan adakah ia merujuk kepada persembahan pentas atau sebaliknya. Apabila definisi berkenaan dengan hiburan awam ini telah jelas dan difahami maka barulah perkara-perkara seperti tempoh masa bekerja bagi seseorang pelakon dapat ditakrifkan dengan tepat. Wakil MEF turut meminta agar pihak Kerajaan meneliti semula definisi dan skop berkenaan dengan hiburan awam dan tempoh masa bekerja bagi penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda ini.

Wakil MEF juga memaklumkan bahawa penyertaan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini turut memainkan peranan dalam industri perfileman dan drama. Kerajaan perlu membantu kumpulan ini dalam meningkatkan pemahaman berkenaan dengan perundangan perburuhan dan bukan mengenakan sekatan kepada penglibatan mereka dalam filem dan drama. Ini kerana penglibatan pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam industri filem dan drama ini turut merancakkan ekonomi selain membantu keluarga mereka menambah pendapatan.

Selain itu, wakil MEF juga mencadangkan agar fokus turut diberikan bukan sekadar kepada syarikat produksi tetapi juga kepada stesen televisyen yang terlibat dalam penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda ini bagi penerbitan filem dan drama untuk siaran mereka. JTKSM juga perlu prihatin dan mengenal pasti pihak-pihak yang terlibat dalam penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda ini sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Keperluan untuk melihat definisi kanak-kanak juga penting kerana dikhuatiri terdapat tuntutan saman ke atas kanak-kanak ini memandangkan mereka masih belum matang. Sehubungan dengan itu, ibu bapa dan penjaga turut merupakan salah satu pihak yang terlibat dalam penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Maka pendedahan terhadap perundangan perburuhan dan keperluan dalam menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda perlu juga diberikan kepada mereka.

Wakil MEF juga memaklumkan bahawa kemungkinan tidak wujud hubungan pekerja-majikan di antara pelakon dan juga syarikat produksi. Sekiranya hubungan pekerja-majikan ini jelas maka pelaksanaan gaji minimum terhadap pelakon kanak-kanak dan orang muda ini boleh dilaksanakan. Sebagai contoh di USA telah melaksanakan gaji minimum kepada para pelakon. Syarikat produksi juga perlu menyatakan gaji minimum yang dibayar kepada para pelakon. Bukan itu sahaja, hubungan yang jelas di antara syarikat produksi dan pelakon kanak-kanak dan

orang muda ini juga akan membantu sekiranya mereka mengalami kecederaan. Semakan kontrak antara syarikat produksi dan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini juga perlu dilihat selain daripada kaedah bayaran yang diberikan. Bagi memudahkan semua pihak maka MEF berpandangan perlu ada satu garis panduan yang minimum dikeluarkan bagi rujukan syarikat produksi. Pewujudan Akta baru yang memfokuskan kepada penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda ini dilihat akan mengongkong dan membantutkan pertumbuhan industri perfileman dan drama di negara ini. Pengenalan kepada garis panduan atau *Code of Conduct* dilihat lebih sesuai. Transisi terhadap penguatkuasaan melalui peruntukan Akta baru perlu dibuat secara berperingkat dan dalam tempoh yang tertentu bagi memberikan peluang dan masa untuk syarikat produksi ini lebih bersedia.

Perlu ada satu garis panduan yang minimum dikeluarkan bagi rujukan syarikat produksi. Pewujudan Akta baru yang memfokuskan kepada penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda ini dilihat akan mengongkong dan membantutkan pertumbuhan industri perfileman dan drama di negara ini. Pengenalan kepada garis panduan atau *Code of Conduct* dilihat lebih sesuai.

-Wakil Peserta-

Menurut wakil MEF, kurangnya pendedahan terhadap Akta 350 ini juga perlu diambil kira. Isu berkenaan dengan kontrak pelakon sama ada di bawah *contract of service* atau *contract for service* perlu dijelaskan oleh agensi berwajib kepada syarikat produksi dan pihak yang berkaitan. Kekaburan dalam status pekerjaan ini mungkin menjadi faktor syarikat produksi

tidak melakukan permohonan lesen hiburan awam kerana beranggapan bahawa pelakon kanak-kanak dan orang muda ini bukan pekerja di syarikat mereka. Bukan itu sahaja, pihak JTKSM perlu melakukan kaedah yang lebih proaktif dalam menambah baik sistem permohonan lesen hiburan awam yang mana menggunakan kaedah manual buat masa ini. Permohonan secara dalam talian dilihat sebagai satu langkah dalam memudahkan syarikat produksi untuk membuat permohonan.

Wakil MEF menyatakan bahawa sehingga kini kebanyakan aduan yang diterima adalah secara tidak formal daripada syarikat produksi berkaitan dengan pembayaran yang lewat daripada syarikat penyiaran ataupun syarikat yang menayangkan filem dan drama. Beban kewangan yang ditanggung oleh syarikat produksi perlu diambil kira sebelum penguatkuasaan sesuatu Akta atau Peraturan berkaitan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dikuatkuasakan. Isu pembayaran yang diterima lewat daripada stesen televisyen atau pengeluar filem akan memberikan kesan kepada pembayaran para pelakon. Sebelum penguatkuasaan dijalankan maka adalah wajar sekiranya pendedahan dan kesedaran diberikan terlebih dahulu kepada pihak yang berkaitan. Ini supaya syarikat produksi bersedia dan tidak membantutkan Industri Kreatif itu sendiri. Tempoh masa perlu diberikan kepada pihak syarikat produksi dan pihak yang terlibat untuk mematuhi peruntukan Akta yang telah ditetapkan demi kelangsungan perniagaan mereka dalam industri ini.

Isu berkenaan dengan kontrak pelakon sama ada di bawah *contract of service* atau *contract for service* perlu dijelaskan oleh agensi berwajib kepada syarikat produksi dan pihak yang berkaitan.

-Wakil Peserta-

Permohonan secara dalam talian dilihat sebagai satu langkah dalam memudahkan syarikat produksi untuk membuat permohonan.

-Wakil Peserta-

### **3.2.5.2 Perlindungan Sosial**

Wakil MEF juga ditanya berkenaan dengan kepentingan perlindungan sosial terhadap pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Mereka bersetuju agar perlindungan sosial diberikan kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini tidak kira status pekerjaan mereka. Wakil MEF turut berpandangan agar PERKESO meneliti semula jenis perlindungan yang sesuai untuk diberikan kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Ini termasuk untuk melihat semula keperluan peruntukan perundangan PERKESO.

### **3.2.5.3 Isu Pendidikan**

Ketidaksetaraan data di antara pihak KPM dan KSM yang melibatkan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda juga menjadi faktor kelemahan pemantauan dalam memastikan keperluan pendidikan bagi kumpulan ini. Kewujudan pangkalan data akan dapat membantu pihak KPM dalam mengenal pasti pelakon kanak-kanak dan orang muda yang keciciran dalam mendapatkan peluang pendidikan.

### **3.2.6 Syarikat Penyiaran Televisyen**

Sesi IDI bersama stesen penyiaran televisyen turut diadakan bagi kajian ini. Perkara yang dibincangkan ialah berkenaan dengan penglibatan syarikat penyiaran televisyen dalam penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda bagi filem dan drama. Selain itu, pasukan kajian turut mendapatkan pandangan berkenaan dengan rekomendasi dan penambahbaikan yang boleh dilakukan dalam memastikan pematuhan terhadap peruntukan perburuhan yang sedia ada di Semenanjung Malaysia.

#### **3.2.6.1 Perundangan Perburuhan**

Stesen penyiaran televisyen memaklumkan bahawa terdapat pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan bakat kanak-kanak dan orang muda yang terlibat dalam program televisyen sesebuah syarikat penyiaran. Selain bidang lakonan, kanak-kanak dan orang muda ini juga terlibat dengan program pengacaraan, sketsa pendek, nyanyian dan sebagainya. Dari segi penerbitan drama pula, peserta memaklumkan stesen penyiaran televisyen turut menerbitkan drama mereka sendiri selain melantik pihak syarikat produksi untuk menayangkan drama keluaran syarikat tersebut. Peserta lain juga memaklumkan bahawa penglibatan pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam industri filem dan drama di Malaysia amatlah dialu-alukan kerana pelakon kanak-kanak dan orang muda ini melakonkan watak-watak yang sesuai dengan umur

yang terdapat di dalam sesebuah filem dan drama. Selain itu, mereka juga mewakili dan menyampaikan aspirasi dan kelakuan sebenar golongan kanak-kanak dan orang muda yang terdapat dalam sesuatu babak tersebut.

Bukan itu sahaja, permintaan terhadap pencarian bakat kanak-kanak dan orang muda ini dilihat semakin berkembang berbanding dengan zaman dahulu. Oleh yang demikian, wajar sekiranya penguatkuasaan perundangan perburuhan terutamanya berkenaan dengan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda ini diberikan perhatian. Ini bagi memastikan terdapat kawalan kepada syarikat produksi yang ingin menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda tersebut.

Terdapat juga peserta yang berpandangan bahawa Akta 350 ini adalah untuk pekerja kanak-kanak dan orang muda yang mempunyai kontrak perkhidmatan (contract of service). Walau bagaimanapun, pelakon kanak-kanak dan orang muda tidak digajikan dan selalunya perjanjian perkhidmatan adalah di antara ibu bapa atau agensi bakat yang dilantik. Oleh itu, peserta berpandangan adalah tidak wajar pelakon kanak-kanak dan orang muda ini untuk dikelompokkan bersama kanak-kanak dan orang muda lain yang bekerja. Justeru, mengelompokkan pelakon dan bakat kanak-kanak bersama pekerja kanak-kanak akan mensia-siakan usaha yang dilakukan untuk melindungi pekerja sebenar mengikut definisi Akta 350.

Peserta juga ditanya berkenaan dengan permohonan lesen hiburan awam. Terdapat juga peserta yang mengambil maklum berkenaan dengan permohonan lesen bagi menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda. Walau bagaimanapun, peserta memaklumkan mereka tidak terlibat dengan permohonan lesen di bawah Akta 350 kerana mereka tidak menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda melalui perjanjian terus. Ini kerana peserta memaklumkan bahawa sebarang perjanjian akan dimeterai bersama agensi bakat atau ibu bapa pelakon kanak-kanak dan orang muda.

Bagi drama terbitan syarikat penyiaran, peserta memaklumkan bahawa sehingga kini mereka tidak dimaklumkan berkenaan dengan keperluan untuk memohon lesen hiburan awam dengan JTKSM bagi penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Walau bagaimanapun, pihak stesen penyiaran televisyen mempunyai prosedur standard yang digunakan bagi perkara-perkara seperti pembinaan watak dalam drama, kadar bayaran dan tempoh

Sehingga kini syarikat produksi tidak dimaklumkan berkenaan dengan keperluan untuk memohon lesen hiburan awam dengan JTKSM bagi penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda ini.

-Wakil Peserta-

penggambaran. Kadar bayaran yang dibayar adalah berbeza bagi syarikat penyiaran televisyen awam dan swasta. Sekiranya penggambaran pelakon kanak-kanak dan orang muda ini adalah dalam waktu persekolahan maka syarikat penyiaran televisyen akan memaklumkan kepada pengurus pelakon tersebut sama ada ibu bapa atau penjaga untuk memaklumkan kepada pihak sekolah. Terdapat juga peserta dari syarikat

penyiaran lain yang mempraktikkan jadual penggambaran yang tidak mengganggu hari dan jadual persekolahan pelakon kanak-kanak dan orang muda tersebut.

Pelakon juga diberikan kontrak seandainya ditawarkan untuk berlakon. Peserta memberikan pandangan yang positif berkenaan dengan cadangan untuk menambah baik kontrak yang disediakan dengan memasukkan syarat dan peruntukan yang setara dengan Akta 350. Sebelum memulakan sesuatu penggambaran, pihak pengurusan produksi akan memberi penerangan ringkas berkenaan dengan keselamatan kepada semua pelakon bagi memastikan tahap keselamatan mereka di lokasi penggambaran. Bukan itu sahaja, terdapat juga stesen penyiaran televisyen yang menyediakan koordinator keselamatan serta kotak / peti kecemasan sepanjang tempoh penggambaran dijalankan.

Bagi drama yang diterbitkan oleh syarikat produksi dan ditayangkan di stesen penyiaran televisyen pula, beberapa syarat telah ditetapkan oleh stesen tersebut. Antaranya ialah syarikat produksi perlu mengendalikannya pembikinan drama tersebut, memberikan senarai nama pelakon kepada stesen penyiaran televisyen untuk kelulusan dan juga tahap kemampuan kewangan sesuatu produksi dalam menyiapkan drama.

Sekiranya permohonan lesen penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda ini diwajibkan maka peserta mencadangkan agar pihak yang berwajib memastikan proses permohonan lesen tersebut dapat dibuat dengan mudah dan cepat. Ini kerana seandainya permohonan lesen ini memakan masa yang lama maka ia akan menjejaskan tempoh penggambaran sesuatu filem dan drama. Bukan itu sahaja, peserta juga berpendapat aktiviti kesedaran perlu dilaksanakan oleh pihak KSM bagi memastikan pihak produksi dan pengurus / penjaga sah / ibu bapa /



kanak-kanak dan orang muda mengetahui hak-hak dan implikasi dari segi perundangan perburuhan.

Isu pembayaran lewat yang diterima oleh pelakon turut dibincangkan di dalam sesi ini. Menurut peserta pembayaran lewat yang diterima oleh pelakon adalah di luar bidang kuasa stesen penyiaran televisyen. Isu ini ialah di antara syarikat produksi dan juga pelakon itu sendiri. Walau bagaimanapun, terdapat stesen penyiaran televisyen yang mengambil maklum berkenaan dengan isu ini dan syarikat produksi yang bermasalah dalam melakukan pembayaran kepada pelakon akan dikenal pasti oleh stesen penyiaran tersebut.

Peserta berpandangan adalah wajar agar satu Akta atau garis panduan khusus dibuat berkenaan dengan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Walau bagaimanapun, terdapat juga peserta berpandangan bahawa undang-undang sedia ada telah mencukupi untuk melindungi hak dan kepentingan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Selain itu, peserta turut mencadangkan kewujudan satu bahagian khas di Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) bagi menjaga kebajikan pelakon termasuklah pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Fungsi bahagian yang diwujudkan ini ialah sebagai pusat sehati kepada penggiat seni. Ini akan memudahkan penggiat seni termasuk pelakon kanak-kanak dan orang muda untuk menjadikan bahagian ini sebagai pusat rujukan mereka sekiranya terdapat sebarang isu.

### 3.2.6.2 Perlindungan Sosial

Peserta memaklumkan bahawa tiada insurans diberikan kepada para pelakon yang berlakon di bawah stesen televisyen ini. Walau bagaimanapun, peserta bersetuju agar satu caruman yang bersifat fleksibel wajar diperkenalkan kepada para pelakon terutama pelakon kanak-kanak dan orang muda untuk membuat caruman dengan PERKESO dan

Satu caruman yang bersifat fleksibel wajar diperkenalkan kepada para pelakon terutama pelakon kanak-kanak dan orang muda untuk membuat caruman dengan PERKESO dan KWSP.

-Wakil Peserta-

KWSP. Peserta lain juga mengambil maklum bahawa caruman kepada PERKESO dan KWSP hanya perlu dilakukan oleh majikan untuk kakitangan yang digajikan secara terus. Ini adalah selaras dengan ketetapan akta-akta yang berkaitan. Jika pelakon kanak-kanak dan orang muda ini digajikan maka caruman tersebut adalah perlu dan wajib. Namun begitu, jika pelakon

kanak-kanak dan orang muda ini tidak digajikan maka mereka mempunyai pilihan untuk membuat caruman persendirian jika berminat.

### 3.2.6.3 Perkembangan Mental dan Tingkah Laku

Kebanyakan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini mempunyai tahap kematangan dalam cara berfikir dan tingkah laku yang lebih ke hadapan berbanding kanak-kanak dan orang muda yang seusia dengan mereka.

-Wakil Peserta -

Peserta turut dibangkitkan dengan isu perkembangan mental dan tingkah laku pelakon kanak-kanak dan orang muda ini sebelum dan selepas menjadi pelakon. Melalui pemerhatian, peserta memaklumkan bahawa kebanyakan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini mempunyai tahap kematangan dalam cara berfikir dan tingkah laku yang lebih ke hadapan berbanding kanak-kanak dan

orang muda yang seusia dengan mereka. Terdapat kesan positif dan negatif terhadap perubahan ini. Kesan positif yang dapat dilihat ialah ia akan memberikan inspirasi kepada kanak-kanak atau orang muda yang lain untuk menjadikan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini sebagai idola. Walau bagaimanapun, kegagalan untuk mencapai hasrat demikian akan menyebabkan pelakon kanak-kanak dan orang muda tersebut menjadi tertekan. Bukan itu sahaja, peserta juga memaklumkan kepadatan jadual yang disusun oleh pengurus atau ibu bapa dan penjaga pelakon ini akan mengakibatkan pelakon tersebut tidak mempunyai masa rehat yang mencukupi. Selain itu, mereka juga tidak akan dapat untuk menikmati zaman kanak-kanak dan orang muda seperti individu yang lain. Ini akan menyebabkan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini cenderung kepada keadaan mental yang tidak sihat jika dibiarkan. Pendedahan terhadap pengurusan psikologi kanak-kanak dan pengurusan masa serta kewangan perlu diberikan kepada pengurus atau ibu bapa dan penjaga pelakon ini.

### 3.2.7 Wakil Kesatuan Pekerja

Kajian ini juga mengambil kira pandangan daripada pihak MTUC yang mewakili kesatuan sekerja di Malaysia. Beberapa isu telah dibangkitkan sepanjang sesi ini dijalankan yang berkaitan dengan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda di Semenanjung Malaysia. Selain itu, terdapat juga cadangan penambahbaikan yang disuarakan oleh pihak MTUC bagi menambahbaik peruntukan Akta berkaitan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda di Semenanjung Malaysia.

### 3.2.7.1 Perundangan Perburuhan

Wakil MTUC telah memaklumkan bahawa isu pertama yang perlu ditangani ialah berkenaan dengan kontrak yang wujud di antara pelakon kanak-kanak dan orang muda dengan pihak syarikat produksi. Kebiasaannya ibu bapa atau penjaga yang akan mewakili pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam urusan kontrak ini.

Oleh yang demikian, kebarangkalian kontrak tersebut bersifat tidak adil terhadap pelakon kanak-kanak dan orang muda mungkin akan berlaku. Sekiranya kontrak tersebut bersifat *contract for service* maka keperluan untuk pelakon kanak-kanak dan orang muda ini mendapatkan perlindungan insurans perlu dilihat semula. Bukan itu sahaja, kadar bayaran minimum kepada

Kadar bayaran minimum kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini juga perlu diteliti bagi memastikan bayaran yang diterima ini setimpal dengan babak yang diberikan.

-Wakil Peserta-

pelakon kanak-kanak dan orang muda ini juga perlu diteliti bagi memastikan bayaran yang diterima ini setimpal dengan babak yang diberikan. Perkara lain yang turut dibangkitkan adalah seperti tempat kerja dan hak pelakon kanak-kanak dan orang muda.

Peserta juga memaklumkan bahawa pelakon yang mempunyai status *contract for service* turut boleh berkesatuan tetapi perlu melihat had umur yang dibenarkan oleh peruntukan Akta sedia ada. Bukan itu sahaja, status mereka sama ada sebagai pekerja tetap dan dibayar gaji bulanan secara konsisten juga perlu dilihat. Ini kerana terdapat dua kemungkinan bagi status pelakon ini sama ada mereka adalah

Isu berkenaan dengan status kontrak pelakon kanak-kanak dan orang muda sama ada *contract for service* atau *contract of service* yang mempunyai kontrak bertempoh tetap perlu dilihat dengan teliti.

-Wakil Peserta-

pekerja syarikat produksi tersebut atau mereka dibayar untuk mendapatkan perkhidmatan sebagai pelakon dengan melakonkan watak dalam sesuatu filem atau drama sahaja. Isu berkenaan dengan status kontrak pelakon kanak-kanak dan orang muda sama ada *contract for service* atau *contract of service* yang mempunyai kontrak bertempoh tetap perlu dilihat dengan teliti. Ini kerana bagi pelakon dewasa yang layak berkesatuan iaitu berumur 16 tahun dan ke atas berkemungkinan boleh menubuhkan kesatuan sekerja kebangsaan dengan syarat

kmereka disahkan sebagai pekerja. Kewujudan kesatuan ini akan dapat membantu kesemua pelakon yang ada dalam industri filem sekiranya terdapat pertikaian dengan syarikat produksi.

Kadar bayaran minimum yang seragam akan memastikan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini tidak dieksploitasi oleh syarikat produksi.

-Wakil Peserta-

Pihak Kerajaan perlu meneliti semula penetapan kadar bayaran minimum kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Kadar bayaran minimum yang seragam akan memastikan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini tidak dieksploitasi oleh syarikat produksi. Penetapan kadar bayaran seharusnya ditentukan berdasarkan jam bekerja

pelakon kanak-kanak dan orang muda ini dan bukan berdasarkan episod atau babak.

Sudah tiba masanya Akta 350 disemak dan dipinda jika perlu untuk disesuaikan dengan keadaan semasa. Garis panduan yang ringkas dan mudah difahami berkenaan dengan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda ini perlu diwujudkan bagi memberikan panduan kepada syarikat produksi.

-Wakil Peserta-

Peserta berpandangan bahawa sudah tiba masanya Akta 350 disemak dan dipinda jika perlu untuk disesuaikan dengan keadaan semasa. Garis panduan yang ringkas dan mudah difahami berkenaan dengan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda ini perlu diwujudkan bagi memberikan panduan kepada syarikat produksi. Selain itu, perubahan dalam Akta 350 perlu dilihat bersekali dengan DIKN yang telah dibangunkan.

Sekiranya permohonan lesen ini dikuatkuasakan maka adalah sebaiknya permohonan secara dalam talian perlu dilaksanakan dengan segera. Lesen ini adalah perlu bagi memastikan terdapat kawalan dalam penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda. Peserta berpandangan bahawa adalah wajar untuk mengekalkan peraturan yang sedia ada untuk mengelakkan sebarang eksploitasi dan memastikan kontrak di antara pelakon kanak-kanak dan orang muda adalah adil. Peserta juga mencadangkan agar satu pangkalan data dibangunkan bagi pendaftaran pelakon dan profil syarikat produksi di Malaysia. Peserta mencadangkan agar pihak FINAS dijadikan sebagai hub pangkalan data tersebut dengan kerjasama DOSM.

Satu pangkalan data dibangunkan bagi pendaftaran pelakon dan profil syarikat produksi di Malaysia.

-Wakil Peserta-

### 3.2.7.2 Latihan dan Perkembangan Kerjaya

Peranan ibu bapa dan penjaga sebagai pengurus perlu diambil kira dalam ekosistem penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Fungsi pengurus adalah penting dalam merangka hala tuju kerjaya pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Oleh yang demikian, bengkel berkaitan dengan pengurusan kerjaya pelakon kanak-kanak dan orang muda serta pengurusan kewangan perlu disediakan bagi membantu ibu bapa dan penjaga yang menjadi pengurus kepada kanak-kanak dan orang muda ini. Satu garis panduan ringkas berkenaan dengan tanggungjawab pengurus juga wajar dibangunkan sekiranya perlu.

Fungsi pengurus adalah penting dalam merangka hala tuju kerjaya pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Bengkel berkaitan dengan pengurusan kerjaya pelakon kanak-kanak dan orang muda serta pengurusan kewangan perlu disediakan.

-Wakil Peserta-

### 3.2.8 Wakil Akademik

Pandangan ahli akademik yang berkaitan dengan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda turut dijadikan maklumat bagi kajian ini. Perkara yang dibincangkan di dalam sesi bersama akademik ini termasuklah isu berkaitan pelakon kanak-kanak dan orang muda serta penambahbaikan yang boleh dicadangkan dalam kajian ini.

#### 3.2.8.1 Perundangan Perburuhan

Kurangnya penguatkuasaan terhadap penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda ini menjadi faktor yang mendorong kepada pengabaian perlindungan dan kebajikan para pelakon ini di lokasi penggambaran.

-Wakil Peserta-

Wakil akademik mengakui bahawa kurangnya penguatkuasaan terhadap penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda ini menjadi faktor yang mendorong kepada pengabaian perlindungan dan kebajikan para pelakon ini di lokasi penggambaran. Pengabaian terhadap psikologi pelakon kanak-kanak juga berlaku apabila pelakon kanak-kanak dan orang muda ini dipaksa untuk melakonkan watak yang ditawarkan walaupun tanpa kerelaan kanak-kanak dan orang muda tersebut. Pernah juga terjadi pelakon ini tidak disediakan duit perbelanjaan untuk makan dan ditinggalkan sahaja oleh ibu bapa atau penjaga mereka di set penggambaran. Selain itu, terdapat juga pelakon kanak-kanak dan orang muda yang mengalami gangguan seksual daripada

pelakon dewasa yang lain. Ini akan menyebabkan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini berhadapan dengan trauma. Di samping itu, terdapat juga isu pelakon kanak-kanak dan orang muda ini yang terpaksa menunggu seharian di lokasi penggambaran untuk melengkapkan sesuatu penggambaran yang melibatkan pelakon lain. Senario ini akan menyebabkan kesihatan mental dan fizikal mereka menjadi penat dalam memenuhi tuntutan dalam berlakon.

Satu akaun khas dibuka kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini supaya boleh menjamin masa depan kewangan mereka.

-Wakil Peserta-

Tanggungjawab ibu bapa atau penjaga yang bertindak sebagai pengurus kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini wajar diberikan perhatian. Pengetahuan yang meluas dalam pengurusan kewangan juga perlu ada pada ibu bapa atau penjaga yang menjadi pengurus pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Peserta

mencadangkan agar satu akaun khas dibuka kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini supaya boleh menjamin masa depan kewangan mereka. Ibu bapa atau penjaga yang menguruskan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini perlu juga melihat berkenaan dengan fasiliti yang disediakan oleh pihak produksi. Sebagai contoh penyediaan tutor khas kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda dan juga pegawai perubatan. Bukan itu sahaja, ibu bapa atau penjaga juga perlu bertanggungjawab untuk mendapatkan kebenaran pihak sekolah sekiranya jadual penggambaran melibatkan waktu persekolahan. Oleh yang demikian, sikap professional ibu bapa atau penjaga yang menjadi pengurus pelakon kanak-kanak dan orang muda ini juga adalah perlu bagi memastikan jadual penggambaran dan sesi persekolahan anak-anak mereka disusun dengan baik.

Peserta juga memaklumkan bahawa ibu bapa atau penjaga juga perlu memastikan tawaran lakonan yang diterima mempunyai kontrak. Semakan terma dan rujukan kontrak perlu dilakukan dahulu sebelum sesuatu tawaran tersebut diterima. Ini bagi memastikan hak dan kebajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini dapat dilindungi dengan sewajarnya jika timbul sebarang pertikaian semasa tempoh mereka berkontrak dengan syarikat produksi. Peserta juga memaklumkan bahawa kaedah pembayaran yang dilakukan juga perlu diteliti. Sebagai contoh sama ada

Ibu bapa atau penjaga juga perlu memastikan tawaran lakonan yang diterima mempunyai kontrak. Semakan terma dan rujukan kontrak perlu dilakukan dahulu sebelum sesuatu tawaran tersebut diterima.

-Wakil Peserta-

pelakon kanak-kanak dan orang muda ini dibayar secara harian, mengikut jam atau sebagainya. Oleh yang demikian, satu prosedur yang lengkap perlu disediakan untuk mengelakkan ketidakpuasan hati dan ketidakpatuhan mengenai bayaran lakonan.

Isu diskriminasi di lokasi penggambaran juga perlu diteliti. Layanan yang diterima dan bayaran yang ditetapkan perlu mempunyai justifikasi yang sesuai. Bukan itu sahaja, pelakon kanak-kanak dan orang muda ini juga mudah terdedah dengan masalah sosial seperti merokok dan penggunaan bahasa yang kurang sesuai oleh kru yang berada di lokasi.

Selain syarikat produksi, pengarah dan pelakon, peserta turut menyarankan agar tanggungjawab syarikat penyiaran televisyen juga perlu diambil kira. Ini kerana kawalan ke atas penentuan sesuatu tayangan itu adalah di atas keputusan yang dilakukan oleh syarikat penyiaran televisyen. Pihak syarikat penyiaran televisyen mempunyai hak dalam menentukan pelakon dan bayaran yang akan dibayar ke atas syarikat produksi tersebut. Oleh yang demikian, peserta mencadangkan agar satu mekanisme khas dikaji bagi penentuan kadar bayaran kepada syarikat penyiaran televisyen ini.

### **3.2.8.2 Perlindungan Sosial**

Peserta juga memaklumkan kebanyakan daripada syarikat produksi ini tidak menawarkan perlindungan insurans kepada pelakon termasuk pelakon kanak-kanak dan orang muda. Keperluan caruman PERKESO dan KWSP perlu dikuatkuasakan dan diwajibkan kepada para pelakon ini.

### **3.2.8.3 Pembentukan Mental dan Tingkah Laku**

Peserta juga ditanya berkenaan dengan perkembangan mental dan tingkah laku pelakon kanak-kanak dan orang muda ini di samping hubungan sosial pelakon kanak-kanak dan orang muda tersebut dengan keluarga setelah menjadi pelakon.

Peserta memaklumkan bahawa terdapat sisi positif dan negatif apabila kanak-kanak dan orang muda ini menceburi bidang lakonan. Kematangan dalam berfikir dapat dilihat daripada para pelakon ini. Bukan itu sahaja, kebanyakan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini dilihat lebih bertanggungjawab di lokasi ketika menjalankan penggambaran di samping dapat

Kebanyakan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini dilihat lebih bertanggungjawab di lokasi ketika menjalankan penggambaran di samping dapat meningkatkan keyakinan dan memberikan pengalaman kepada pelakon ini.

-Wakil Peserta-

meningkatkan keyakinan dan memberikan pengalaman kepada pelakon ini. Dari sudut negatif pula ialah mereka akan lebih terdedah dengan risiko perlakuan sosial yang ditunjukkan oleh individu yang lebih dewasa dari mereka seperti bertutur dengan kasar, mengeluarkan kata-kata kesat, merokok, berpakaian kurang sesuai dan sebagainya.

### 3.2.9 Bekas Pelakon Kanak-Kanak Dan Orang Muda

Kajian ini juga mengambil kira pandangan daripada bekas pelakon kanak-kanak dan orang muda di Semenanjung Malaysia. Pengalaman mereka yang pernah menjadi pelakon kanak-kanak dan orang muda ini dirasakan perlu dalam membantu kajian ini mengenal pasti isu-isu dan kaedah terbaik bagi menanganinya untuk dimasukkan pada akhir kajian.

#### 3.2.9.1 Perundangan Perburuhan

Evolusi perkembangan pelakon kanak-kanak dan orang muda di Semenanjung Malaysia telah menunjukkan pertumbuhan yang positif. Peserta memaklumkan bahawa bilangan pelakon kanak-kanak dan orang muda pada zaman dahulu adalah terhad dan tidak banyak. Penglibatan kanak-kanak dan orang muda dalam lakonan turut memberikan kesan yang positif terhadap perkembangan kanak-kanak tersebut. Peserta memaklumkan kanak-kanak dan orang muda yang terlibat dalam dunia lakonan akan menggalas

Apabila seseorang kanak-kanak terlibat sebagai seorang pelakon, beliau telah diberi satu pendedahan, motivasi diri, lebih berani dan berkeyakinan, berdisiplin tinggi, bertanggungjawab untuk memastikan penjiwaan watak yang akan dilakukan adalah seperti yang diminta.

-Wakil Peserta-

tanggungjawab sebagai seorang yang bekerja. Ini kerana mereka perlu mengikut jadual yang ditetapkan dan kadangkala tidak mengikut masa. Apabila seseorang kanak-kanak terlibat sebagai seorang pelakon, beliau telah diberi satu pendedahan, motivasi diri, lebih berani dan berkeyakinan, berdisiplin tinggi, bertanggungjawab untuk memastikan penjiwaan watak yang akan dilakukan adalah seperti yang diminta. Selain itu, peserta memaklumkan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini akan dapat mengasah kemahiran mereka untuk menghafal dialog dan menggunakan bahan-bahan yang disediakan untuk lakonan dengan lebih berkesan.



Kematangan cara berfikir turut boleh dilihat kerana mereka lebih mudah memahami apa yang diperlukan dalam lakonan. Walau bagaimanapun, ibu bapa atau penjaga perlu memastikan setiap watak yang diberikan adalah bukan di luar kemampuan kanak-kanak dan orang muda tersebut. Ini untuk memastikan mereka tidak merasa terbeban. Peserta juga memberitahu bahawa kemahiran yang dipelajari daripada lakonan ini akan dapat mempengaruhi tingkah laku mereka semasa dewasa. Peserta juga ada memaklumkan bahawa mereka tidak berminat untuk menjadi seorang pelakon kanak-kanak dan orang muda tetapi dipaksa oleh keluarga. Walau bagaimanapun, masih terdapat ibu bapa yang menitikberatkan pendidikan kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Melalui pengalaman peserta telah memaklumkan bahawa beliau hanya diizinkan oleh ibu bapanya untuk menjalani penggambaran sebelum jam 8 malam sahaja dan beliau tidak diizinkan untuk ponteng sekolah. Seterusnya, peserta juga

Tidak semua pelakon kanak-kanak dan orang muda akan mendapat kesan positif seandainya mereka tidak mempunyai ilmu yang cukup. Tanggungjawab untuk memberikan pendedahan pendidikan adalah bermula dari rumah dan bukan lokasi penggambaran.

-Wakil Peserta-

memaklumkan beliau akan ditemani oleh ahli keluarga sebagai penjaga ketika di lokasi. Selain itu, peserta juga memaklumkan bahawa terdapat kesan negatif yang dialami oleh peserta di mana beliau merasa penat kerana perlu ke sekolah dan juga ke lokasi penggambaran selepas selesai sesi persekolahan. Bukan itu sahaja, peserta juga memaklumkan orang awam tidak memandang kerjaya seni ini sebagai profesion yang perlu dihormati. Ini kerana masih terdapat

orang awam yang berpandangan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini tidak mempunyai pendidikan dan ia akan memberi tekanan kepada pelakon tersebut. Antara kesan positif yang dikongsikan oleh peserta sepanjang menjadi pelakon kanak-kanak dan orang muda ialah dapat meningkatkan tahap kemandirian, dapat mengumpul duit sendiri, mempunyai keyakinan, komunikasi dan kematangan dalam pergaulan sosial. Bukan itu sahaja, peserta memaklumkan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini juga perlu mempunyai kemahiran mendengar yang tinggi dan mereka perlu mempelajari asas lakonan melalui pemerhatian di lokasi penggambaran. Walau bagaimanapun, tidak semua pelakon kanak-kanak dan orang muda akan mendapat kesan positif ini seandainya mereka tidak mempunyai ilmu yang cukup. Ini kerana tanggungjawab untuk memberikan pendedahan pendidikan adalah bermula dari rumah dan bukan lokasi penggambaran. Melalui rutin yang betul ibu bapa atau penjaga perlu mengawal tempoh masa lakonan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Penyusunan jadual yang betul perlu dilakukan oleh ibu bapa atau penjaga. Menurut peserta lagi syarikat produksi

ada menyediakan kontrak umum kepada semua pelakon. Kontrak yang ditawarkan ini kebiasaannya bersifat umum. Peserta mencadangkan agar tempoh bekerja dinyatakan dengan jelas kepada ibu bapa atau penjaga. Sebagai contoh, waktu bekerja yang tidak boleh melebihi jam 8 malam. Kontrak yang ditawarkan perlu diteliti bagi memenuhi peruntukan Akta. Syarikat produksi perlu bertanggungjawab dalam memberikan penerangan kepada ibu bapa dan penjaga berkaitan dengan kontrak yang ditawarkan. Kurangnya kesedaran para pelakon termasuk ibu bapa atau penjaga kepada hak dan kebajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini akan menyebabkan mereka merasa tertindas. Tanggungjawab ibu bapa adalah untuk meneliti setiap tawaran termasuk kontrak tersebut. Ibu bapa atau penjaga perlu memastikan pendidikan diberikan keutamaan kepada kanak-kanak dan orang muda ini. Ibu bapa atau penjaga perlu bertanggungjawab untuk mengetahui skop mereka sebagai pengurus. Peserta mencadangkan agar ibu bapa atau penjaga ini perlu didedahkan kepada pendidikan perburuhan dan tugas yang perlu dilakukan sebagai pengurus kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda. Peserta juga memaklumkan ibu bapa atau penjaga tidak boleh menjadikan anak-anak mereka sebagai satu aset untuk menambah sumber pendapatan. Ini akan memberi impak kepada kanak-kanak dan orang muda tersebut dalam tempoh masa yang panjang. Isu yang timbul ialah apabila terdapat ibu bapa yang mengerah tenaga kanak-kanak dan orang muda ini dengan menerima tawaran lakonan secara semborono. Tujuan ibu bapa dan penjaga berbuat demikian adalah untuk memastikan anak-anak mereka sentiasa mempunyai rekod yang baik dan sentiasa mendapat tawaran daripada syarikat produksi.

Ibu bapa atau penjaga tidak boleh menjadikan anak-anak mereka sebagai satu aset untuk menambah sumber pendapatan.

-Wakil Peserta-

Sekiranya perundangan perburuhan dikuatkuasakan maka berkemungkinan syarikat produksi akan kurang berminat untuk mengambil kanak-kanak dan orang muda ini berlakon. Dari segi bayaran pula peserta memaklumkan kebanyakan bayaran yang diterima adalah

Agihan bagi pelaburan pendidikan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini juga boleh dilaksanakan sebagai salah satu pilihan.

-Wakil Peserta-

diserahkan kepada ibu bapa. Jika ada yang dibayar ke atas akaun kanak-kanak sekalipun, ia masih dikawal oleh ibu bapa mereka. Peserta bersetuju dengan cadangan pasukan kajian agar bayaran yang diterima diasingkan untuk simpanan dan keperluan anak-anak tersebut. Peserta juga mencadangkan agar agihan bagi pelaburan pendidikan pelakon kanak-kanak dan orang

muda ini juga boleh dilaksanakan sebagai salah satu pilihan. Oleh yang demikian, literasi kewangan amat perlu diberikan kepada ibu bapa dan penjaga. Kebanyakan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini menerima bayaran mengikut hari. Isu yang berkaitan dengan bayaran juga dibangkitkan peserta ini. Terdapat syarikat produksi yang mengeksploitasi bayaran terhadap para pelakon. Kadar bayaran ini adalah bersifat subjektif yang mana bakat seseorang itu mempunyai nilai yang berbeza berdasarkan pandangan dan penilaian setiap syarikat produksi. Sekiranya terdapat cadangan untuk mewujudkan kadar bayaran minimum maka ia perlu diperhalusi dengan teliti. Bukan itu sahaja, satu sistem yang teratur perlu diwujudkan oleh pihak produksi bagi memastikan tempoh waktu kerja pelakon kanak-kanak dan orang muda ini perlu dipatuhi seperti kehendak Akta.

Peserta juga ditanya sekiranya permohonan lesen hiburan awam dikuatkuasakan bagi penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda. Peserta juga berpandangan perkara ini boleh dilaksanakan dengan syarat ia dipermudahkan, tiada birokrasi yang tinggi, tidak membebankan dan mengambil masa yang cepat dalam mendapatkan kelulusan. Peserta juga bersetuju sekiranya permohonan diperkenalkan secara dalam talian. Sebelum permohonan lesen ini dilaksanakan, pihak ibu bapa dan syarikat produksi juga perlu didedahkan kepada kepentingan bagi mendapatkan lesen ini. Walaupun akan terdapat cabaran pada peringkat awal pelaksanaan, peserta berpandangan pendekatan yang sesuai dan kerjasama daripada FINAS melalui bengkel dan taklimat pendidikan perburuhan akan dapat membantu menjayakan perkara ini. Peserta juga mencadangkan kerjasama strategik dengan syarikat penyiaran televisyen yang mengeluarkan rancangan kanak-kanak dan orang muda seperti Astro Ceria juga boleh dilakukan.

Peserta memaklumkan bahawa pelakon kanak-kanak dan orang muda pada zaman dahulu juga melakukan adegan yang agak berisiko. Walaupun tiada pasukan lagak ngeri seperti masa kini namun syarikat produksi dan kru yang terlibat bersama-sama bertanggungjawab dalam memastikan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini dilindungi. Selanjutnya, peserta juga memaklumkan kebanyakan syarikat produksi pada masa kini telah peka berkenaan dengan keselamatan para pelakon. Sebagai contoh, terdapat syarikat produksi yang menyediakan khemah khas bagi memudahkan para pelakon untuk menukar pakaian. Peserta bersetuju dengan cadangan pasukan kajian agar penyelarasan keselamatan dilantik bagi setiap syarikat produksi. Pada masa kini juga terdapat syarikat produksi yang mempunyai penyelarasan keselamatan tetapi hanya kepada projek yang bermodal besar. Peserta berpandangan syarikat

produksi perlu mengambil inisiatif untuk menyediakan penyelaras keselamatan mereka sendiri. Peserta turut memberi cadangan agar FINAS mencadangkan kepada syarikat penyiaran televisyen untuk mengambil kira kos keselamatan apabila ingin menawarkan sesuatu projek kepada syarikat produksi. Walau bagaimanapun, terdapat juga peserta yang berpandangan bahawa adalah lebih baik sekiranya penyelaras tersebut dilantik bukan daripada kalangan pekerja syarikat produksi. Syarikat produksi boleh memilih untuk melantik penyelaras keselamatan dari luar.

### 3.2.9.2 Perlindungan Sosial

Peserta juga memaklumkan bahawa kebanyakan syarikat produksi tidak menawarkan insurans, caruman PERKESO dan KWSP kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Ini disebabkan oleh bayaran yang diterima daripada syarikat penyiaran televisyen adalah terlalu rendah. Seandainya kewajipan untuk mencarum terhadap PERKESO dan KWSP dilaksanakan maka satu mekanisme yang sesuai perlu diperhalusi agar tidak membebankan.

Menurut peserta kegagalan untuk mencarum kepada PERKESO dan KWSP turut dipengaruhi oleh prosedur syarikat penyiaran televisyen itu sendiri. Sebagai contoh, terdapat syarikat produksi yang perlu mengeluarkan modal terlebih dahulu apabila ditawarkan sesuatu projek. Apabila perkara ini berlaku maka syarikat produksi akan

Kegagalan untuk mencarum kepada PERKESO dan KWSP turut dipengaruhi oleh prosedur syarikat penyiaran televisyen itu sendiri.

-Wakil Peserta-

mempunyai masalah dalam isu kekurangan modal. Selain daripada syarikat penyiaran televisyen, kelemahan sistem kerja dan pengendalian sesebuah syarikat produksi juga menjadi faktor kegagalan dalam mencarum kepada PERKESO dan KWSP. Peserta mencadangkan agar mekanisme caruman bagi KWSP dan PERKESO perlu diteliti sebelum penguatkuasaan dijalankan. Ini kerana para pelakon ini mempunyai jenis pekerjaan yang berbeza dan unik di luar sana. Peserta juga memaklumkan adalah wajar sekiranya caruman PERKESO dan KWSP ini turut dimasukkan ke dalam kontrak pekerjaan.

### 3.2.9.3 Pembangunan Kerjaya

Peserta memaklumkan bahawa tidak semua pelakon kanak-kanak dan orang muda ini mempunyai perjalanan kerjaya yang bertahan lama dalam industri ini. Oleh yang demikian, agensi pencarian bakat mempunyai tanggungjawab dalam menyediakan laluan kerjaya kepada

pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Bukan itu sahaja, agensi yang terlibat bersama dengan pihak persatuan boleh juga menyediakan bengkel atau seminar yang bersesuaian berkenaan dengan laluan kerjaya yang boleh diceburi oleh kanak-kanak dan orang muda ini apabila populariti mereka menurun.

### **3.2.10 Persatuan Seniman Malaysia (SENIMAN)**

Selain daripada wakil pekerja, kajian ini juga mengadakan sesi bersama-sama dengan wakil persatuan yang mewakili pelakon-pelakon di Semenanjung Malaysia. Antara perkara yang dibincangkan adalah berkenaan dengan penambahbaikan yang boleh dilakukan di dalam perundangan perburuhan, perlindungan sosial dan pengumpulan data bagi pelakon kanak-kanak dan orang muda di Semenanjung Malaysia.

#### **3.2.10.1 Perundangan Perburuhan**

Peserta memaklumkan keahlian bagi persatuan ini terdiri daripada ahli biasa, veteran, bersekutu dan bukan warganegara. Kewajipan untuk mendaftar sebagai ahli persatuan pernah dikuatkuasakan suatu ketika dahulu kepada semua para pelakon bertujuan untuk melindungi pekerja-pekerja seni. Para pelakon yang telah menjadi ahli persatuan ini akan direkodkan di dalam pangkalan data milik persatuan. Walau bagaimanapun, kewajipan mendaftar sebagai ahli ini tidak lagi dikuatkuasakan pada masa ini. Oleh yang demikian, agak sukar untuk melakukan pemantauan terhadap pelakon termasuk pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Sekiranya terdapat satu pangkalan data khusus bagi mengumpul maklumat semua pelakon termasuk pelakon kanak-kanak dan orang muda maka pemantauan dari segala aspek termasuk pematuhan kepada perundangan perburuhan boleh dilaksanakan.

Sekiranya penguatkuasaan permohonan lesen pengajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dilaksanakan maka karenah birokrasi perlu dikurangkan dan penerangan awal perlu dipertingkatkan.

-Wakil Peserta-

Peserta bersetuju sekiranya program pendidikan perburuhan diadakan dengan pihak FINAS, persatuan dan Jabatan yang terlibat. Penerangan awal berkenaan dengan prosedur pengajian pelakon kanak-kanak dan orang muda perlu diberikan terlebih dahulu. Sekiranya penguatkuasaan permohonan lesen pengajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dilaksanakan maka karenah birokrasi perlu

dikurangkan. Selain itu, Jabatan yang terlibat perlu mewujudkan panel yang bertanggungjawab untuk memantau dan memastikan permohonan lesen dilakukan dengan cekap. Peserta juga bersetuju sekiranya permohonan lesen ini dibuat secara dalam talian bagi memudahkan syarikat produksi.

Bagi memastikan syarikat produksi serta ibu bapa dan penjaga kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini mematuhi peruntukan Akta dan Peraturan yang sedia ada maka peserta mencadangkan agar syarat-syarat berkaitan permohonan lesen, caruman PERKESO dan KWSP, penyediaan penyelaras keselamatan di lokasi serta kepentingan pendidikan dimasukkan sebagai syarat tambahan kepada syarikat produksi yang ingin mendapatkan lesen yang dikeluarkan oleh FINAS sebelum penggambaran dijalankan.

Peserta juga memberikan maklum balas yang positif berkaitan dengan cadangan pasukan kajian agar satu garis panduan yang komprehensif dibuat bagi ibu bapa atau penjaga yang bertindak sebagai pengurus kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda. Seterusnya, sekiranya garis panduan ini berjaya dilaksanakan maka peserta mencadangkan agar pihak yang terlibat untuk mewujudkan satu Akta khusus yang memfokuskan kepada penggiat seni tanah air bagi perancangan jangka masa panjang. Sebagai contoh, dengan mewujudkan Akta Industri Kreatif Malaysia bagi melindungi hak dan kebajikan penggiat seni di Malaysia.

Kebanyakan kontrak yang disediakan kepada para pelakon termasuk pelakon kanak-kanak dan orang muda ini adalah bergantung kepada perbincangan dan kebanyakannya bersifat berat sebelah. Peserta juga memaklumkan bahawa pihak persatuan sedang merangka satu kontrak yang seragam yang boleh diguna pakai oleh syarikat produksi. Kebanyakan para pelakon juga tidak diberikan sesalinan kontrak oleh syarikat produksi.

Kontrak yang disediakan perlulah spesifik menyatakan dengan terperinci kadar bayaran, penyata gaji, waktu bekerja dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan skop kerja yang ditawarkan.

-Wakil Peserta-

Peserta mencadangkan agar kontrak yang disediakan perlulah spesifik menyatakan dengan terperinci kadar bayaran, penyata gaji, waktu bekerja dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan skop kerja yang ditawarkan. Selain itu, peserta juga bersetuju sekiranya satu akaun khas diwujudkan bagi pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Sebagai contoh, dengan mewajibkan semua pelakon kanak-kanak dan orang muda untuk

membuka akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) untuk memastikan mereka mempunyai satu tabungan khusus berkaitan pendidikan bagi menjamin masa depan mereka.

Program literasi kewangan juga perlu diperkenalkan kepada ibu bapa dan syarikat produksi bagi memastikan bayaran yang dilakukan kepada para pelakon adalah setara dengan watak yang ditawarkan. Satu mekanisme penetapan kadar bayaran minimum boleh dibangunkan namun perlu diperhalusi sebelum dilaksanakan.

### **3.2.10.2 Perlindungan Sosial**

Peserta juga ditanya berkenaan perlindungan sosial terhadap pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Peserta bersetuju agar caruman PERKESO dan KWSP ini diwajibkan kepada semua pelakon termasuk pelakon kanak-kanak dan orang muda. Walau bagaimanapun, pihak yang bertanggungjawab perlu membantu persatuan untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran para pelakon untuk mencarum. Persatuan juga memaklumkan mereka juga ada melakukan rundingan dengan syarikat insurans untuk mendapatkan pelan perlindungan dan caruman yang sesuai kepada para pelakon. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat insurans hanya boleh menawarkan insurans kematian sahaja. Bagi memastikan caruman PERKESO dan KWSP ini dilakukan maka peserta mencadangkan terma ini turut dimasukkan ke dalam kontrak yang akan dikeluarkan oleh syarikat produksi. Persatuan juga bersetuju bahawa caruman PERKESO yang sedia ada ini telah memadai dan boleh digunakan kepada para pelakon termasuk pelakon kanak-kanak dan orang muda.

### **3.2.10.3 Pembangunan Pangkalan Data Bersepadu**

Satu pangkalan data bersepadu dibangunkan bagi merekod maklumat berkenaan dengan semua pelakon termasuk pelakon kanak-kanak dan orang muda di Malaysia.

-Wakil Peserta-

Peserta mencadangkan agar satu pangkalan data bersepadu dapat dibangunkan bagi merekod maklumat berkenaan dengan semua pelakon termasuk pelakon kanak-kanak dan orang muda di Malaysia. Dengan memperkasakan sistem yang sedia ada di FINAS melalui pengumpulan data yang teratur, secara dalam talian dan kolaborasi bersepadu dengan pihak persatuan maka perkara ini boleh dilaksanakan. Data

ini amat penting dalam membantu membangunkan profil para pelakon termasuk pelakon kanak-kanak dan orang muda. Melalui pangkalan data ini, penggredan pelakon melalui sistem

yang teratur akan boleh dibuat. Penggredan pelakon-pelakon ini akan dapat membantu dalam penetapan kadar bayaran minimum para pelakon tersebut. Bukan itu sahaja, maklumat ini juga boleh digunakan dalam usaha memastikan para pelakon mendaftar dengan persatuan secara automatik. Kewajipan dalam mendaftar sebagai ahli boleh dipantau melalui sistem ini. Ini juga akan diguna pakai kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda. Bagi memastikan pembangunan pangkalan data ini berjalan lancar maka peserta mencadangkan agar kesemua para pelakon termasuk pelakon kanak-kanak dan orang muda perlu bekerjasama untuk menjadi ahli persatuan ini.

### **3.2.11 Persatuan Pengarah Filem dan Syarikat Produksi**

Satu sesi FGD telah diadakan yang melibatkan wakil daripada persatuan pengarah filem dan syarikat produksi. Isu yang dibincangkan adalah berkaitan dengan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda di dalam industri filem dan drama di Semenanjung Malaysia serta penambahbaikan yang boleh dilakukan bagi melindungi pelakon kanak-kanak dan orang muda ini.

#### **3.2.11.1 Perundangan Perburuhan**

Peserta memaklumkan bahawa pelakon kanak-kanak dan orang muda ini mempunyai masa bekerja yang tidak sama dengan individu yang bekerja pada waktu pejabat. Sekiranya terdapat keperluan permohonan lesen ini maka ia hendaklah dipermudahkan. Bukan itu sahaja, peserta juga mencadangkan agar setiap lesen yang diluluskan perlu mempunyai nilai tambah yang sesuai seperti mensyaratkan perlindungan insurans yang tidak membebankan. Satu garis panduan juga perlu diwujudkan bagi memastikan tiada eksploitasi dilakukan sepanjang penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Garis panduan ini juga dicadangkan agar dimasukkan bersekali di dalam peraturan-peraturan yang sesuai yang terdapat di FINAS.

Peserta juga memaklumkan bahawa sehingga kini tiada satu peraturan yang khusus bagi mengawal selia penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda di Semenanjung Malaysia ini. Penglibatan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini adalah signifikan dan turut diiktiraf pihak FINAS melalui anugerah-anugerah yang diberikan oleh FINAS kepada individu yang layak.



Selain daripada peranan syarikat produksi, peserta turut memaklumkan ibu bapa kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini turut memainkan peranan penting dalam setiap perbincangan bagi tawaran lakonan yang ditawarkan oleh syarikat produksi. Ibu bapa turut mempunyai tanggungjawab dalam menguruskan semua perkara termasuklah waktu persekolahan dan pembayaran yang akan dilakukan syarikat produksi kepada para pelakon kanak-kanak dan orang muda. Oleh demikian peserta bersetuju bahawa ibu bapa mempunyai tanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini tidak dianiayai atau dieksploitasi sepanjang proses penggambaran filem dan drama dijalankan.

Peserta juga memaklumkan bahawa semua kontrak yang dikeluarkan adalah sama bagi pelakon dewasa mahupun pelakon kanak-kanak dan orang muda. Kebanyakan kontrak yang ditawarkan adalah berasaskan projek yang akan dijalankan. Peserta memaklumkan bahawa salinan kontrak yang telah ditandatangani perlu diserahkan kepada ibu bapa. Sekiranya pihak syarikat produksi tidak

Sekiranya pihak syarikat produksi tidak memberikan salinan kontrak yang telah ditandatangani maka ibu bapa berhak untuk meminta salinan tersebut.

-Wakil Peserta-

memberikan salinan kontrak yang telah ditandatangani maka ibu bapa berhak untuk meminta salinan tersebut. Antara isu yang sering timbul berkaitan kontrak ini adalah kandungan kontrak yang tidak seimbang dan berat sebelah. Peserta turut mencadangkan agar pihak JTKSM untuk menyediakan satu kontrak standard untuk rujukan syarikat produksi. Kontrak standard yang disediakan ini perlu bersifat fleksibel kepada perkara-perkara tertentu seperti tempoh waktu bekerja, penyediaan makanan dan minuman serta bayaran gaji.

Bukan itu sahaja, terdapat juga peserta yang turut mencadangkan agar satu garis panduan bagi penyediaan kontrak dibangunkan oleh pihak JTKSM. Garis panduan penyediaan kontrak ini boleh memfokuskan kepada dua perkara iaitu kontrak antara ibu bapa dan syarikat produksi atau kontrak antara ibu bapa dan syarikat pengurusan. Peserta lain juga turut mencadangkan agar persatuan pengarah-pengarah filem dan persatuan yang mewakili pelakon-pelakon turut dilibatkan di dalam pembangunan garis panduan ini. Dari segi bayaran lakonan pula kebiasaannya mereka dibayar mengikut perkembangan sesuatu projek tersebut.

Peserta turut mencadangkan agar satu agensi kawal selia diwujudkan dan bertanggungjawab dalam menyelesaikan isu pertikaian yang berkaitan dengan penggajian pelakon kanak-kanak

dan orang muda ini. Agensi yang dipertanggungjawabkan ini akan menjadi satu pusat rujukan jika terdapat aduan di antara pelakon kanak-kanak dan orang muda.

Syarat-syarat yang terdapat dalam permohonan lesen adalah kurang sesuai dengan keperluan dan skop kerja seorang pelakon dalam industri perfileman dan drama.

-Wakil Peserta-

Peserta juga telah dimaklumkan berkenaan dengan kegagalan syarikat produksi untuk melakukan permohonan lesen hiburan awam melalui dapatan awal kajian penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Peserta memberikan maklum balas bahawa perkara ini terjadi apabila syarat-syarat yang terdapat dalam permohonan lesen adalah kurang sesuai dengan keperluan dan skop kerja

seorang pelakon dalam industri perfileman dan drama. Bukan itu sahaja, kefahaman berkenaan dengan kepentingan permohonan lesen ini juga perlu diambil kira oleh pihak ibu bapa dan bukanlah syarikat produksi semata-mata. Oleh yang demikian, peserta telah mencadangkan agar satu perubahan perlu dibuat oleh pihak yang bertanggungjawab dalam keperluan permohonan lesen ini. Peserta bersetuju agar permohonan lesen ini perlu dibuat oleh ibu bapa kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda itu dan bukanlah syarikat produksi. Ini adalah kerana ibu bapa mereka yang bertanggungjawab untuk mendapatkan tawaran lakonan bagi pihak anak-anak mereka dan kebiasaannya mereka akan menerima lebih daripada satu tawaran lakonan daripada syarikat produksi dalam suatu masa. Selain itu, kaedah kelulusan permohonan lesen ini perlu diperhalusi sama ada berdasarkan tahunan atau projek yang diterima.

Peserta turut mencadangkan agar semua ibu bapa yang ingin memohon lesen ini diwajibkan untuk menghadiri kursus, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda. Ini bermakna sekiranya seseorang ibu bapa itu ingin mendapatkan lesen bagi anak-anak mereka yang

Kefahaman berkenaan dengan kepentingan permohonan lesen ini juga perlu diambil kira oleh pihak ibu bapa dan bukanlah syarikat produksi semata-mata.

-Wakil Peserta-

akan menjadi pelakon maka, ibu bapa ini adalah wajib untuk menghadiri kursus berkaitan. Peserta juga telah mencadangkan agar FINAS mengambil tanggungjawab dalam mengendalikan kursus, seminar atau bengkel berkaitan dengan kerjasama bersepadu daripada

JTKSM. Bukan itu sahaja, keperluan dalam menghadiri kursus, seminar atau bengkel ini boleh dijadikan sebagai syarat wajib sebelum sesuatu permohonan lesen.

Bagi memastikan kefahaman yang jelas terhadap kepentingan permohonan lesen ini maka program-program kesedaran perlu diberikan. Kumpulan sasar yang perlu diberikan tumpuan bagi program kesedaran ini termasuklah ibu bapa, syarikat produksi dan syarikat pengurusan bakat. Ini kerana isu yang paling ketara ialah kelemahan dalam pentadbiran pengurusan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda ini.

Peserta juga kurang bersetuju seandainya Akta baru diwujudkan khusus bagi penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda. Walau bagaimanapun, para peserta mencadangkan agar semakan dan penambahbaikan dilakukan terhadap Akta sedia ada.

### **3.2.11.2 Perlindungan Sosial**

Peserta juga memaklumkan bahawa mereka ada menyediakan insurans kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Walau bagaimanapun, tidak semua syarikat produksi menawarkan insurans ini. Peserta turut mencadangkan agar semua syarikat produksi untuk mengambil insurans dan menawarkan insurans kepada semua yang terlibat termasuklah pelakon kanak-kanak dan orang muda. Bukan itu sahaja, peserta turut memaklumkan ada di antara para pelakon ini mempunyai insurans berkelompok apabila mereka menyertai mana-mana persatuan yang berdaftar.

### **3.2.11.3 Isu pendidikan**

Surat kebenaran untuk tidak hadir ke sekolah perlu disediakan oleh pihak ibu bapa serta dimaklumkan kepada pihak sekolah.

-Wakil Peserta-

Peserta turut memaklumkan bahawa terdapat juga ibu bapa yang tidak memaklumkan kepada pihak sekolah berkenaan keberadaan anak-anak mereka yang sedang menjalankan penggambaran filem dan drama. Terdapat ibu bapa yang mengambil cuti sakit kepada anak-anak mereka bagi memastikan anak-anak mereka dapat menjalankan penggambaran. Bagi

mengelakkan perkara ini berlaku secara berterusan, peserta telah mencadangkan agar surat kebenaran untuk tidak hadir ke sekolah perlu disediakan oleh pihak ibu bapa serta dimaklumkan kepada pihak sekolah.

### **3.2.12 Rekomendasi dan Cadangan**

Hasil daripada sesi FGD dan IDI yang dijalankan maka beberapa rekomendasi dan cadangan awal telah diterima dan dibincangkan. Ini meliputi aspek perburuhan dan perlindungan sosial pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama.

#### **3.2.12.1 Perundangan Perburuhan**

##### **Semakan semula skop dan definisi**

Cadangan peserta ialah berkenaan dengan penambahbaikan skop hiburan awam tanpa menjejaskan definisi hiburan awam itu sendiri seperti mana yang telah dinyatakan di dalam Akta 350. Penambahbaikan ini dirasakan perlu bagi memberikan pemahaman yang lebih jelas kepada syarikat produksi atau mana-mana syarikat yang terlibat dalam hiburan awam. Ini bagi memastikan kefahaman yang jelas berkenaan dengan skop dan pihak yang terlibat dalam penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda di dalam industri perfileman dan drama. Semakan semula terhadap Akta 350 perlu disesuaikan dengan keadaan semasa dan dilihat bersekali dengan DIKN.

##### **Penguatkuasaan undang-undang bagi penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda**

Peserta turut memberikan cadangan bagi memasukkan syarat tambahan terhadap permohonan geran, lesen atau sijil kepada syarikat produksi berkaitan dengan lesen penggajian kanak-kanak dan orang muda di Semenanjung Malaysia yang dikeluarkan oleh JTKSM. Ini bermakna setiap syarikat produksi yang menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda perlu mengemukakan lesen penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda yang diluluskan oleh JTKSM kepada pihak FINAS sekiranya ingin memohon sama ada geran, lesen atau SPP. Dengan cara ini sedikit sebanyak akan memberikan tanggungjawab kepada syarikat produksi untuk melindungi pelakon kanak-kanak dan orang muda yang ingin digajikan.

Selain daripada itu, peserta turut mengesyorkan agar penguatkuasaan Akta 350 yang sedia ada perlu mengambil kira perlantikan penyelia keselamatan, jururawat dan tutor yang dirasakan perlu. Bukan itu sahaja, pihak Kerajaan juga perlu meneliti penetapan kadar bayaran minimum kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Penetapan kadar bayaran seharusnya ditentukan berdasarkan jam bekerja pelakon kanak-kanak dan orang muda ini dan bukan berdasarkan episod atau babak.

Seterusnya ialah tempoh bekerja pelakon kanak-kanak dan orang muda ini perlu diteliti semula. Bukan itu sahaja, kewajipan dalam memastikan kehadiran ibu bapa, penjaga atau pengurus yang dilantik di lokasi penggambaran juga perlu diperhalusi. Selain itu, penguatkuasaan oleh agensi berwajib juga perlu mengambilkira berkaitan dengan logistik, penyediaan makanan dan keselamatan pelakon kanak-kanak dan orang muda yang berada di lokasi dan terdedah dengan peralatan penggambaran yang berisiko.

Peserta juga mencadangkan agar pihak berwajib mengkaji berkenaan dengan pewujudan satu akaun khas bagi pelakon kanak-kanak dan orang muda. Ini bagi memastikan tiada penyelewengan kewangan berlaku. Akaun khas ini akan dapat membantu pelakon kanak-kanak dan orang muda ini bagi kelangsungan hidup mereka sekiranya tidak lagi menerima tawaran lakonan pada masa akan datang.

Perkara lain yang dicadangkan ialah agar satu perubahan perlu dibuat terhadap pihak yang bertanggungjawab dalam membuat permohonan lesen ini. Peserta mengesyorkan agar permohonan lesen ini dibuat oleh ibu bapa kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda itu dan bukanlah syarikat produksi. Ini adalah kerana ibu bapa mereka yang bertanggungjawab untuk mendapatkan tawaran lakonan bagi pihak anak-anak mereka dan kebiasaannya mereka akan menerima lebih daripada satu tawaran lakonan daripada syarikat produksi dalam suatu masa. Selain itu, perlu juga diperhalusi sama ada kelulusan lesen ini boleh dikeluarkan berdasarkan tahunan atau projek yang diterima. Kaedah yang sesuai juga perlu diambilkira agar permohonan lesen ini dipermudahkan dan menjimatkan masa.

Selain itu, tanggungjawab ibu bapa untuk memberikan surat kebenaran dan memaklumkan pihak sekolah berkenaan dengan ketidakhadiran anak-anak mereka semasa sesi persekolahan turut dicadangkan. Ini kerana peserta merasakan ibu bapa perlu diberikan tanggungjawab terhadap pengurusan masa dan juga lain-lain perkara yang berkaitan dengan anak-anak mereka yang terlibat dalam bidang lakonan.

### **Pembangunan garis panduan bagi penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda**

Garis panduan yang ringkas dan mudah difahami berkenaan dengan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda ini perlu diwujudkan bagi memberikan panduan kepada syarikat produksi. Garis panduan ini perlu bersifat minimum dan mudah difahami bagi rujukan syarikat produksi. Pewujudan Akta baru yang memfokuskan kepada penggajian kanak-kanak dan orang

muda ini dilihat akan mengongkong dan membantutkan pertumbuhan industri perfileman dan drama di negara ini dan tidak sesuai dilaksanakan dalam masa terdekat.

Selain itu, peserta turut mencadangkan alternatif selain garis panduan seperti pembangunan satu *Code of Practice* atau penyediaan FAQ yang khusus berkaitan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda yang dirasakan perlu dan boleh dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, beberapa perkara perlu diperhalusi dan diambil kira bagi memastikan ia bersifat komprehensif. Bukan itu sahaja, satu garis panduan wajar diwujudkan bagi memastikan tiada eksploitasi dilakukan sepanjang proses penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Terdapat juga cadangan daripada peserta agar garis panduan yang dibangunkan dimasukkan bersekali di dalam peraturan-peraturan yang sesuai yang terdapat di FINAS.

Selain itu, peserta mencadangkan agar pihak JTKSM menyediakan satu kontrak pekerjaan yang standard untuk dijadikan rujukan oleh semua syarikat produksi. Kontrak ini perlu bersifat fleksibel kepada perkara-perkara tertentu. Cadangan lain ialah peserta mengesyorkan agar satu garis panduan bagi penyediaan kontrak dibangunkan oleh pihak JTKSM. Garis panduan bagi penyediaan kontrak ini boleh memfokuskan kepada dua perkara iaitu kontrak antara ibu bapa dan syarikat produksi atau kontrak antara ibu bapa dan syarikat pengurusan.

Bukan itu sahaja, satu bahagian khas di KKD bagi menjaga kebajikan pelakon termasuklah pelakon kanak-kanak dan orang muda ini juga wajar diwujudkan. Fungsi bahagian yang diwujudkan ini ialah sebagai pusat sehati kepada penggiat seni. Ini akan memudahkan penggiat seni termasuk pelakon kanak-kanak dan orang muda untuk menjadikan bahagian ini sebagai pusat rujukan mereka sekiranya terdapat sebarang isu. Satu agensi kawal selia juga perlu dilantik yang berfungsi sebagai agensi yang akan bertanggungjawab dalam menyelesaikan isu pertikaian yang berkaitan dengan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda ini berkaitan dengan perundangan perburuhan.

### **Permohonan lesen secara dalam talian**

Permohonan lesen secara dalam talian juga merupakan satu cadangan yang boleh diambil kira dalam usaha membantu syarikat produksi melakukan permohonan. Ini selaras dengan era pendigitalan dan teknologi yang berkembang pesat. Penjanaan data dan pembangunan profil juga boleh dibuat sekiranya permohonan secara dalam talian ini dilaksanakan.

Pembangunan sistem digital bagi permohonan lesen secara dalam talian dilihat sebagai satu langkah dalam memudahkan syarikat produksi untuk membuat permohonan lesen hiburan awam di bawah Akta 350. Dengan adanya sistem dalam talian ini proses permohonan lesen bagi penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dapat dibuat dengan mudah dan cepat. Ini kerana seandainya permohonan lesen ini memakan masa yang lama maka ia akan menjejaskan tempoh penggambaran sesuatu drama. Selain itu, satu pangkalan data perlu dibangunkan bagi pendaftaran pelakon dan profil syarikat produksi di Malaysia dan seterusnya pihak FINAS dijadikan sebagai hub pangkalan data tersebut dengan kerjasama DOSM.

### **Promosi dan program pendidikan perburuhan**

Peningkatan program kesedaran dan pendidikan perburuhan terhadap semua pihak yang terlibat dalam penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda ini juga merupakan salah satu cadangan yang diterima daripada peserta. Ini termasuklah pihak syarikat produksi, syarikat pengurusan dan pencarian bakat, ibu bapa dan penjaga. Bukan itu sahaja, penerangan berkenaan dengan hubungan di antara syarikat produksi dan pelakon kanak-kanak juga perlu dijelaskan sama ada bersifat *contract of service* atau *contract for service*. Kerjasama bersepadu dengan pihak JTKSM dalam merangka promosi bagi program yang berkaitan dengan pendidikan perburuhan berkaitan pematuhan Akta Kerja 1955 [Akta 265] dan Akta 350 terutamanya penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda di dalam bidang hiburan awam juga penting. Fokus utama program ini ialah untuk memastikan syarikat produksi atau pelakon memahami peruntukan Akta perburuhan yang perlu dipatuhi. Pemerkasaan jalinan kerjasama dengan pihak yang menguatkuasakan undang-undang dan peraturan berkaitan dengan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda seperti KSM, KPM dan FINAS juga perlu. Ini kerana program kesedaran ini perlu dijalankan secara bersepadu dan bukan bergerak secara berasingan. Sebelum penguatkuasaan dilaksanakan adalah wajar sekiranya program kesedaran dipertingkatkan terlebih dahulu.

Fokus juga perlu diberikan kepada ibu bapa dan penjaga pelakon kanak-kanak dan orang muda ini dengan memberikan pendedahan berkaitan dengan perundangan perburuhan berkaitan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda. Sebagai contoh, sekiranya terdapat aduan atau pertikaian antara pelakon kanak-kanak dan orang muda dengan syarikat produksi, ibu bapa atau penjaga boleh mengambil tindakan undang-undang dengan syarat mereka memahami perundangan perburuhan sedia ada. Program pendidikan perburuhan yang ingin diwar-warkan perlu mempunyai pendekatan yang kreatif dan mempunyai daya penarik. Sebagai contoh,

Jabatan yang bertanggungjawab perlu memikirkan pengisian pendidikan perburuhan itu dapat mempengaruhi psikologi kumpulan sasaran.

### **3.2.12.2 Perlindungan Sosial**

#### **Semakan syarat-syarat bagi pelakon kanak-kanak dan orang muda**

Cadangan peserta ialah berkenaan dengan penetapan umur bagi pencarum KWSP yang perlu diperhalusi semula. Pada masa kini KWSP telah menetapkan umur pencarum ialah 14 tahun dan ke atas sebagaimana yang dinyatakan di dalam Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991. Walau bagaimanapun, sekiranya pihak KWSP ingin membuka peluang caruman kepada pelakon kanak-kanak yang berumur di bawah 14 tahun maka perluasan skop ini adalah perlu dipertimbangkan.

Cadangan lain ialah dengan mengkaji semula mekanisme caruman bagi KWSP dan PERKESO sebelum penguatkuasaan dijalankan berdasarkan jenis pekerjaan seseorang individu. Ini kerana para pelakon ini mempunyai jenis pekerjaan yang berbeza dan unik. Peserta juga memaklumkan adalah wajar sekiranya caruman PERKESO dan KWSP ini turut dimasukkan ke dalam kontrak pekerjaan.

#### **Pendaftaran secara *auto registration* dan *auto enrolment***

Pendaftaran secara *auto registration* dan *auto enrolment* kepada individu yang layak termasuklah pelakon kanak-kanak dan orang muda sebagai pencarum KWSP turut dicadangkan. Pelaksanaan kaedah ini hanya boleh dijalankan sekiranya kerjasama dilakukan dengan pihak lain yang turut berada di dalam ekosistem penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda. Peserta turut memaklumkan bahawa KWSP sedang berkolaborasi dengan pihak Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi melaksanakan pendekatan *auto registration* dan *auto enrolment* ke atas bayi yang baru dilahirkan untuk membuka akaun simpanan sukarela dengan KWSP. Peserta yang mewakili PERKESO turut bersetuju dengan cadangan ini dan mencadangkan LHDN sebagai agensi yang sesuai untuk bekerjasama dengan pihak PERKESO sekiranya kaedah *auto registration* dan *auto enrolment* ini ingin dilaksanakan terutama kepada pelakon yang bekerja di dalam Industri Kreatif.



### **Penguatkuasaan undang-undang**

Peserta juga bersetuju berkenaan dengan cadangan menjadikan caruman PERKESO dan KWSP sebagai syarat tambahan kepada syarikat produksi bagi mendapatkan geran, lesen dan sijil penggambaran. Walau bagaimanapun ia perlu diteliti sebelum dilaksanakan.

### **Program Promosi dan Hebahan**

Cadangan seterusnya ialah berkenaan dengan kerjasama dalam melaksanakan program kesedaran terutama kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda. Para peserta yang hadir berpandangan bahawa program kesedaran berkenaan dengan caruman PERKESO dan KWSP ini boleh berjalan seiringan dan bukan secara berasingan. Oleh yang demikian, kerjasama bersepadu di antara PERKESO, KWSP dan Agensi Kawal Selia yang terlibat dalam pengajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam memberikan kesedaran kepentingan mencarum bagi insurans dan simpanan hari tua perlu dirangka mengikut kesesuaian. Peserta juga mencadangkan agar FINAS turut bekerjasama sebagai peneraju utama bersama dengan pihak PERKESO dan KWSP bagi mempromosikan kesedaran berkenaan dengan kepentingan menjadi pencarum PERKESO dan KWSP dalam meningkatkan perlindungan sosial bagi golongan ini.

### **Caruman yang lebih fleksibel dan sesuai kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda**

Peserta turut mengesyorkan agar PERKESO dan KWSP memperkenalkan caruman yang lebih fleksibel sesuai dengan keperluan Industri Kreatif terutama kepada para pelakon termasuklah pelakon kanak-kanak dan orang muda bagi menggalakkan pelakon mencarum dengan PERKESO dan KWSP. Peserta juga mencadangkan agar PERKESO meneliti semula jenis perlindungan yang sesuai untuk diberikan kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Ini termasuk untuk melihat semula keperluan peruntukan perundangan PERKESO.

### **3.2.12.3 Latihan Kemahiran dan Peningkatan Kerjaya Pihak Syarikat**

Pihak JTKSM juga boleh membantu syarikat produksi untuk mempunyai pengurusan sumber manusia yang baik melalui latihan atau bengkel yang boleh dilaksanakan secara bersepadu dengan pihak FINAS. Kursus berkenaan dengan pemakaian Akta 350 juga boleh diadakan bagi memberikan pendedahan kepada syarikat produksi, ibu bapa dan pelakon kanak-kanak dan orang muda. Selain itu, bengkel bagi melatih pekerja dari syarikat produksi untuk menjadi seorang Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH Coordinator) boleh dijalankan dengan kerjasama daripada FINAS. Cadangan peserta ialah pihak terlibat menawarkan kepada

syarikat produksi kursus atau bengkel asas keselamatan seperti yang pernah dilaksanakan sebelum ini oleh FINAS. Kerjasama dengan pihak penyedia kursus yang diiktiraf seperti NIOSH mungkin boleh diambil kira.

### **Pihak FINAS**

Peserta mencadangkan agar meluaskan lagi skop FINAS sebagai sebuah agensi peneraju yang membantu penggiat seni di dalam Industri Kreatif tanah air dengan memperkasakan program latihan yang dibangunkan berkaitan modal insan. Penambahbaikan terhadap modul pembangunan modal insan terhadap syarikat produksi, pelakon kanak-kanak dan orang muda serta ibu bapa pelakon juga perlu dikaji semula. Bukan itu sahaja, cadangan dalam memperkasakan dan menambahbaik program Latihan Pembangunan Modal Insan yang dijalankan oleh pihak FINAS dengan memasukkan silibus berkenaan dengan prosedur permohonan bagi *home schooling* ini juga diterima daripada peserta. Skop program juga boleh diluaskan bukan sahaja kepada syarikat produksi tetapi juga ibu bapa pelakon kanak-kanak ini memandangkan mereka juga berada dalam ekosistem Industri Kreatif. Seminar kepentingan pendidikan kepada pelakon kanak-kanak juga boleh dianjurkan dalam pembentukan modal insan yang lebih berdaya saing pada masa hadapan.

### **Pihak ibu bapa dan penjaga**

Kursus atau seminar berkenaan dengan pengurusan kewangan kepada ibu bapa atau penjaga wajar dijalankan. Ini bagi memberikan kesedaran kepada ibu bapa dan penjaga berkenaan dengan kaedah pengurusan kewangan yang berkesan demi memastikan kelangsungan hidup dan kewangan pelakon kanak-kanak dapat dilindungi. Bukan itu sahaja, satu modul pengurusan psikologi kanak-kanak dan pengurusan masa serta kewangan kepada pengurus atau ibu bapa dan penjaga pelakon ini juga turut dicadangkan. Modul latihan berkaitan dengan pengurusan kerjaya pelakon kanak-kanak dan orang muda serta pengurusan kewangan perlu disediakan bagi membantu ibu bapa dan penjaga yang menjadi pengurus kepada kanak-kanak dan orang muda ini. Satu garis panduan ringkas berkenaan dengan tanggungjawab pengurus juga wajar dibangunkan sekiranya perlu. Tanggungjawab pengurus juga perlu ditekankan di dalam bengkel yang diadakan.

Sekiranya cadangan untuk menetapkan permohonan lesen ini dipertanggungjawabkan kepada ibu bapa maka peserta mengesyorkan agar semua ibu bapa yang ingin memohon lesen ini diwajibkan untuk menghadiri kursus, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan pengajian

pelakon kanak-kanak dan orang muda. Kerjasama bersepadu antara FINAS dan JTKSM dalam membangunkan modul latihan ini adalah dirasakan perlu. Bukan itu sahaja, keperluan dalam menghadiri kursus, seminar atau bengkel ini boleh dijadikan sebagai syarat wajib sebelum sesuatu permohonan lesen.


### **Pihak pelakon kanak-kanak dan orang muda**

Satu bengkel penyediaan watak kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini sebagai persediaan sebelum menjalankan penggambaran dan bertujuan memberikan pendedahan awal dalam memegang sesuatu watak juga dicadangkan. Ini akan membantu kanak-kanak dan orang muda ini mengatasi perasaan trauma yang mungkin dihadapi oleh mereka sekiranya watak dan skrip tersebut diberikan secara serta-merta. Seterusnya, bengkel dan seminar yang sesuai berkenaan laluan kerjaya yang boleh diceburi oleh pelakon kanak-kanak dan orang muda ini apabila mereka meningkat dewasa juga boleh membantu pelakon kanak-kanak dan orang muda ini dalam merancang kerjaya mereka pada masa hadapan.

### **3.2.12.4 Pembangunan Pangkalan Data**

Pewujudan satu pangkalan data yang akan berfungsi sebagai rujukan kepada semua pihak termasuk FINAS, persatuan, syarikat produksi dan mana-mana agensi yang berkaitan juga dirasakan perlu oleh majoriti peserta FGD dan IDI. Pembangunan pangkalan data ini perlulah bersifat bersepadu bagi memastikan aplikasi yang dibangunkan ini mudah dicapai. Kewajipan dalam mendaftar sebagai ahli persatuan perlu dilaksanakan bagi membolehkan pengumpulan data dilakukan dengan mudah. Kegagalan dalam mendaftar sebagai ahli persatuan boleh menyebabkan seseorang pelakon itu tidak akan diambil untuk berlakon oleh syarikat produksi. Pangkalan data ini juga akan dapat membantu pihak KPM dalam mengenal pasti pelakon kanak-kanak dan orang muda yang keciciran dalam mendapatkan peluang pendidikan. Bukan itu sahaja, pangkalan data ini juga akan berfungsi sebagai sistem yang membolehkan permohonan pengecualian dan juga permohonan *home schooling* dibuat melalui dalam talian. Ini bagi memudahkan ibu bapa untuk melakukan permohonan. Sistem ini juga akan dapat membantu pihak KPM untuk mengawal selia dan menyimpan data permohonan untuk rujukan.

## REKOMENDASI DAN CADANGAN SESI FGD DAN IDI



### **3.3 RUMUSAN**

Bab ini telah membincangkan dapatan analisis berasaskan soalan soal selidik dan sesi perbincangan kumpulan berfokus yang telah dijalankan berkenaan dengan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama di Semenanjung Malaysia. Hasil daripada analisis kajian ini telah mendapati bahawa terdapat beberapa isu yang telah dikenal pasti selain daripada isu-isu yang dibangkitkan di dalam sesi perbincangan kumpulan berfokus oleh pihak kementerian / jabatan / agensi, persatuan majikan, persatuan seniman, kesatuan sekerja, ahli akademik, bekas pelakon dan pelakon kanak-kanak, syarikat penyiaran, syarikat produksi serta persatuan pengarah-pengarah filem di Malaysia. Bab seterusnya membincangkan berkenaan dengan isu-isu utama yang telah dikenal pasti berserta rekomendasi yang sesuai yang telah dicadangkan di dalam bab ini.



The background features a golden film strip curving across the top and two large, metallic film reels in the foreground. The overall color palette is warm, dominated by gold and brown tones, creating a cinematic and nostalgic atmosphere.

# **BAB 4**

# **ISU DAN**

# **REKOMENDASI**





## **BAB 4**

### **ISU DAN REKOMENDASI**

#### **4.0 PENDAHULUAN**

Bab ini mengandungi isu-isu dan rekomendasi hasil daripada analisis dan dapatan kajian. Isu-isu yang dibangkitkan adalah meliputi perundangan perburuhan, perlindungan sosial, pembangunan modal insan dan pengurusan data. Oleh yang demikian, kajian ini memfokuskan kepada enam (6) tumpuan strategik yang meliputi sebanyak 20 inisiatif dan 20 pelan tindakan yang bersesuaian. Cadangan ini memfokuskan kepada syarikat yang menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama, individu yang menguruskan pelakon kanak-kanak dan orang muda, pelakon kanak-kanak dan orang muda itu sendiri dan kementerian / jabatan / agensi yang berkaitan. Rekomendasi ini terpakai di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, rekomendasi ini turut boleh disesuaikan dengan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama di Sabah dan Sarawak.



## ENAM (6) TUMPUAN STRATEGIK

### **Tumpuan Strategik 1**

Memperkasakan Tahap Pematuhan dan Penguatkuasaan Penggajian Pelakon Kanak-Kanak dan Orang Muda

### **Tumpuan Strategik 2**

Menyebarkan Program Perlindungan Sosial Kepada Pelakon Kanak-Kanak dan Orang Muda

### **Tumpuan Strategik 3**

Memperkasakan Peranan Ibu Bapa / Penjaga / Individu Yang Dilantik oleh Ibu Bapa atau Penjaga Dalam Menguruskan Pelakon Kanak-Kanak dan Orang Muda

### **Tumpuan Strategik 4**

Menentukan Perwakilan untuk Mewakili Pelakon Kanak-Kanak dan Orang Muda

### **Tumpuan Strategik 5**

Memperkukuhkan Program Pembangunan Modal Insan Khusus Bagi Penggajian Pelakon Kanak-Kanak dan Orang Muda

### **Tumpuan Strategik 6**

Membangunkan Pangkalan Data Bersepadu bagi Perekodan Pelakon Kanak-Kanak dan Orang Muda

# Tumpuan Strategik 1

Memperkasakan Tahap Pematuhan dan Penguatkuasaan  
Penggajian Pelakon Kanak-Kanak dan Orang Muda

## Inisiatif 1.2

Melaksanakan program pendidikan perburuhan yang khusus kepada pihak yang terlibat dengan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama

## Inisiatif 1.1

Menyemak semula peruntukan di dalam Akta 350 yang melibatkan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam industri hiburan awam

## Inisiatif 1.3

Membangunkan satu garis panduan khusus bagi penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama

## Inisiatif 1.4

Meneliti kesesuaian untuk memasukkan maklumat ibu bapa / penjaga / individu yang dilantik oleh ibu bapa yang terlibat dalam penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama di dalam borang permohonan lesen hiburan awam (Borang AKOM 3)

## Inisiatif 1.6

Membangunkan satu sistem / aplikasi permohonan lesen secara dalam talian bagi memudahkan proses permohonan dan kelulusan lesen hiburan awam di bawah Akta 350

## Inisiatif 1.5

Menambah baik aktiviti penguatkuasaan yang berfokus kepada penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama

## Inisiatif 1.7

Mewujudkan kategori lesen mengikut jenis hiburan awam dan kesesuaian tempoh masa penggambaran yang dijalankan

# Tumpuan Strategik 1: Memperkasakan Tahap Pematuhan dan Penguatkuasaan Penggajian Pelakon Kanak-Kanak dan Orang Muda

## Isu 1.1

Kelemahan dalam pematuhan oleh syarikat yang menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda dan penguatkuasaan lesen hiburan awam

## Inisiatif 1.1

Menyemak semula peruntukan di dalam Akta 350 yang melibatkan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam industri hiburan awam




## RINGKASAN CADANGAN

Akta 350 ini telah dipinda sebanyak tiga (3) kali dan pindaan terakhir telah dikuatkuasakan pada 1 Disember 2019. Pindaan pada tahun 2019 ini bertujuan untuk memastikan perlindungan dan pengawalan penggajian kanak-kanak dan orang muda yang bekerja agar tidak didiskriminasi dan dieksploitasi. Pindaan ini adalah selaras dengan piawaian antarabangsa iaitu *Minimum Age Convention, 1973 (No.138)* dan *Worst Forms of Child Labour Convention, 1999 (No.182)*.

Penyertaan kanak-kanak dan orang muda sebagai pelakon dalam filem dan drama adalah berbekalkan bakat dan penghayatan watak yang hebat. Pembabitan mereka sebagai pelakon perlu diperkemaskan lagi dengan perundangan yang dapat melindungi hak dan kebajikan mereka dalam industri hiburan kreatif. Penelitian ke atas Akta 350 mendapati bahawa terdapat

beberapa peruntukan yang wajar disemak selari dengan perkembangan Industri Kreatif di Malaysia.

Peruntukan yang dicadangkan untuk disemak dan dibuat penambahbaikan di dalam Akta 350 ialah:



## **RASIONAL**


Definisi hiburan awam di dalam Subseksyen 1A(1), Akta 350 perlu diperjelaskan lagi skop yang termasuk di dalam kategori hiburan awam terutamanya kepada syarikat produksi yang terlibat dalam industri hiburan awam. Ini termasuklah aktiviti berkaitan Industri Kreatif yang semakin berkembang dan melibatkan pengajian kanak-kanak dan orang muda di dalam bidang lakonan drama, filem, teater, alih suara animasi, iklan, muzik dan juga nyanyian. Pihak Kerajaan telah menerbitkan Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN) yang boleh menjadi panduan kepada penggiat seni, para pemimpin dan rakyat dalam usaha memartabatkan seni budaya dan warisan negara. Terdapat tiga (3) kategori Industri Kreatif yang telah dinyatakan di dalam DIKN iaitu pertama ialah Industri Kreatif Multimedia yang merangkumi penerbitan filem dan TV, pengiklanan, seni reka dan animasi dan kandungan digital. Kategori kedua ialah Industri Kreatif Seni Budaya yang merangkumi kraf, seni visual, seni muzik, seni persembahan, penulisan kreatif dan fesyen dan tekstil. Kategori ketiga ialah Industri Kreatif Warisan Budaya yang berkaitan dengan warisan budaya di Malaysia. Semakan semula kepada definisi hiburan awam di dalam Akta 350 ini wajar merujuk kepada Dasar Industri Kreatif tetapi tidak menjejaskan maksud hiburan awam sebagaimana yang diliputi di dalam Akta 350.

Dalam memastikan syarikat atau majikan yang menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda mengikut **Subseksyen 7(1) Akta 350** membuat permohonan lesen hiburan awam maka adalah dicadangkan agar diteliti semula **format borang permohonan (Borang AKOM 3)** dan juga **format kelulusan lesen** berserta **syarat-syarat bersesuaian** dengan kategori hiburan awam yang disertai oleh kanak-kanak dan orang muda. Format borang dan kelulusan lesen sedia ada adalah lebih menjurus kepada pertunjukan / persembahan pentas dan ia berbeza dengan bidang lakonan dalam filem dan drama. Selain itu, dicadangkan untuk memasukkan **maklumat ibu bapa atau penjaga atau individu yang dilantik oleh ibu bapa** yang mengurus pelakon kanak-kanak dan orang muda di dalam **Borang AKOM 3**. Tujuan perkara ini adalah untuk memastikan maklumat ibu bapa atau penjaga atau individu yang dilantik dapat direkodkan. Maklumat dan data ini amat perlu dalam membentuk profil dan rujukan kepada agensi bagi merancang sesuatu program serta hala tuju kerjaya bagi pelakon kanak-kanak dan orang muda ini.

**Peraturan 5:** Lesen untuk menggaji kanak-kanak atau orang muda dalam hiburan awam yang dikeluarkan di bawah Subseksyen 7(1) Akta 350 hendaklah dibuat dalam format yang ditetapkan seperti dalam Peraturan 5 Peraturan (Pekerjaan) Kanak-kanak dan Orang Muda 1966. Semakan ke atas Peraturan 5 ini mendapati bahawa syarat-syarat yang sedia ada hanya menjurus kepada pertunjukan / pementasan pentas. Format tersebut menyatakan perkara seperti bilangan maksimum bagi pertunjukan dalam satu (1) hari atau satu (1) minggu untuk kanak-kanak atau orang muda tidak boleh mengambil bahagian dalam pertunjukan awam, tempoh masa pertunjukan, larangan daripada mengambil bahagian dalam pertunjukan yang berbahaya, keperluan melapor kepada Penolong Pengarah Tenaga Kerja atau Pengarah Tenaga Kerja Negeri apabila telah berhenti kerja dengan majikan sedia ada, memaklumkan kepada Penolong Pengarah Tenaga Kerja atau Pengarah Negeri apabila meninggalkan daerah atau negeri dan perlu memaklumkan destinasi seterusnya, perlu memaklumkan kepada Pejabat Tenaga Kerja ketibaannya dimana-mana daerah dan apa-apa syarat-syarat atau kenyataan lain. Oleh kerana pekerjaan sebagai pelakon adalah berbeza dengan pertunjukan / persembahan pentas, maka adalah wajar syarat-syarat di bawah Peraturan 5 ini dibuat penambahbaikan bersesuaian dengan pekerjaan kanak-kanak atau orang muda sebagai pelakon.



## PELAN TINDAKAN



### **Isu 1.2**

Kurangnya kesedaran dalam memahami keperluan pematuhan Akta 350 dan lain-lain akta yang berkaitan

### **Inisiatif 1.2**

Melaksanakan program pendidikan perburuhan yang khusus kepada pihak yang terlibat dengan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama



## **RINGKASAN CADANGAN**

Pendidikan perburuhan adalah satu kaedah yang berkesan dalam memastikan pihak-pihak yang terlibat dalam penggajian kanak-kanak dan orang muda mempunyai kesedaran dalam mematuhi undang-undang perburuhan dan pematuhan akta-akta lain yang berkaitan. Pihak-pihak yang terlibat seperti syarikat produksi, syarikat pengurusan dan pencarian bakat, ibu bapa dan penjaga adalah golongan sasar bagi program ini. Program pendidikan perburuhan berfokus ini wajar dilaksanakan secara kerjasama bersepadu di antara pihak berwajib seperti KSM, KPM, JTKSM, JKPP, PERKESO, KWSP, FINAS dan persatuan-persatuan yang boleh mewakili kumpulan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini.

Pengisian program yang dicadangkan adalah penerangan berkaitan perkara asas undang-undang perburuhan terutamanya pematuhan berkaitan Akta 350, Akta 514, Akta 265, Akta 550, Akta 789 dan Akta 452. Peserta perlu diberi penerangan berkaitan hubungan pekerja dan majikan, perbezaan kontrak perkhidmatan dan kontrak untuk perkhidmatan, waktu bekerja, bayaran upah, permohonan lesen hiburan awam dan juga tanggungjawab ibu bapa atau penjaga dalam mendapatkan tawaran berlakon bagi pihak anak-anak mereka. Penerangan mengenai kepentingan keselamatan semasa berlakon dan lokasi penggambaran yang berisiko serta mendedahkan pelakon kanak-kanak dan orang muda juga perlu disampaikan. Peserta juga perlu



diberi kesedaran berkaitan keperluan melaksanakan penilaian risiko sebelum, semasa dan selepas aktiviti penggambaran dilakukan.

Selain daripada penerangan berkaitan perundangan perburuhan, pihak-pihak yang terlibat dalam penggajian kanak-kanak dan orang muda juga perlu diberi penerangan mengenai aspek perlindungan sosial terutamanya dari segi caruman PERKESO, KWSP dan juga perlindungan insurans sebagai perlindungan tambahan. Topik mengenai hak kepada pendidikan juga perlu dimasukkan semasa sesi program pendidikan perburuhan. Ini adalah kerana ibu bapa atau penjaga, syarikat dan pelakon itu sendiri perlu diterangkan mengenai pematuhan Akta Pendidikan (Pindaan) 2002 seperti syarat-syarat pembelajaran pelakon kanak-kanak dan orang muda secara *homeschooling* serta kepentingan pendidikan bagi menjamin masa depan yang lebih cerah.



---

## **RASIONAL**

Program-program yang dilaksanakan perlulah dibuat secara kreatif dan berinformasi dalam menarik minat kumpulan sasar ini. Program pendidikan perburuhan berfokus ini boleh dilaksanakan melalui bengkel, ceramah perburuhan, sesi libat urus dan juga seminar. Selain itu, kerjasama juga boleh dibuat dengan stesen televisyen untuk mendapatkan slot promosi di dalam rancangan terbitan mereka. Mekanisme penyampaian maklumat pada masa kini bukan hanya tertumpu kepada media massa dan media cetak sahaja. Penggunaan media sosial seperti TikTok, Instagram, Youtube, Facebook dan Twitter juga merupakan medium terbaik dalam menyampaikan maklumat berkaitan undang-undang perburuhan serta promosi yang berkaitan secara lebih efektif.

Hasil daripada tinjauan survei menunjukkan sebanyak 73.13 peratus responden tidak mengetahui mengenai keperluan mendapatkan lesen hiburan awam daripada JTKSM sebelum menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda. Dapatan ini menunjukkan bahawa kurangnya kesedaran dalam kalangan syarikat industri filem dan drama terhadap pematuhan Subseksyen 7(1), Akta 350 ini. Hasil daripada tinjauan survei juga menunjukkan sebanyak

63.43 peratus responden bersetuju bahawa aktiviti pendidikan perburuhan perlu dipertingkatkan.

Peningkatan pengetahuan dan kesedaran mengenai pematuhan perundangan perburuhan dan pematuhan di dalam akta-akta lain yang berkaitan dapat mengurangkan pertikaian dan aduan, seterusnya dapat membantu perkembangan positif dalam Industri Kreatif di Malaysia. Program pendidikan perburuhan ini adalah satu wadah yang berkesan dalam memastikan pematuhan undang-undang perburuhan sebelum pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan yang lebih tegas seperti pendakwaan dilaksanakan oleh agensi berwajib.



# 73.13%

Responden tidak mengetahui mengenai keperluan mendapatkan lesen hiburan awam sebelum menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda

# 63.43%

Responden bersetuju bahawa aktiviti pendidikan perburuhan perlu dipertingkatkan



## PELAN TINDAKAN



### **Isu 1.3**

Tiada garis panduan yang jelas mengenai penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama

### **Inisiatif 1.3**

Membangunkan satu garis panduan khusus bagi penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama menurut Akta 350



## **RINGKASAN CADANGAN**

Garis panduan ini adalah bertujuan untuk menerang dan menjelaskan peruntukan setiap seksyen yang berkaitan dengan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda di dalam Akta 350 dan lain-lain akta yang berkaitan dengannya. Garis panduan ini akan menjadi rujukan yang jelas kepada pegawai dalam menjalankan tugas untuk menguatkuasa peruntukan-peruntukan di dalamnya. Selain itu, garis panduan ini juga boleh digunakan oleh syarikat, pelakon kanak-kanak dan orang muda, ibu bapa atau penjaga dan lain-lain pihak yang terlibat dalam filem dan drama supaya dapat memahami dengan cara yang lebih mudah berkaitan pematuhan Akta ini.

JTKSM perlu mengemaskini garis panduan sedia ada supaya lebih komprehensif agar menjadi satu dokumen yang boleh diguna pakai oleh pelbagai pihak yang berkepentingan. Garis panduan ini juga perlu mengandungi cara pelaksanaan bagi pematuhan peraturan di dalam Akta tersebut. Sebagai contoh, bagi menggajikan kanak-kanak dan orang muda di dalam industri hiburan awam memerlukan seseorang majikan untuk membuat permohonan lesen hiburan awam sebagai pematuhan kepada Subseksyen 7(1) Akta 350, maka di dalam garis panduan ini perlu diterangkan:



Siapa yang perlu membuat permohonan lesen hiburan awam



Bila permohonan lesen hiburan awam perlu dibuat



Dokumen-dokumen yang perlu disediakan



Tempoh masa bekerja bagi pelakon kanak-kanak dan orang muda termasuk waktu persekolahan jika kanak-kanak dan orang muda masih bersekolah



Keperluan *home schooling* jika perlu



Keselamatan di tempat pekerjaan



Pekerjaan yang dilarang kanak-kanak dan orang muda untuk bekerja



Kepentingan perlindungan sosial di bawah skim caruman sukarela di bawah PERKESO dan KWSP



Cara-cara untuk membuat permohonan, kadar caruman, pelan caruman dan faedah-faedah yang diperoleh daripada caruman tersebut



## RASIONAL

Hasil daripada tinjauan survei menunjukkan sebanyak 82.27 peratus syarikat bersetuju agar satu garis panduan khusus diwujudkan dalam penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda. Melalui tinjauan literatur mendapati bahawa terdapat satu garis panduan yang komprehensif iaitu *A Guide Child Performance Licensing 2020* yang telah dikeluarkan oleh *National Network for Children in Employment and Entertainment (NNCEE)*. Manual ini telah menyediakan tafsiran undang-undang berkaitan penggajian kanak-kanak dalam persembahan yang menyenaraikan Akta dan Peraturan sedia ada yang boleh dirujuk oleh pihak produksi, ibu bapa dan penjaga kanak-kanak yang terlibat dalam industri hiburan di United Kingdom.

NNCEE ini boleh menjadi rujukan dan penanda aras kepada JTKSM dalam membangunkan satu garis panduan yang komprehensif sebagai rujukan yang boleh dimanfaatkan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda di Semenanjung Malaysia.



## PELAN TINDAKAN

01



Mengenal pasti keperluan pembangunan garis panduan pengajian pelakon kanak-kanak dan orang muda.

02



Melaksanakan sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan bagi mendapatkan maklumat berkaitan pembangunan garis panduan pengajian pelakon kanak-kanak dan orang muda.

03



Menerbit dan menyebarkan garis panduan untuk digunakan sebagai panduan kepada kumpulan sasaran.

### **Isu 1.4**

Ketiadaan maklumat ibu bapa / penjaga / individu yang dilantik oleh ibu bapa atau penjaga di dalam borang permohonan lesen hiburan awam (Borang AKOM 3)

### **Inisiatif 1.4**

Meneliti kesesuaian untuk memasukkan maklumat ibu bapa / penjaga / individu yang dilantik oleh ibu bapa / penjaga yang terlibat dalam penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama di dalam borang permohonan lesen hiburan awam (Borang AKOM 3)



## **RINGKASAN CADANGAN**

Ibu bapa / penjaga / individu yang dilantik oleh ibu bapa adalah individu yang bertanggungjawab untuk menguruskan tawaran berlakon bagi anak-anak mereka. Ibu bapa berhak untuk menerima atau menolak tawaran berlakon yang ditawarkan berdasarkan kontrak, watak, bayaran lakonan, lokasi penggambaran dan perkara-perkara lain yang berkaitan. Mereka juga bertanggungjawab mengurus waktu persekolahan anak-anak mereka. Adalah dicadangkan bahawa peranan ibu bapa atau penjaga atau individu yang dilantik oleh ibu bapa ini sebagai pengurus dimasukkan sebagai individu yang bertanggungjawab dalam bersama-sama dengan syarikat semasa memohon lesen hiburan awam daripada JTKSM. Pada masa ini tanggungjawab untuk mendapatkan lesen hiburan awam daripada JTKSM adalah di bawah tanggungjawab syarikat. Semakan di dalam Akta 350 ada menyatakan dalam beberapa perkara mengenai ibu bapa atau penjaga pada:

1. Perenggan 2(2)(a) menyatakan berkaitan kanak-kanak dibenarkan bekerja ringan dalam perniagaan ibu bapa mereka.
2. Perenggan 2(3)(a) menyatakan bahawa orang muda dibenarkan bekerja di atas kapal di bawah kawalan ibu bapa atau penjaga.
3. Subseksyen 7(4) menyatakan ibu bapa boleh membuat rayuan terhadap keputusan Ketua Pengarah Tenaga Kerja dalam tempoh 14 hari kepada Menteri.
4. Subseksyen 7(5) menyatakan bahawa ibu bapa atau penjaga kepada kanak-kanak dan orang muda berhak untuk mendapatkan penjelasan bertulis daripada Ketua Pengarah Tenaga Kerja berkaitan sebab-sebab pembatalan atau penolakan permohonan lesen atau pengenaan syarat-syarat lesen.
5. Seksyen 14 menyatakan pihak yang melanggar peruntukan Akta 350, peraturan atau perintah termasuk ibu bapa atau penjaga kepada kanak-kanak atau orang muda boleh disabitkan kesalahan dan dikenakan hukuman.

Walaupun terdapat peranan ibu bapa di dalam Akta ini, namun maklumat mengenai ibu bapa atau penjaga atau individu yang dilantik oleh ibu bapa sebagai pengurus tidak dinyatakan di dalam borang permohonan lesen hiburan awam (Borang AKOM 3). Semakan ke atas borang permohonan lesen hiburan awam (Borang AKOM 3) menyatakan bahawa majikan perlu mengemukakan maklumat seperti berikut:

- a) Maklumat majikan
  - i. Nama majikan, no. kad pengenalan pengurus / penyelia, alamat majikan, no. telefon, alamat emel, no. faks dan pegawai yang boleh dihubungi;
  - ii. Jenis perusahaan dan pengeluaran; dan
  - iii. Jumlah tenaga pekerja sekarang.
- b) Maklumat mengenai permohonan
  - i. Hari dan masa pertunjukan dicadangkan;
  - ii. Lokasi pertunjukan;
  - iii. Maklumat kanak-kanak dan orang muda; dan
  - iv. Sebab permohonan.
- c) Perakuan majikan

Oleh kerana ibu bapa atau penjaga atau individu yang dilantik oleh ibu bapa yang bertanggungjawab sebagai pengurus anak-anak mereka, maka adalah wajar Borang AKOM 3 ini ditambah baik dengan memasukkan antara perkara-perkara berikut:

- a) Maklumat ibu bapa / penjaga / individu yang dilantik oleh ibu bapa sebagai pengurus;
- b) Tawaran lakonan yang diterima;
- c) Salinan kontrak; dan
- d) Maklumat persekolahan jika masih bersekolah.

Cadangan memasukkan maklumat ibu bapa / penjaga / individu yang dilantik oleh ibu bapa sebagai pengurus kepada anak-anak mereka ini adalah bagi memastikan mereka bertanggungjawab secara profesional dalam mengurus kerjaya anak-anak mereka sebagai seorang pelakon. Maklumat syarikat dan ibu bapa atau penjaga atau individu yang dilantik oleh ibu bapa adalah perlu bagi memastikan mereka sama-sama menjaga hak dan kebajikan kanak-kanak dan orang muda yang terlibat dalam filem dan drama. Selain itu, data atau maklumat yang direkodkan dapat digunakan oleh agensi bagi tujuan pemantauan, program promosi dan lain-lain yang berkaitan dengannya.




---

## RASIONAL


Hasil tinjauan literatur di California, Amerika Syarikat yang merupakan pusat perniagaan terbesar industri hiburan dan juga dikenali sebagai *Home of Oscars*, penggajian kanak-kanak di negara ini adalah tertakluk di bawah *Child Labour Laws 2003*. Prosedur permohonan permit hiburan awam dilakukan oleh syarikat dengan mengisi Borang Permohonan Kebenaran Bekerja Dalam Industri Hiburan yang boleh didapati secara terus di mana-mana *Division of Labour Standards Enforcement* atau dimuat turun secara dalam talian. Selain syarikat, ibu bapa atau penjaga juga turut terlibat dalam permohonan lesen ini di mana mereka perlu melengkapkan semua maklumat yang berkaitan dalam borang permohonan, dicetak dan ditandatangani. Ibu bapa atau penjaga juga perlu mengemukakan salah satu dokumen seperti sijil kelahiran, sijil pembaptisan, surat perakuan hospital tempat minor dilahirkan atau pemilik pasport minor sekiranya anak-anak mereka bukan berada dalam umur persekolahan iaitu tadika dan ke bawah.



Hasil dapatan survei menunjukkan bahawa sebanyak 59.28 peratus kontrak pelakon ditandatangani oleh ibu bapa atau penjaga kepada kanak-kanak dan orang muda ini. Selain itu, dapatan survei juga menunjukkan bahawa ibu (50.42%), bapa (18.84%) dan penjaga (14.40%) adalah individu yang menerima pembayaran lakonan bagi pihak pelakon kanak-kanak dan orang muda. Oleh yang demikian maka wajarlah maklumat ibu bapa / penjaga / individu yang dilantik oleh ibu bapa ini diambil sebagai satu maklumat yang perlu semasa permohonan lesen dibuat oleh majikan. Maklumat ini juga boleh menjadi satu unsur kawalan dalam memastikan mereka tidak menganiayai dan mengeksploitasi anak-anak mereka sebagai sumber pendapatan keluarga.



## PELAN TINDAKAN



### **Isu 1.5**

Kelemahan penguatkuasaan yang khusus oleh agensi berwajib bagi penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda

### **Inisiatif 1.5**

Menambah baik aktiviti penguatkuasaan yang berfokus kepada penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama



## **RINGKASAN CADANGAN**

Aktiviti penguatkuasaan sedia ada yang dilaksanakan oleh agensi berwajib perlu dipertingkatkan dalam memastikan syarikat mematuhi undang-undang perburuhan yang dikuatkuasakan. Bagi menguatkuasakan Akta 350, aktiviti penguatkuasaan adalah dilaksanakan melalui pemeriksaan berkanun dan tindakan pendakwaan. Akta ini juga telah menyatakan bahawa mana-mana syarikat yang ingin menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda perlu memohon lesen daripada Ketua Pengarah Tenaga Kerja seperti mana diperuntukkan di dalam Subseksyen 7(1) Akta ini. Ketua Pengarah Tenaga Kerja boleh mengenakan syarat-syarat tertentu di dalam kebenaran lesen yang diberikan. Kegagalan syarikat mematuhi peraturan boleh dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman dengan penalti bagi kesalahan pertama iaitu penjara tidak melebihi dua (2) tahun atau denda tidak melebihi RM50,000.00 atau kedua-duanya sekali. Bagi setiap kesalahan seterusnya adalah penjara tidak melebihi lima (5) tahun atau denda tidak melebihi RM100,000.00 atau kedua-duanya menurut Subseksyen 14(1) Akta 350 ini.

Rata-rata syarikat yang ditemu bual semasa sesi FGD dan IDI menyatakan bahawa tiada agensi berwajib yang hadir membuat pemeriksaan berkanun ke atas operasi syarikat mereka bagi tujuan pemeriksaan ke atas penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda. Kelemahan aktiviti penguatkuasaan ini dapat membuka ruang kepada pihak yang tidak bertanggungjawab

dalam mengabaikan perlindungan, hak dan kebajikan kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini.

Bagi mengatasi isu ini pihak JTKSM perlu meningkatkan penguatkuasaan yang berfokus kepada penggajian kanak-kanak dan orang muda dalam hiburan awam terutama filem dan drama. Penguatkuasaan yang tegas perlu dilaksanakan dalam memastikan majikan bukan sahaja mematuhi peruntukan Akta 350 tetapi juga Akta 265. Pemeriksaan mengejut di lokasi penggambaran dapat mengenal pasti majikan yang tidak memohon lesen hiburan awam dalam menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda mereka.

Penguatkuasaan dalam aspek perlindungan sosial juga perlu dipertingkatkan terutamanya caruman sukarela di bawah skim SKSPS (Akta 789) dan skim i-Saraan di bawah KWSP. Selain itu, pihak KPM juga perlu meningkatkan penguatkuasaan Akta Pendidikan (Pindaan) 2002 bagi memastikan ibu bapa atau penjaga yang tidak menghantar anak mereka ke sekolah untuk memohon kebenaran *homeschooling* dalam memastikan anak-anak mereka tidak tercicir dalam pendidikan.

Penguatkuasaan di pihak JKPP juga boleh dibuat ke atas syarikat produksi yang mempunyai lima (5) atau lebih pekerja di tempat kerjanya terutama berkaitan pelantikan Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH Coordinator) bagi menyelaras isu-isu berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

Kesemua agensi berwajib yang terlibat dalam penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda seperti KSM, KPM, JTKSM, JKPP, PERKESO, KWSP dan FINAS boleh memperkasakan aktiviti penguatkuasaan ini dengan mengadakan pemeriksaan secara bersepadu dalam menguatkuasakan Akta masing-masing.



---

## **RASIONAL**

Perkembangan yang semakin pesat dalam Industri Kreatif di Malaysia telah membuka peluang pekerjaan sebagai pelakon filem dan drama kepada kanak-kanak dan orang muda. Oleh yang

demikian, sewajarnya agensi berwajib perlu memperkasakan pasukan penguatkuasa yang memfokuskan kepada penggajian kanak-kanak dan orang muda dalam Industri Kreatif. Walaupun tiada isu yang serius dilaporkan buat masa ini tetapi langkah pengawalan dan pencegahan perlu dilakukan. Pihak agensi juga perlu menilai keberkesanan pemakaian dan pematuhan Akta sedia ada dalam kalangan syarikat. Pemeriksaan berkanun dilihat sebagai aktiviti yang paling berkesan dalam meningkatkan *preventive action* dan *corrective action* dalam kalangan syarikat terhadap pematuhan Akta ini.


Dalam memantapkan aktiviti penguatkuasaan, kapasiti pasukan penguatkuasaan juga perlu ditambah memandangkan agensi mempunyai bebanan kerja yang tinggi dalam menguatkuasakan undang-undang perburuhan. Selain kapasiti daripada segi bilangan pegawai, adalah dicadangkan agensi mempunyai pasukan penguatkuasaan yang terlatih dalam menjalankan operasi pemeriksaan, pendakwaan dan juga mengendalikan aduan atau kes buruh yang berbangkit daripada penguatkuasaan Akta ini. Hasil dapatan survei menunjukkan tahap pematuhan yang rendah dalam kalangan syarikat yang menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda. Dapatan survei menunjukkan sebanyak 73.13 peratus syarikat tidak mengetahui mengenai keperluan mendapatkan lesen hiburan awam bagi penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda daripada pihak JTKSM. Dapatan kajian seterusnya menunjukkan sebanyak 52.91 peratus syarikat tidak pernah memohon lesen manakala sebanyak 47.09 peratus syarikat tidak pasti sama ada pernah memohon lesen atau tidak. Dapatan survei ini disokong dengan kenyataan oleh wakil JTKSM semasa sesi FGD. Peserta memaklumkan bahawa sehingga kini pihak JTKSM tidak menerima sebarang permohonan lesen daripada syarikat-syarikat produksi sama ada bagi aktiviti filem mahupun drama.

Pandangan peserta di dalam FGD juga menyarankan agar pihak JTKSM bekerjasama dengan pihak FINAS supaya setiap syarikat produksi yang ingin memohon sama ada geran, lesen atau SPP juga perlu mengemukakan lesen hiburan awam daripada JTKSM jika melibatkan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam produksi mereka. Ini adalah antara usaha yang boleh meningkatkan lagi kesedaran dalam kalangan syarikat produksi untuk memohon lesen hiburan awam.

Selain penguatkuasaan bagi Akta 350, pihak-pihak yang terlibat dalam penguatkuasaan bagi perlindungan sosial seperti PERKESO dan KWSP juga perlu mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan Akta mereka. Melalui sesi FGD, pihak PERKESO memaklumkan bahawa

caruman di bawah SKSPS masih bersifat caruman secara sukarela dan sehingga kini masih tiada permohonan yang diterima daripada kumpulan pelakon kanak-kanak dan orang muda yang mencarum di bawah SKSPS ini. Peserta dari KWSP turut memaklumkan bahawa sehingga kini terdapat dua (2) orang pencarum yang mencarum di bawah i-Saraan bagi kategori penggiat seni.

Bagi membendung masalah keciciran dalam pembelajaran maka pihak KPM perlu meningkatkan aktiviti penguatkuasaan bagi memastikan ibu bapa atau penjaga seseorang pelakon kanak-kanak dan orang muda mematuhi prosedur persekolahan di rumah (homeschooling). Hasil dapatan survei menunjukkan bahawa sebanyak 3.60 peratus majikan bersetuju bahawa pelakon kanak-kanak dan orang muda terdedah kepada keciciran dalam pembelajaran. Walaupun peratusan tersebut agak kecil tetapi perlu diambil perhatian sewajarnya oleh pihak yang berkuasa agar peratusan ini tidak terus meningkat pada masa hadapan.




**73.13%**

syarikat tidak mengetahui mengenai keperluan mendapatkan lesen hiburan awam bagi pengajian pelakon kanak-kanak dan orang muda daripada pihak JTKSM



**52.91%**

tahap pematuhan yang rendah kerana syarikat tidak pernah memohon lesen



**47.09%**

tidak pasti sama ada pernah memohon lesen atau tidak



## PELAN TINDAKAN



Menetapkan sasaran kerja bagi setiap aktiviti penguatkuasaan.

1

2



Menyemak semula dan membuat penambahbaikan kepada Standard Minimum Prosedur (SOP) bagi aktiviti pemeriksaan, aduan, kes buruh dan pendakwaan sebagai panduan kepada pegawai yang menjalankan penguatkuasaan.




Meningkatkan kompetensi pegawai dengan menyediakan latihan-latihan yang khusus yang memfokuskan kepada undang-undang yang dikuatkuasakan.

3

4



Memohon penambahan bilangan pegawai bagi menguatkuasa akta-akta yang berkaitan pengajian pelakon kanak-kanak dan orang muda.



## RINGKASAN CADANGAN

Perkembangan teknologi pendigitalan perlu dimanfaatkan dalam menyampaikan perkhidmatan yang lebih cekap kepada para majikan. Selari dengan perkembangan ini pengurusan aktiviti secara manual boleh dikurangkan dengan membangunkan sistem atau aplikasi permohonan lesen hiburan awam secara dalam talian. Kemudahan perkhidmatan sistem dalam talian atau aplikasi ini akan memudahkan urusan syarikat untuk membuat permohonan lesen hiburan awam terutamanya dalam filem dan drama. Mereka tidak perlu lagi pergi ke kaunter bagi urusan permohonan dan semua aktiviti permohonan serta kelulusan lesen boleh dibuat secara dalam talian.

Sistem ataupun aplikasi yang dibangunkan perlulah mempunyai *dashboard* yang memaparkan menu seperti:

- a) Permohonan;
- b) Senarai kelulusan;
- c) Pelaporan; dan
- d) Lain-lain perkara yang berkaitan.

Modul permohonan lesen ini juga perlu mempunyai medan pengesahan bahawa pemohon telah menghadiri seminar, atau kursus yang berkaitan penggajian kanak-kanak dan orang muda sebagai syarat wajib sebelum sesuatu permohonan lesen diluluskan.



## RASIONAL

Hasil dapatan survei mendapati bahawa sebanyak 52.91 peratus responden yang menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda tidak pernah membuat permohonan lesen hiburan awam dan sebanyak 47.09 peratus tidak pasti sama ada pernah memohon atau tidak. Dapatan ini perlu diambil serius memandangkan kebanyakan syarikat didapati tidak mematuhi peruntukan Subseksyen 7(1) Akta 350.

Agensi berwajib perlu mengenal pasti kelemahan sistem sedia ada yang tidak mendorong syarikat untuk membuat permohonan ini. Rasional kepada cadangan pembangunan sistem atau aplikasi ini adalah untuk meningkatkan inovasi dan kreativiti agensi dalam menambah baik perkhidmatan sedia ada kepada perkhidmatan digital. Selain memudahkan urusan syarikat dalam melakukan permohonan serta semakan kelulusan, pihak agensi juga dapat mengurus semua data dengan mudah selamat dan lebih sistematik.

Cadangan menu permohonan lesen di dalam sistem atau aplikasi yang dibangunkan ini perlu mengikut kategori hiburan awam seperti:

- a) filem dan drama,
- b) pertunjukan pentas seperti teater / wayang cina / opera cina;
- c) program hiburan televisyen; dan
- d) dan lain-lain aktiviti yang berkaitan dengan definisi hiburan awam.

Hasil dapatan survei mendapati bahawa 89.20 peratus setuju permohonan lesen dibuat dalam talian. Selain itu pandangan peserta semasa sesi IDI juga bersetuju bahawa permohonan lesen hiburan awam wajar dilaksanakan secara dalam talian.

**89.20%**  
setuju permohonan lesen dibuat  
dalam talian



Inisiatif pembangunan sistem atau aplikasi permohonan lesen dalam talian adalah bagi memudahkan syarikat produksi memohon lesen hiburan awam. Mereka tidak perlu lagi hadir secara fizikal ke pejabat Kerajaan untuk permohonan lesen. Segala-galanya akan menjadi lebih mudah dengan teknologi di hujung jari serta boleh diakses di mana juga. Pada masa sama, operasi di perkhidmatan kaunter boleh dikurangkan dan kakitangan sedia ada boleh ditempatkan untuk melaksanakan tugas lebih memerlukan. Pihak agensi juga dapat menguruskan dokumen permohonan dan kelulusan dengan lebih cekap dan sistematik. Selain itu, agensi mempunyai pangkalan data maklumat syarikat, pelakon dan ibu bapa atau penjaga yang terlibat dalam penggajian kanak-kanak dan orang muda dalam bidang filem dan drama. Data ini akan memudahkan pihak agensi melakukan aktiviti pemeriksaan, penguatkuasaan dan juga program promosi serta pendidikan perburuhan kepada kumpulan sasaran.



## PELAN TINDAKAN



### **Isu 1.7**

Proses permohonan lesen dan kelulusan lesen yang diberikan adalah sama bagi semua syarikat produksi

### **Inisiatif 1.7**

Mewujudkan kategori lesen mengikut jenis hiburan awam dan kesesuaian tempoh masa penggambaran yang dijalankan



## **RINGKASAN CADANGAN**

Hasil tinjauan literatur dan pandangan peserta semasa sesi FGD dan IDI mendapati bahawa lesen hiburan awam yang dikeluarkan oleh pihak JTKSM adalah dicadangkan penambahbaikan kepada perkara berikut:

1. Lesen dikeluarkan mengikut jenis hiburan awam seperti drama, filem, iklan, nyanyian, persembahan teater, wayang gambar, opera serta lain-lain yang berkaitan dengannya.
2. Lesen dikeluarkan mengikut tempoh masa penggambaran lakonan yang melibatkan penyertaan kanak-kanak dan orang muda.
3. Syarat-syarat lesen seperti di Peraturan 5 Akta 350 diteliti semula agar bersesuaian dengan penglibatan kanak-kanak dan orang muda mengikut jenis hiburan awam.

Penambahbaikan borang permohonan lesen hiburan awam (Borang AKOM 3) adalah penting memandangkan penglibatan meluas kanak-kanak dan orang muda dalam industri hiburan awam pada masa kini semakin berkembang kepada bidang filem dan drama. Borang yang lebih spesifik mengikut jenis hiburan awam adalah wajar dilaksanakan. Semakan mendapati borang ini lebih kepada persembahan dan pertunjukan pentas yang disertai oleh kanak-kanak dan orang muda. Sifat pekerjaan (nature of work) bagi seorang pelakon adalah berbeza dengan

keadaan kerja seseorang kanak-kanak yang terlibat dalam pertunjukan / persembahan hiburan di atas pentas.

Syarat-syarat pemberian lesen hiburan awam juga perlu dikemaskini semula mengikut jenis hiburan awam yang disertai oleh kanak-kanak dan orang muda. Syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Subseksyen 7(1) - Peraturan 5 Akta 350 adalah merujuk kepada sesuatu pertunjukan atau persembahan hiburan awam yang disertai oleh kanak-kanak dan orang muda. Ini berbeza dengan pekerjaan sebagai pelakon di mana kanak-kanak dan orang muda ini perlu berada di lokasi penggambaran dalam tempoh masa yang ditetapkan di dalam kontrak dan juga jadual lakonan.

Selain borang permohonan yang perlu ditambah baik, lesen yang dikeluarkan kepada setiap kanak-kanak dan orang muda yang terlibat juga perlu diberikan mengikut kesesuaian tempoh masa penggambaran yang dijalankan dan juga jenis-jenis hiburan awam yang disertainya.



---

## **RASIONAL**

Tinjauan literatur dengan California, Amerika Syarikat mendapati bahawa amalan mereka dalam memproses permohonan permit hiburan awam adalah mengikut kategori berikut:

- a) Permit Sementara Individu selama 10 hari;
- b) Permit Individu selama enam (6) bulan;
- c) Permit Menggajikan Kumpulan Minor; dan
- d) Permit Keseluruhan.

Di Hong Kong pula majikan yang berhasrat untuk menggaji penghibur kanak-kanak hendaklah memohon kepada Pesuruhjaya secara bertulis sebelum pekerjaan dimulakan. Prosedur permohonan adalah mengikut kategori yang ditetapkan iaitu:

- a) Artis tambahan: borang permohonan hendaklah sampai ke Jabatan Buruh sekurang-kurangnya 48 jam sebelum tempoh mula bekerja. Permohonan perlu diserahkan bersama-sama skrip atau jalan cerita;
- b) Artis kontrak / pekerja bebas: permohonan perlu dibuat bersama-sama dengan skrip atau jalan cerita sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tempoh bekerja.

Pandangan daripada peserta FGD dan IDI turut menyatakan bahawa setiap syarikat produksi mempunyai tempoh penggambaran yang berbeza mengikut projek yang dijalankan. Terdapat syarikat yang hanya melakukan penggambaran yang melibatkan pelakon kanak-kanak dan orang muda yang mengambil masa tiga (3) hari sahaja dan terdapat juga penggambaran yang melebihi sebulan. Oleh yang demikian, JTKSM perlu melihat kaedah terbaik dalam prosedur permohonan dan kelulusan lesen ini.

Cadangan ini adalah mencari kaedah terbaik dalam memastikan syarikat produksi mematuhi Akta 350 dan meningkatkan pematuhan undang-undang dalam kalangan majikan di dalam Industri Kreatif.



## PELAN TINDAKAN

**1** Membuat terma rujukan penubuhan pasukan semakan bagi borang permohonan dan lesen yang dikeluarkan.



Mengenal pasti jenis-jenis hiburan awam.



**2**

**3** Melantik keahlian pasukan yang akan bertanggungjawab dalam meneliti dan mengenal pasti keperluan semakan menurut Akta dan Peraturan di bawahnya.



Membuat penandaarasan dengan negara luar bagi melihat amalan terbaik yang telah dilaksanakan.



**4**

**5** Mengadakan sesi libat urus dengan pemegang taruh dalam mendapatkan input dan pandangan.



Membuat laporan dan maklum balas sesi libat urus.



**6**

**7** Membentangkan syor dan justifikasi perkara yang dicadangkan untuk pindaan di dalam Akta 350 dan Peraturan di bawahnya kepada pengurusan tertinggi.



Menyediakan Memorandum Jemaah Menteri untuk cadangan pindaan Akta 350.



**8**

## Tumpuan Strategik 2

Menyebarkan Program Perlindungan Sosial Kepada  
Pelakon Kanak-Kanak dan Orang Muda

### Inisiatif 2.1

Menyemak semula pelan caruman PERKESO dan KWSP yang bersesuaian untuk pelakon kanak-kanak dan orang muda.

### Inisiatif 2.2

Menggalakkan syarikat produksi untuk menawarkan perlindungan insurans kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda.

### Inisiatif 2.3

Membangunkan Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi pelakon kanak-kanak dan orang muda.

### Inisiatif 2.4

Mewajibkan penubuhan akaun amanah atau simpanan atau yang setara bagi pelakon kanak-kanak dan orang muda.

### Inisiatif 2.5

Melaksanakan pendaftaran secara automatik (auto registration) kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda yang layak mencarum dengan PERKESO dan KWSP.

## Tumpuan Strategik 2: Menyebarkan Program Perlindungan Sosial Kepada Pelakon Kanak-Kanak dan Orang Muda

### Isu 2.1

Pelan perlindungan yang bersesuaian khusus kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama

### Inisiatif 2.1

Menyemak semula pelan caruman PERKESO dan KWSP yang bersesuaian untuk pelakon kanak-kanak dan orang muda



### RINGKASAN CADANGAN

Bagi memastikan pelakon kanak-kanak dan orang muda turut mendapat perlindungan sosial yang sewajarnya maka pelan perlindungan sosial yang bersesuaian dengan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini wajar disediakan. Walaupun pihak PERKESO dan KWSP telah menyediakan pelan perlindungan sosial kepada pekerja-pekerja yang bekerja sendiri namun pasukan kajian berpandangan ia perlu disemak dan ditambah baik bagi memastikan kumpulan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini boleh turut sama mencarum. Sebagai contoh pada masa ini, KWSP telah menetapkan bahawa umur pencarum ialah 14 tahun dan ke atas sebagaimana yang termaktub di dalam Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991. Ini bermakna pelakon kanak-kanak yang berumur kurang daripada 14 tahun adalah **tidak layak** untuk mencarum.


Antara perkara yang perlu diambil kira termasuklah pemilihan skim perlindungan yang sesuai kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini, had umur minimum caruman, manfaat caruman dan kadar minimum caruman yang perlu dibuat. Pelan perlindungan sosial ini perlu mengambil kira seawal usia penglibatan pelakon kanak-kanak dan orang muda di dalam filem dan drama. Mekanisme caruman yang sesuai dan fleksibel dengan jenis pekerjaan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini juga perlu diperhalusi.

Selain itu, kewajipan untuk mencarum juga perlu dilaksanakan dan dikuatkuasakan terhadap pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Kewajipan dalam melakukan caruman bertujuan untuk memastikan syarikat akan lebih bertanggungjawab dalam menjaga kebajikan sosial pelakon kanak-kanak dan orang muda ini sepanjang penggambaran dijalankan. Kewajaran dalam memasukkan kewajipan syarikat untuk mencarum di dalam kontrak pekerjaan yang ditawarkan kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini dilihat sebagai satu langkah permulaan yang boleh dilaksanakan.



## RASIONAL

Walaupun dapatan kajian menunjukkan tiga (3) kumpulan umur tertinggi kanak-kanak dan orang muda yang terlibat sebagai pelakon filem dan drama adalah di antara yang berumur 5 tahun hingga 17 tahun 11 bulan namun terdapat juga syarikat yang menggajikan pelakon kanak-kanak ini seawal usia satu bulan. Oleh yang demikian, bagi memastikan pelan perlindungan sosial ini meliputi semua peringkat usia maka PERKESO dan juga KWSP perlu memastikan pelan perlindungan yang disediakan ini bersifat menyeluruh dan sesuai bagi semua peringkat umur.







## PELAN TINDAKAN

Melaksanakan sesi libat urus dengan pihak yang berkepentingan dalam menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda di Semenanjung Malaysia bagi mendapatkan maklumat berkenaan dengan skop dan jenis perlindungan sosial yang sesuai yang boleh ditawarkan dan cadangan mewajibkan caruman ini kepada semua pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama di Semenanjung Malaysia.

1



2

Melakukan semakan dan penambahbaikan terhadap skim perlindungan sosial yang sedia ada untuk disesuaikan dengan pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama.

Melakukan projek rintis berkenaan dengan kebolehlaksanaan skim perlindungan sosial terhadap pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama.

3



4

Melakukan penilaian terhadap dapatan dan maklum balas daripada pihak yang terlibat dalam pelaksanaan projek rintis yang dijalankan.

Mengesyorkan skim perlindungan yang terbaik kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama.

5



6

Menjadikan caruman PERKESO dan KWSP sebagai salah satu syarat wajib bagi mendapatkan kelulusan lesen bagi hiburan awam kepada syarikat produksi.

### Isu 2.2

Tiada perlindungan insurans diberikan kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam melindungi mereka jika berlaku kecelakaan

### Inisiatif 2.2

Menggalakkan syarikat produksi untuk menawarkan perlindungan insurans kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda



---

## RINGKASAN CADANGAN

Alternatif lain yang boleh dibuat oleh syarikat produksi bagi memastikan tahap perlindungan sosial pelakon kanak-kanak dan orang muda ini berada di tahap yang terbaik adalah dengan menyediakan perlindungan insurans yang sesuai kepada mereka. Hasil daripada sesi FGD mendapati bahawa terdapat juga pelakon kanak-kanak dan orang muda ini mempunyai insurans mereka sendiri. Ini termasuklah insurans berkelompok apabila pelakon kanak-kanak dan orang muda ini menyertai mana-mana persatuan yang berdaftar.

Walau bagaimanapun, keperluan untuk menyediakan insurans tambahan ini dirasakan **wajar dilakukan** bagi syarikat produksi yang menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Tawaran perlindungan insurans perlu dimasukkan ke dalam kontrak pekerjaan yang ditawarkan kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini untuk memberikan peluang kepada mereka sama ada memilih untuk mendapatkan perlindungan insurans tambahan atau sebaliknya. Jabatan yang terlibat juga perlu melakukan pelarasan terhadap maklumat yang perlu dimasukkan di dalam kontrak pekerjaan bagi kategori jenis perlindungan sosial yang disediakan untuk dijadikan rujukan kepada syarikat yang menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini.



## RASIONAL

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak 47.92 peratus syarikat menyediakan polisi insurans kemalangan manakala sebanyak 46.26 peratus syarikat tidak menyediakan polisi insurans kemalangan kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Penyediaan perlindungan insurans tambahan seperti insurans kemalangan dirasakan perlu memandangkan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini mudah terdedah kepada risiko persekitaran yang berbahaya berbeza dengan pelakon dewasa. Ketahanan fizikal dan mental juga perlu diambil kira.



**47.92%**

Peratusan syarikat yang menyediakan polisi insurans kemalangan




**46.26%**

Peratusan syarikat yang tidak menyediakan polisi insurans kemalangan



## PELAN TINDAKAN



### **Isu 2.3**

Tiada garis panduan khusus berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda

### **Inisiatif 2.3**

Membangunkan Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi pelakon kanak-kanak dan orang muda



## **RINGKASAN CADANGAN**

“I can’t define what a stunt is, but I know one when see it”

(Stunt person - SAG AFTRA)

Aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam konteks pelakon kanak-kanak dan orang muda juga perlu diambil kira. Keputusan untuk menentukan sama ada lokasi atau aktiviti sesuatu penggambaran itu selamat atau tidak bukanlah terletak pada keputusan sebelah pihak sahaja. Penentuan tahap keselamatan dan kesihatan yang sesuai bagi pelakon kanak-kanak dan orang muda perlu ditentu dan disahkan oleh pihak yang diiktiraf. Walaupun sehingga kini belum ada peruntukan khusus berkenaan dengan pekerja kanak-kanak dan orang muda di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514] namun terdapat satu peruntukan baharu yang dijangka dikuatkuasakan pada akhir tahun 2023 di bawah pindaan Akta 514 pada tahun 2022 mewajibkan semua majikan yang menggajikan lebih daripada lima (5) orang pekerja perlu melantik seorang Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH Coordinator). Ini bermakna peruntukan ini juga terpakai kepada syarikat produksi yang menjalankan penggambaran sesuatu filem dan drama.




## RASIONAL

Pembangunan satu garis panduan khusus wajar dilaksanakan bagi pelakon kanak-kanak dan orang muda di Semenanjung Malaysia. Perkara-perkara yang boleh diambil kira di dalam pembangunan garis panduan ini termasuklah yang berkaitan dengan tanggungjawab syarikat produksi dan pengurus pelakon kanak-kanak dan orang muda ini dalam memastikan persekitaran lokasi sesuatu penggambaran yang dijalankan adalah selamat. Bukan itu sahaja, watak dan babak yang dilakonkan perlu juga diambil kira agar tiada kesan terhadap emosi pelakon kanak-kanak dan orang muda tersebut selepas penggambaran dilakukan. Hak untuk bersuara turut perlu diberikan perhatian sekiranya pelakon kanak-kanak dan orang muda ini merasakan babak yang diberikan adalah merbahaya dan mengancam keselamatan dan kesihatan mereka.

Keperluan syarikat produksi dalam menyediakan peti kecemasan dan pelan keselamatan yang sesuai sekiranya berlaku kemalangan terhadap pelakon kanak-kanak dan orang muda juga perlu dimasukkan ke dalam garis panduan ini. Seterusnya garis panduan ini juga perlu menyatakan dengan jelas pihak-pihak yang terlibat dan tanggungjawab mereka di dalam menjamin keselamatan lokasi dan babak yang dilakonkan. Sebagai contoh, tanggungjawab syarikat produksi dalam melantik Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH Coordinator) serta tugas yang perlu dijalankan oleh individu tersebut termasuklah tanggungjawab dalam melakukan penilaian risiko ke atas lokasi dan babak.

Ini penting untuk memastikan hak perlindungan keselamatan dan kesihatan pelakon kanak-kanak dan orang muda tidak diabaikan.



Larangan pekerjaan yang tidak selamat kepada kanak-kanak dan orang muda telah diperuntukkan di bawah Jadual 4 dan Jadual 5 Akta Kanak-Kanak Dan Orang Muda (Pekerjaan) Akta 1966 [Akta 350].

**Peruntukan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan  
Pekerjaan 1994 [Akta 514]**



**Perenggan 15(2)(e)**

Kewajipan majikan untuk mengadakan dan menyenggara persekitaran pekerjaan bagi pekerja-pekerjanya tanpa risiko kepada kesihatan termasuk kemudahan bagi kebajikan pekerjaanya

**Seksyen 18B**

Kewajipan majikan untuk menjalankan pentaksiran risiko bagi semua aktiviti kerja di tempat kerja

**Seksyen 29A**

Pelantikan Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (KKP) oleh majikan bagi menyelaras isu-isu KKP di tempat kerja




### **Kelulusan Pelesenan bagi Pementasan Peter Pan di United Kingdom**

Peter Pan ialah satu pementasan pantomim yang mempunyai babak yang memerlukan pelakon kanak-kanak terbang sepanjang pementasan dijalankan. Oleh itu, syarikat perlu mendapatkan lesen daripada pihak berkuasa tempatan kerana babak ini melibatkan pelakon kanak-kanak di bawah umur 12 tahun. Bagi memastikan jaminan keselamatan dan kesihatan pelakon kanak-kanak tersebut maka syarikat produksi telah melantik **syarikat pakar** bagi melakukan penilaian risiko dalam hal ini.

Hasil daripada penilaian risiko tersebut maka terdapat beberapa pendekatan yang telah dicadangkan. Ini termasuklah pengukuran beban yang akan ditarik oleh kabel ke atas pelakon kanak-kanak tersebut bagi memastikan keselamatan dan keseimbangan. Pihak Jabatan Kesihatan dan Keselamatan turut dihubungi berkenaan dengan pendekatan yang akan dilaksanakan bagi mendapatkan persetujuan. Selain itu, syarikat produksi turut mendapatkan kebenaran ibu bapa dan memaklumkan berkenaan dengan margin keselamatan untuk kepuasan hati mereka. Selepas mendapatkan persetujuan maka pemasangan peralatan dibuat, diuji dan kru pentas yang terlibat dilatih menggunakan abah-abah. Proses ini dilakukan dengan kehadiran Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan yang telah dilantik.



## PELAN TINDAKAN



### **Isu 2.4**

Jaminan kewangan dan masa hadapan yang lebih terjamin dan dilindungi kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda

### **Inisiatif 2.4**

Mewajibkan penubuhan akaun amanah atau simpanan atau yang setara bagi pelakon kanak-kanak dan orang muda



---

## **RINGKASAN CADANGAN**

Penubuhan akaun amanah atau simpanan atau yang setara dengannya adalah perlu bagi menjamin kelangsungan hidup pelakon kanak-kanak dan orang muda apabila mereka tidak berlakon lagi. Bagi memastikan pengurusan pendapatan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini dilindungi dan tidak dimanipulasi oleh semua pihak maka perincian yang jelas adalah perlu.

Penubuhan Kumpulan Wang Amanah atau Akaun Simpanan atau apa-apa akaun yang setara dibuka di bawah nama pelakon kanak-kanak dan orang muda perlu dilaksanakan dan diwajibkan. Antara contoh terbaik ialah penubuhan akaun SSPN yang telah wujud di negara ini yang memberi peluang kepada pemilik akaun melakukan tabungan simpanan pendidikan tinggi. Perkara yang dinyatakan ini juga boleh dijadikan sebagai syarat dalam permohonan lesen yang akan dibuat. Sebagai contoh, syarikat yang menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda perlu memastikan pelakon kanak-kanak dan orang muda yang diambil berlakon membuka akaun SSPN di atas nama pelakon kanak-kanak dan orang muda tersebut.



Mekanisme penentuan jumlah pendapatan yang perlu di asing dan dimasukkan ke dalam akaun pelakon kanak-kanak dan orang muda ini juga perlu diperincikan dengan teliti. Oleh yang demikian, kewajipan dalam memberikan penyata kewangan kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda melalui wakil yang sah juga perlu dikuatkuasakan. Rekod penerimaan bayaran ini perlu bagi memastikan pengurusan kewangan di rekod dengan sempurna untuk dijadikan rujukan oleh pihak bank atau agensi percukaian.



## Filipina

Pendapatan kanak-kanak yang bekerja disimpan dalam **Kumpulan Wang Amanah** atau **Akaun Simpanan** yang boleh dijadikan sebagai rujukan negara

WRAPBOOK

A Producer's  
Guide to  
Coogan Law



## Coogan Law

Peruntukan Akta khusus yang dikuatkuasakan di California berkaitan pengurusan kewangan kumpulan minor



## RASIONAL

Hasil dapatan kajian mendapati bahawa kebanyakan pembayaran yang dilakukan kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini adalah diterima oleh pihak ketiga iaitu ibu bapa atau penjaga. Bukan itu sahaja, dapatan analisis turut menunjukkan bahawa 72.58 peratus pelakon kanak-kanak dan orang muda ini tidak menerima sesalinan penyata bayaran gaji atau upah daripada syarikat yang melakukan pembayaran.


Peratusan syarikat yang memberikan penyata bayaran gaji / upah








Ya : 27.42%

Tidak : 72.58%

Peratusan individu yang menerima pembayaran bagi pihak pelakon kanak-kanak dan orang muda



## PELAN TINDAKAN

-  **01.** Mengetahui pasti kaedah dan pendekatan terbaik yang boleh dilakukan untuk memastikan pengurusan pendapatan pelakon kanak-kanak ini dapat dilaksanakan.
-  **02.** Mengetahui pasti pihak yang bertanggungjawab yang akan bertindak sebagai pentadbir kewangan dalam menguruskan proses pembukaan akaun sehingga pemantauan terhadap aliran masuk duit ke dalam akaun tersebut bagi pelakon kanak-kanak dan orang muda ini.
-  **03.** Membuat jalinan kerjasama strategik dengan pihak institusi kewangan dalam memastikan dan menentukan akaun yang sesuai yang boleh ditawarkan kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini.
-  **04.** Meneliti keperluan dalam menjadikan perkara ini sebagai satu syarat wajib dalam permohonan lesen.
-  **05.** Melakukan penilaian dan pemantauan dari semasa ke semasa bagi tujuan penambahbaikan.

### **Isu 2.5**

Pendaftaran pelakon kanak-kanak dan orang muda yang layak untuk mencarum bagi PERKESO dan KWSP masih rendah

### **Inisiatif 2.5**

Melaksanakan pendaftaran secara automatik (auto registration) kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda yang layak mencarum dengan PERKESO dan KWSP



## **RINGKASAN CADANGAN**

Bagi memastikan kesemua pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama di Semenanjung Malaysia turut berdaftar sebagai pencarum PERKESO dan KWSP maka satu langkah proaktif perlu dilaksanakan. Antara langkah yang boleh dijalankan ialah dengan melakukan pendaftaran secara automatik (auto registration) kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda tersebut. Persatuan yang mewakili pelakon kanak-kanak dan orang muda yang diiktiraf juga boleh memberikan kerjasama dengan mewajibkan semua pelakon kanak-kanak dan orang muda ini untuk mendaftar sebagai pencarum. Bukan itu sahaja, syarikat produksi juga boleh turut sama membantu dalam menjayakan usaha ini dengan meletakkan syarat kepada pelakon yang ingin berlakon di bawah produksi mereka agar berdaftar sebagai pencarum PERKESO dan KWSP. Kaedah pendaftaran secara automatik ini boleh dilaksanakan oleh pihak persatuan apabila pelakon kanak-kanak dan orang muda ini menjadi ahli persatuan. Syarikat produksi pula boleh melakukan pendaftaran secara automatik apabila pelakon kanak-kanak dan orang muda ini ditawarkan untuk berlakon dengan syarikat mereka bagi sesebuah filem dan drama. Galakan untuk melakukan pendaftaran secara automatik ini juga


boleh ditingkatkan dengan memasukkan syarat di dalam permohonan lesen agar semua pelakon kanak-kanak dan orang muda wajib mendaftar sebagai pencarum PERKESO dan KWSP.



## RASIONAL

Kesedaran oleh syarikat yang menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda serta ibu bapa atau penjaga terhadap kepentingan mendaftarkan pelakon kanak-kanak dan orang muda didapati masih rendah. Maklumat yang diterima daripada KWSP menunjukkan sehingga Jun 2023 hanya terdapat lima (5) orang sahaja ahli KWSP yang berumur antara 14 hingga 18 tahun yang bekerja di dalam Industri Kreatif (filem dan drama) di Semenanjung Malaysia mencarum di bawah Skim i-Saraan. Selain itu, dapatan analisis juga menunjukkan bahawa 59.28 peratus syarikat tidak merancang untuk melakukan caruman KWSP kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini pada masa hadapan. Selanjutnya, analisis bagi caruman KWSP juga mendapati bahawa 45.98 peratus syarikat menyedari terdapat keperluan untuk mencarum KWSP tetapi merasakan tiada keperluan untuk membuat caruman kerana umur pelakon yang masih kecil. Bukan itu sahaja, sebanyak 26.04 peratus pula memaklumkan bahawa mereka tidak dimaklumkan berkenaan dengan keperluan untuk mencarum KWSP kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Oleh yang demikian, tindakan tegas dengan memasukkan **syarat** di dalam permohonan lesen yang mewajibkan syarikat produksi untuk memastikan pelakon kanak-kanak dan orang muda yang diambil berlakon telah berdaftar sebagai pencarum adalah **wajar**.

**Bilangan Ahli KWSP Yang Berumur 14 Hingga Di Bawah Umur 18 Tahun Yang Bekerja Dalam Industri Kreatif (Filem dan Drama) Di Semenanjung Malaysia**



\*Data adalah setakat Jun 2023

\*Maklumat bidang pekerjaan (artis/karyawan) adalah seperti yang dicatatkan semasa pendaftaran ahli i-Saraan.


\*KWSP tidak menjejaki perubahan dalam bidang pekerjaan selepas itu.



## PELAN TINDAKAN

Mengenal pasti pihak yang boleh membantu dalam melakukan pendaftaran secara automatik kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama.

Melaksanakan libat urus dengan jabatan / agensi / persatuan dan syarikat berkaitan bagi mendapatkan persetujuan untuk melakukan pendaftaran secara automatik kepada kumpulan sasaran.



Pemantauan secara berkala dilakukan oleh jabatan / agensi yang terlibat.

Mencadangkan pelan yang sesuai bagi memastikan pelaksanaan pendaftaran secara automatik ini boleh dilakukan dan mempunyai tahap kebolehcapaian yang tinggi kepada kumpulan sasaran.

## **Tumpuan Strategik 3**

Memperkasakan Peranan Ibu Bapa / Penjaga / Individu Yang Dilantik Oleh Ibu Bapa Atau Penjaga Dalam Menguruskan Pelakon Kanak-Kanak dan Orang Muda

### **Inisiatif 3.1**

Membangunkan garis panduan kepada ibu bapa / penjaga / individu yang dilantik oleh ibu bapa atau penjaga dalam menguruskan pelakon kanak-kanak dan orang muda secara profesional

## Tumpuan Strategik 3:

### Memperkasakan Peranan Ibu Bapa / Penjaga / Individu Yang Dilantik Oleh Ibu Bapa atau Penjaga Dalam Menguruskan Pelakon Kanak-Kanak dan Orang Muda

#### Isu 3.1

Kurangnya kesedaran dan pengetahuan ibu bapa / penjaga / individu yang dilantik oleh ibu bapa atau penjaga dalam menguruskan anak-anak sebagai pelakon kanak-kanak dan orang muda secara profesional

#### Inisiatif 3.1

Membangunkan garis panduan kepada ibu bapa / penjaga / individu yang dilantik oleh ibu bapa atau penjaga dalam menguruskan pelakon kanak-kanak dan orang muda secara profesional



#### RINGKASAN CADANGAN

Ibu bapa atau penjaga merupakan individu terawal yang akan terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama. Walau bagaimanapun, terdapat juga ibu bapa atau penjaga yang melantik individu lain untuk menguruskan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini secara profesional. Pembangunan garis panduan dalam menguruskan pelakon kanak-kanak dan orang muda secara profesional adalah perlu bagi memastikan segala urusan kerjaya pelakon kanak-kanak dan orang muda ini dapat diuruskan dengan sempurna. Individu yang bertindak sebagai pengurus kepada kumpulan pelakon ini perlu mempunyai pengetahuan asas dalam menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda, perlindungan sosial, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, hak-hak berpendidikan dan pengetahuan dalam pengurusan kewangan. Perkara ini perlu

dimasukkan ke dalam garis panduan yang dibangunkan agar individu yang menguruskan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini tidak bersifat semberono. Selain itu, individu yang menguruskan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini tidak kira sama ada ibu bapa atau penjaga atau individu yang dilantik perlu menjadikan tanggungjawab ini sebagai satu kerjaya yang profesional. Oleh yang demikian, pembangunan garis panduan pengurusan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini adalah perlu untuk dijadikan rujukan utama kepada pihak yang menguruskan kumpulan pelakon ini.



## RASIONAL

Semakan terhadap Akta 350 mendapati bahawa peranan ibu bapa atau penjaga turut dinyatakan dalam Seksyen 2 berkaitan definisi, Perenggan 2(3)(e) berkaitan dengan kebenaran bekerja, Subseksyen 7(4) dan Subseksyen 7(5) berkaitan permohonan lesen, Seksyen 13 berkaitan dengan kontrak perkhidmatan serta Subseksyen 14(1) berkaitan dengan penalti. Ini bermakna ibu bapa atau penjaga atau individu yang dilantik sebagai pengurus kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda ini mempunyai tanggungjawab yang besar dalam memastikan kumpulan pelakon ini dilindungi di bawah perundangan perburuhan sedia ada. Hasil dapatan analisis juga mendapati bahawa 59.28 peratus ibu bapa atau penjaga akan menandatangani kontrak dengan pihak syarikat yang ingin menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Selain itu analisis turut menunjukkan bahawa sebanyak 83.66 peratus individu yang menerima pembayaran bagi pihak pelakon kanak-kanak dan orang muda merupakan ibu bapa atau penjaga. Bagi memastikan ibu bapa atau penjaga atau individu yang dilantik untuk menguruskan kanak-kanak dan orang muda ini dapat melaksanakan tugas secara profesional maka garis panduan ini wajar dibangunkan sebagai panduan dan rujukan mereka.



**59.28%**

ibu bapa atau penjaga akan menandatangani kontrak dengan pihak syarikat yang ingin menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini



**83.66%**

individu yang menerima pembayaran bagi pihak pelakon kanak-kanak dan orang muda merupakan ibu bapa atau penjaga





## PELAN TINDAKAN



1



Menyediakan terma rujukan bagi pembangunan Garis Panduan Pengurusan Pelakon Kanak-Kanak dan Orang Muda di Semenanjung Malaysia.

Melaksanakan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan bagi mendapatkan maklumat dalam pembangunan Garis Panduan Pengurusan Pelakon Kanak-Kanak dan Orang Muda di Semenanjung Malaysia.



2



3



Melakukan penandaarasan dengan negara-negara luar berkenaan dengan amalan terbaik yang dilaksanakan bagi tujuan dimasukkan ke dalam garis panduan yang dibangunkan.

Meneliti dan melakukan penilaian bagi setiap cadangan dan maklumat yang diterima sebelum dimasukkan ke dalam garis panduan yang dicadangkan.



4



5



Menerbitkan Garis Panduan Pengurusan Pelakon Kanak-Kanak dan Orang Muda di Semenanjung Malaysia.

Melakukan penambahbaikan dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan perubahan terkini.



6



## **Tumpuan Strategik 4**

Menentukan Perwakilan Untuk Mewakili Pelakon  
Kanak-Kanak dan Orang Muda

### **Inisiatif 4.1**

Memperkasakan peranan  
persatuan sedia ada yang diiktiraf  
oleh FINAS bagi mewakili pelakon  
kanak-kanak dan orang muda

## Tumpuan Strategik 4: Menentukan Perwakilan Untuk Mewakili Pelakon Kanak-Kanak dan Orang Muda

### **Isu 4.1**

Tiada pihak yang boleh mewakili pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama secara khusus

### **Inisiatif 4.1**

Memperkasakan peranan persatuan sedia ada yang diiktiraf oleh FINAS bagi mewakili pelakon kanak-kanak dan orang muda



### **RINGKASAN CADANGAN**

Pelakon kanak-kanak dan orang muda di Semenanjung Malaysia pada masa ini juga turut berhadapan dengan isu-isu berkaitan dengan perundangan perburuhan dan hak dalam mendapatkan perlindungan sosial. Keperluan perwakilan seperti persatuan yang boleh mewakili kumpulan pelakon ini adalah wajar diperhalusi. Persatuan yang mewakili kumpulan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini akan dapat menggantikan peranan kesatuan sekerja. Persatuan ini juga akan menjadi platform bagi pelakon kanak-kanak dan orang muda ini untuk menyuarakan hak dan runding damai bagi menyelesaikan pertikaian yang dihadapi dengan mana-mana syarikat produksi.

Oleh yang demikian, persatuan yang telah wujud di Semenanjung Malaysia dan diiktiraf oleh FINAS seharusnya diberikan peluang untuk menggalas tanggungjawab bagi mewakili pelakon

kanak-kanak dan orang muda ini terutama di dalam rundingan dan perbincangan yang melibatkan pelakon kanak-kanak dan orang muda dengan syarikat produksi filem dan drama.

“Persatuan yang kuat dan diurus baik boleh memberi maklumat tepat mengenai para artis, pengarah dan jenis-jenis pekerja filem demi manfaat industri ini”

(**Mohd Shariff Bin Ahmad, April 1997**)

Mantan Ketua Pengarah Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia (FINAS)



## RASIONAL

Ibu bapa atau penjaga kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda tidak seharusnya mengabaikan kewujudan persatuan yang boleh mewakili pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Walaupun ada dalam kalangan ibu bapa dan penjaga yang merasakan tiada keperluan untuk mereka mendaftarkan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini di dalam persatuan namun mereka juga harus menyedari kepentingan persatuan dan faedah yang boleh diperolehi apabila menjadi anggota sesuatu persatuan.

Persatuan ini boleh berunding dan membuat kontrak perjanjian rasmi dengan syarikat produksi bagi memastikan pelakon kanak-kanak dan orang muda ditawarkan terma kontrak yang lebih baik dan mengelakkan manipulasi. Melalui perjanjian rasmi yang dimeterai, persatuan akan berfungsi sebagai medium perantara dalam meningkatkan kerjasama dan persefahaman antara syarikat produksi dan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini.

Cadangan untuk menentukan pihak yang sesuai bagi mewakili pelakon kanak-kanak dan orang muda di Semenanjung Malaysia perlu diteliti dengan mengambil kira tahap penglibatan kumpulan pelakon ini seperti skop lakonan atau alih suara bagi sesuatu filem dan drama. Ini adalah disebabkan faktor umur kanak-kanak serta orang muda ini adalah di bawah 21 tahun dan sekiranya terdapat keperluan untuk menjadi ahli persatuan, keanggotaan kanak-kanak dan

orang muda ini adalah tertakluk kepada Seksyen (22), Akta Pertubuhan 1966 iaitu keanggotaan orang belum dewasa.

### Antara Persatuan dan Pertubuhan Penggiat Seni di Malaysia dalam Filem dan Drama



Persatuan Sinematografi  
Malaysia



Persatuan Seniman  
Malaysia (SENIMAN)



Persatuan Pekerja Profesional  
Filem Malaysia



Persatuan Dokumentari  
Malaysia



Persatuan Audio Malaysia



Pertubuhan Karya Sutradara  
Sinematik Malaysia



Persatuan Pekerja Profesional  
Solekan dan Kesan Khas Filem & TV



Persatuan Penerbit  
Televisyen Malaysia



Yayasan Artis Veteran Malaysia



Pertubuhan Pencipta Kandungan  
Kreatif Digital Malaysia



Pertubuhan Kebajikan Industri  
Alih Suara



## PELAN TINDAKAN



## **Tumpuan Strategik 5**

Memperkukuhkan Program Pembangunan Modal Insan Khusus Bagi Penggajian Pelakon Kanak-Kanak dan Orang Muda

### **Inisiatif 5.1**

Menyemak dan menilai semula program latihan dan pembangunan modal insan yang sedia ada khusus untuk penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda

### **Inisiatif 5.2**

Membangunkan Modul Latihan berkaitan dengan Penggajian Pelakon Kanak-Kanak dan Orang Muda di Semenanjung Malaysia kepada syarikat produksi, pengurus dan pelakon kanak-kanak dan orang muda

### **Inisiatif 5.3**

Mewajibkan ibu bapa, penjaga, individu yang dilantik oleh ibu bapa untuk menghadiri kursus atau seminar berkaitan dengan pengurusan pelakon kanak-kanak dan orang muda sekurang-kurangnya sekali sebelum sesuatu permohonan lesen diluluskan

### **Inisiatif 5.4**

Mewajibkan kehadiran syarikat produksi bagi mengikuti kursus berkaitan dengan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda di Semenanjung Malaysia sekurang-kurangnya sekali sebelum sesuatu permohonan lesen diluluskan

### **Inisiatif 5.5**

Membangunkan modul latihan / bengkel penyediaan watak kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda sebelum menghadiri sesuatu proses penggambaran

## Tumpuan Strategik 5: Memperkukuhkan Program Pembangunan Modal Insan Khusus Bagi Penggajian Pelakon Kanak-Kanak dan Orang Muda

### Isu 5.1

Ketiadaan program latihan dan pembangunan modal insan khusus berkaitan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda

### Inisiatif 5.1

Menyemak dan menilai semula program latihan dan pembangunan modal insan yang sedia ada khusus untuk penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda



### RINGKASAN CADANGAN

Agensi yang terlibat secara langsung dengan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda wajar menyemak dan menilai semula program-program latihan dan pembangunan modal insan sedia ada khusus untuk penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda. Program-program sedia ada perlu dikemaskini berdasarkan perkembangan semasa dan lebih khusus kepada kumpulan sasaran yang terlibat dalam penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda. Program yang dicadangkan boleh dilaksanakan secara bersepadu dengan agensi seperti JTKSM, JKKP, PERKESO, KWSP, KPM dan FINAS ataupun secara sendiri mengikut keperluan program seperti:





Ceramah perburuhan

Dialog industri



Program promosi di media massa dan media sosial

Bengkel atau latihan kemahiran



Program lain yang boleh meningkatkan kompetensi pegawai dan pihak-pihak yang terlibat dalam penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda

Selain semakan kepada program-program kepada kumpulan sasaran yang terlibat dalam penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda, pihak agensi berkenaan juga perlu menyemak dan menilai latihan dan kursus kepada pegawai yang terlibat dalam penguatkuasaan akta. Mereka juga perlu dilatih untuk meningkatkan kualiti dan kompetensi dalam melaksanakan tugas penguatkuasaan dan program-program promosi.



## RASIONAL

Semakan dan penilaian semula kepada semua program-program latihan dan pembangunan modal insan kepada kumpulan sasaran yang melibatkan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda adalah wajar. Kumpulan sasaran perlu dilibatkan dalam program seminar, sesi libat urus dan juga program latihan yang khusus bagi meningkatkan kesedaran berkaitan pematuhan undang-undang buruh terutamanya permohonan lesen hiburan, waktu kerja, bayaran upah, peningkatan kerjaya, perlindungan sosial dan pengurusan kewangan serta hak berpendidikan.



## PELAN TINDAKAN



1

Menyediakan terma rujukan bagi semakan dan penilaian semula program-program latihan dan pembangunan modal insan sedia ada untuk penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda.

2

Melaksanakan sesi libat urus dengan pihak yang berkepentingan dalam penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda bagi mendapatkan maklumat berkaitan program.



3

Menerbitkan Modul Latihan Penyediaan Watak kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda.

4

Melakukan semakan dan penambahbaikan secara berkala.



### **Isu 5.2**

Program dan modul latihan khusus kepada syarikat produksi, pengurus dan pelakon kanak-kanak dan orang muda berkaitan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda di Semenanjung Malaysia

### **Inisiatif 5.2**

Membangunkan Modul Latihan berkaitan dengan Penggajian Pelakon Kanak-Kanak dan Orang Muda di Semenanjung Malaysia kepada syarikat produksi, pengurus dan pelakon kanak-kanak dan orang muda



## **RINGKASAN CADANGAN**

Pembangunan modul yang komprehensif wajar dibangunkan dan dijadikan panduan kepada syarikat-syarikat produksi, pengurus dan pelakon kanak-kanak dan orang muda. Modul kursus ini perlu dibangunkan mengikut kesesuaian dalam konteks penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama di Semenanjung Malaysia. Modul kursus ini perlu disediakan oleh pakar industri yang terlibat dalam penggajian kumpulan pelakon ini. Sebagai contoh, bagi syarikat produksi modul yang dibangunkan perlu mengambil kira perkara yang meliputi perundangan perburuhan, perlindungan sosial serta keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Manakala modul kursus bagi pengurus pelakon kanak-kanak dan orang muda ini pula perlu mengambil kira aspek pengurusan pelakon secara lebih profesional dan mematuhi peruntukan perundangan yang sedia ada. Bagi pelakon kanak-kanak dan orang muda pula, modul kursus yang boleh dicadangkan pula adalah meliputi pembangunan kerjaya dan hala tuju kumpulan pelakon ini serta pengurusan trauma dan stress dalam lakonan.



## RASIONAL







Dalam usaha memperkasakan FINAS sebagai sebuah agensi yang menyediakan latihan untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti sumber manusia dalam Industri Kreatif sepertimana yang dinyatakan dalam piagam pelanggan FINAS, maka pembangunan modul latihan yang komprehensif yang meliputi semua pihak yang terlibat dalam penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama merupakan satu langkah yang perlu diambil kira. Walaupun kumpulan pelakon ini merupakan kumpulan minoriti di dalam industri perfileman dan drama namun kumpulan pelakon ini merupakan pelapis masa hadapan di dalam industri ini. Bakat yang ada pada kumpulan pelakon ini perlu dimanfaatkan secara optimum dalam memastikan industri perfileman dan drama melahirkan generasi pelakon pada masa hadapan yang berkualiti.

<b>PROGRAM MEMPERKASA MODAL INSAN INDUSTRI PERFILEMAN (Pembangunan Kemahiran)</b>		
<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Aktiviti</b>	<b>Bilangan Peserta</b>
2017	28 aktiviti	994 orang
2018	7 aktiviti	143 orang
2019	35 aktiviti	1296 orang
2020	19 aktiviti	392 orang
2021	19 aktiviti	392 orang
2022	40 aktiviti	964 orang
2023 Sehingga Jun 2023	21 aktiviti	630 orang

\*Sumber : FINAS



## PELAN TINDAKAN

-  **1** Menyediakan Terma Rujukan bagi pembangunan Modul Kursus Penggajian Pelakon Kanak-kanak dan Orang Muda.
-  **2** Mengenal pasti keperluan Modul Kursus Penggajian Pelakon Kanak-kanak dan Orang Muda.
-  **3** Melaksanakan sesi libat urus dengan pihak yang berkepentingan dalam penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda bagi mendapatkan maklumat dalam pembangunan modul kursus.
-  **4** Melakukan penandaarasan untuk mengenal pasti amalan terbaik yang boleh dimasukkan di dalam modul kursus.
-  **5** Menerbitkan Modul Kursus Penggajian Pelakon Kanak-kanak dan Orang Muda.
-  **6** Melakukan semakan dan penambahbaikan secara berkala.

### Isu 5.3

Kefahaman yang jelas terhadap etika pengurusan pelakon kanak-kanak dan orang muda serta tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh pengurus secara profesional

### Inisiatif 5.3

Mewajibkan ibu bapa, penjaga atau individu yang dilantik oleh ibu bapa untuk menghadiri kursus atau seminar berkaitan dengan pengurusan pelakon kanak-kanak dan orang muda sekurang-kurangnya sekali sebelum sesuatu permohonan lesen diluluskan



## RINGKASAN CADANGAN

Ibu bapa, penjaga atau individu yang dilantik oleh ibu bapa yang menguruskan aktiviti lakonan anak-anak mereka wajar diwajibkan untuk menghadiri kursus bagi memastikan mereka menjadi pengurus yang berpengetahuan dalam aspek:



Peraturan dan pematuhan undang-undang perburuhan



Perlindungan sosial



Hak kepada pendidikan



Literasi kewangan



Hala tuju serta kerjaya anak-anak mereka sebagai pelakon

Agensi seperti JTKSM, JKPP, PERKESO, KWSP, KPM dan FINAS boleh berkolaborasi dalam menganjurkan bengkel atau kursus berkaitan dengan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda kepada mereka. Pendekatan dan kaedah yang sesuai perlu diteliti untuk

memastikan mereka tidak terbeban dengan syarat wajib menghadiri kursus ini apabila dilaksanakan kelak.



## RASIONAL

Pendedahan ibu bapa, penjaga atau individu yang dilantik oleh ibu bapa di dalam kursus yang dianjurkan oleh pihak berwajib juga akan menjadi satu unsur kawalan dan pencegahan kepada ketidakpatuhan dalam undang-undang buruh. Mereka akan lebih berhati-hati sebelum menerima sebarang tawaran lakonan dengan meneliti kontrak, bayaran lakonan dan jadual penggambaran agar anak-anak mereka tidak dieksploitasi. Mereka juga akan lebih profesional dalam mengurus jadual lakonan dan masa persekolahan anak-anak. Sijil yang diperoleh semasa kursus atau bengkel adalah dicadangkan untuk dilampirkan bersekali semasa syarikat produksi membuat permohonan lesen hiburan awam. Usaha ini juga adalah untuk memastikan agar tiada pihak yang mengambil kesempatan dalam penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda.



## PELAN TINDAKAN



**1**

Melaksanakan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan untuk meneliti kaedah terbaik dan kesan positif atau negatif sebelum memasukkan kewajipan menghadiri kursus sebagai satu syarat yang perlu dipatuhi dalam permohonan lesen hiburan awam.



**2**

Melakukan penilaian kesan terhadap ibu bapa, penjaga atau pengurus sekiranya perkara ini dilaksanakan.



**3**

Melakukan penambahbaikan secara berkala untuk melihat keberkesanan pelaksanaan syarat ini.

### **Isu 5.4**

Pemahaman terhadap tanggungjawab dan keperluan peruntukan perundangan bagi penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda oleh syarikat produksi

### **Inisiatif 5.4**

Mewajibkan kehadiran syarikat produksi bagi mengikuti kursus berkaitan dengan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda di Semenanjung Malaysia sekurang-kurangnya sekali sebelum sesuatu permohonan lesen diluluskan



---

## **RINGKASAN CADANGAN**

Syarikat produksi yang menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda perlu diberikan pendedahan dan kursus berkenaan dengan kepentingan perundangan perburuhan dan Akta yang berkaitan. Maklumat asas yang melibatkan penggajian kumpulan pelakon ini seperti waktu bekerja, kaedah bayaran, penyediaan kontrak pekerjaan serta memahami hak dan tanggungjawab syarikat produksi adalah perkara asas yang boleh disediakan oleh jabatan / agensi yang bertanggungjawab. Pendekatan dan kaedah yang sesuai perlu diteliti untuk memastikan syarikat tidak terbeban dengan syarat wajib menghadiri kursus ini apabila dilaksanakan kelak.






## RASIONAL


Kursus ini perlu dijadikan sebagai salah satu syarat utama kepada syarikat produksi untuk melakukan permohonan lesen hiburan awam. Sebagai contoh, syarikat produksi yang ingin memohon lesen hiburan awam untuk menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama di Semenanjung Malaysia perlu mengikuti kursus ini sekurang-kurangnya sekali sebelum sesuatu permohonan lesen diluluskan. Sijil kehadiran kursus perlu disertakan di dalam permohonan yang dibuat. Penglibatan syarikat produksi dalam kursus ini perlu agar syarikat produksi memahami tanggungjawab mereka dari sudut perundangan terutamanya yang melibatkan isu-isu perundangan perburuhan yang berkaitan dengan penggajian kumpulan pelakon ini. Pendedahan ini perlu diberikan kepada syarikat produksi yang sedia ada ataupun yang baharu sahaja bertapak dalam dunia perfileman dan drama.




## PELAN TINDAKAN

- 1 Melaksanakan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan untuk meneliti kaedah terbaik dan kesan positif atau negatif sebelum memasukkan kewajipan menghadiri kursus sebagai satu syarat yang perlu dipatuhi dalam permohonan lesen hiburan awam.


- 2 Melakukan penilaian kesan terhadap syarikat produksi sekiranya perkara ini dilaksanakan.


- 3 Melakukan penambahbaikan secara berkala untuk melihat keberkesanan pelaksanaan syarat ini.



### Isu 5.5

Tahap ketersediaan mental dan fizikal kanak-kanak dan orang muda dalam menerima dan memahami sesuatu watak yang ditawarkan

### Inisiatif 5.5


Membangunkan modul latihan / bengkel penyediaan watak kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda sebelum menghadiri sesuatu proses penggambaran



## RINGKASAN CADANGAN

Penghayatan watak dalam sesuatu filem dan drama amatlah penting dalam merealisasikan cerita yang hendak disampaikan. Seseorang penerbit dan pengarah akan memastikan pelakon kanak-kanak dan orang muda tersebut berbakat dan layak untuk membawa sesuatu watak serta melakonkan adegan yang diperlukan. Cadangan membangunkan modul latihan / bengkel penyediaan watak kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda adalah wajar sebagai panduan di dalam pelaksanaan latihan atau bengkel yang akan dianjurkan oleh pihak-pihak yang berkenaan kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda.

Pembangunan modul ini perlulah mengandungi perkara-perkara seperti:





## RASIONAL



Pembangunan modul latihan ini dilihat langkah terbaik dalam untuk melatih pelakon kanak-kanak dan orang muda di Malaysia mempunyai ilmu lakonan yang mantap selain bakat yang dikurniakan. Mereka juga tidak hanya mengejar populariti semata-mata tetapi mempunyai hala tuju yang jelas dalam kerjaya pelakon yang profesional. Sebagai contoh, pementasan teater muzikal *The Sound of Music* yang bermula 27 Disember 2022 yang lepas di Istana Budaya telah membariskan 17 pelakon kanak-kanak tempatan untuk mengisi watak-watak di dalam karya popular itu.

Karya produksi antarabangsa, Broadway yang dipentaskan di Istana Budaya telah membariskan juri profesional bagi sesi uji bakat untuk pemilihan pelakon kanak-kanak dari Malaysia ini. Mereka adalah terdiri daripada penggiat seni teater antarabangsa, Anthony C Daniel, James Gray dan Nate Patten. Pada sesi uji bakat itu, mereka dikehendaki mempamerkan kebolehan masing-masing dalam lakonan, nyanyian dan tarian. 17 pelakon tempatan yang terpilih ini berusia antara enam (6) hingga 14 tahun bagi bergilir-gilir membawakan watak sepanjang berlangsungnya pementasan. Kejayaan ini telah membuka peluang kepada pelakon cilik tempatan mengetengahkan bakat mereka dalam pementasan antarabangsa. Ini sekali gus membawa Malaysia ke satu tahap yang lebih tinggi dan menjadi jambatan untuk bakat tempatan merebut peluang ke platform antarabangsa.

Berdasarkan perkembangan ini pihak agensi berwajib seperti FINAS wajar membangunkan modul latihan / bengkel penyediaan watak kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam melahirkan bakat-bakat muda yang boleh beraksi di arena tempatan tetapi juga diperingkat antarabangsa. Modul ini perlu digunakan di dalam latihan atau bengkel yang dianjurkan untuk melihat keberkesanannya dan perlu ditambahbaik dari semasa ke semasa bagi memastikan pelakon kanak-kanak dan orang muda yang dilahirkan adalah berkualiti dan profesional.



## PELAN TINDAKAN

1



Menyediakan terma rujukan bagi pembangunan Modul Latihan Penyediaan Watak kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda.

2



Mengenal pasti dan merancang keperluan reka bentuk Modul Latihan Penyediaan Watak kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda.

3



Melaksanakan sesi libat urus dengan pihak yang berkepentingan dalam pengajian pelakon kanak-kanak dan orang muda bagi mendapatkan maklumat dalam pembangunan modul latihan.

4



Melakukan penandaarasan untuk mengenal pasti amalan terbaik yang boleh dimasukkan di dalam modul latihan.

5



Menerbitkan Modul Latihan Penyediaan Watak kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda.

6



Melakukan semakan dan penambahbaikan secara berkala.

## **Tumpuan Strategik 6**

Membangunkan Pangkalan Data Bersepadu Bagi Perekodan  
Pelakon Kanak-Kanak dan Orang Muda

### **Inisiatif 6.1**

Membangunkan satu pangkalan data bagi pelakon kanak-kanak dan orang muda yang boleh menjadi rujukan kepada semua pihak yang berkenaan



# Tumpuan Strategik 6: Membangunkan Pangkalan Data Bersepadu Bagi Perekodan Pelakon Kanak-Kanak dan Orang Muda

## Isu 6.1

Tiada pangkalan data yang boleh menyimpan profil pelakon kanak-kanak dan orang muda serta profil syarikat produksi

## Inisiatif 6.1

Membangunkan satu pangkalan data bagi pelakon kanak-kanak dan orang muda yang boleh menjadi rujukan kepada semua pihak yang berkenaan



### RINGKASAN CADANGAN

Pembangunan satu pangkalan data yang khusus untuk menjejaki pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama di Semenanjung Malaysia wajar dibangunkan. Pembangunan pangkalan data ini boleh membantu dalam meningkatkan keupayaan Kerajaan untuk membangunkan inisiatif berkaitan kumpulan pelakon ini. Bagi merealisasikan hasrat ini maka perisian antara muka yang bersesuaian perlu dibangunkan untuk memudahkan pelaksanaan ciri-ciri penting dan keberkesanan pengurusan data bagi pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Aspek keselamatan data peribadi juga hendaklah dipastikan demi menjaga tahap kerahsiaan data peribadi kumpulan pelakon ini. Perkongsian data jika perlu, hanya boleh dilaksanakan di antara agensi utama Kerajaan yang berkepentingan sahaja. Perkara lain yang perlu dititikberatkan juga ialah tahap kebolehcapaian pangkalan data ini bagi memastikan maklumat yang diterima adalah yang terkini.



Strategi A2 iaitu memperkuat sistem yang menyokong pasaran buruh melalui penambahbaikan infrastruktur maklumat pasaran buruh



## RASIONAL

Hasil daripada pembangunan pangkalan data ini maka pemprofilan pelakon kanak-kanak dan orang muda boleh dibuat. Ini kerana pembangunan data ini akan memberi tumpuan khusus kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda di Semenanjung Malaysia. Pada masa ini, tiada kementerian yang dipertanggungjawabkan untuk menjadi pusat perekodan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama di Semenanjung Malaysia. Peningkatan terhadap penyertaan kanak-kanak dan orang muda dalam industri perfileman dan drama perlu direkodkan, dilaporkan dan dianalisis. Melalui profil yang dibangunkan maka Kerajaan akan mempunyai kemampuan untuk menjejak dan memastikan keberkesanan pelaksanaan sesuatu dasar dan program yang melibatkan kumpulan pelakon ini. Data mentah yang diperolehi ini akan membolehkan Kerajaan menjejak pelakon kanak-kanak dan orang muda yang aktif dan tidak aktif dalam usaha untuk memastikan masa depan kumpulan pelakon ini dapat dibela. Selain itu, fungsi penjejakan ini juga berpotensi untuk diperluaskan lagi kepada Industri Kreatif yang lain yang melibatkan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda.

FINAS pernah membangunkan satu program yang dinamakan Padu Citra yang diperkenalkan pada tahun 1990 dan dikuatkuasakan pada tahun 1997

### Tujuan Pembangunan Program Padu Citra



1. Mendapatkan maklumat tepat yang boleh dipercayai bagi melaksanakan program pendidikan dan latihan



2. Mewujudkan prasarana yang mantap bagi mengenal pasti tenaga kerja industri filem dengan lebih tepat dan terkini

### Kaedah Pelaksanaan

Produser yang ingin melakukan penggambaran dikehendaki memastikan setiap individu yang terlibat dalam penggambaran telah menjadi ahli dan berdaftar dengan persatuan yang diiktiraf oleh FINAS. Ini bermakna semua artis dan karyawan hendaklah menjadi ahli kepada persatuan yang mewakili kegiatan mereka

Nota : Program Padu Citra ini tidak lagi dilaksanakan oleh FINAS pada masa ini



## SPPIK Pembangunan Sistem Pengurusan dan Pemantauan Industri Kreatif (SPPIK)

### SPPIK

Sistem Pengurusan dan Pemantauan Industri Kreatif Negara (SPPIK) merupakan sistem utama bagi menyokong operasi FINAS. Ia terdiri daripada beberapa sistem yang telah dibangunkan secara berasingan secara dalaman dan juga oleh syarikat pembangun aplikasi yang dilantik oleh FINAS. Dalam inisiatif ini, SPPIK akan dipertingkatkan menerusi pembangunan semula fungsi-fungsi sistem sedia ada di bawah satu platform aplikasi bagi menambah baik integriti data dan hubungan antara fungsi-fungsi yang ada.

### Fungsi SPPIK



1. Kelancaran proses permohonan



2. Pangkalan data yang bersepadu



3. Integrasi antara sistem






## PELAN TINDAKAN

### Ciri-Ciri Pangkalan Data Yang Dibangunkan



**01**

Berfungsi sebagai pangkalan data rasmi bagi penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama di Semenanjung Malaysia.



**02**

Bertanggungjawab sebagai pangkalan data yang merekodkan statistik penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama di Semenanjung Malaysia.



**03**

Bertindak sebagai pangkalan data penjejakan pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama di Semenanjung Malaysia.




**04**

Bertindak sebagai medium dalam melindungi hak dan maklumat peribadi pelakon kanak-kanak dan orang muda di Semenanjung Malaysia.



## Cadangan Pelan Pembangunan Pangkalan Data



Tinjauan dibuat secara bulanan.

Sumber data dikemas kini secara berkala.



# **BAB 5**

# **KESIMPULAN**



## KESIMPULAN


Kanak-kanak dan orang muda merupakan masa depan negara. Kerajaan sentiasa berusaha dalam memastikan hak serta kebajikan kanak-kanak dan orang muda yang bekerja dilindungi termasuklah dalam industri filem dan drama di Semenanjung Malaysia. Oleh yang demikian, kajian ini dilihat sebagai salah satu pemangkin dalam memenuhi hasrat Kerajaan.

Sebanyak enam (6) Teras Strategik telah dicadangkan dan 20 inisiatif dikemukakan bersama 20 pelan tindakan bagi isu-isu yang berbangkit berkaitan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama di Semenanjung Malaysia. Teras Strategik yang dicadangkan ini meliputi aspek perundangan perburuhan dan perlindungan sosial terhadap pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama khususnya di Semenanjung Malaysia.

Kerajaan memainkan peranan penting dalam perancangan masa hadapan bagi golongan kanak-kanak dan orang muda ini terutama dalam penggubalan dasar dan program baharu yang sesuai. Oleh yang demikian, kerjasama bersepadu diperlukan oleh semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam Industri Kreatif di negara ini.

Perubahan kepada ekonomi model baharu dan pemodenan teknologi pendigitalan perlu diadaptasi secara berhemah. Ini kerana kebanyakan negara luar sudah mengambil langkah proaktif dari segi perundangan perburuhan dan perlindungan sosial kepada penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda yang terlibat dalam filem dan drama di negara mereka.

Kerajaan perlu bersedia menghadapi cabaran baharu ini bagi memastikan tiada keciciran berlaku kepada pelakon kanak-kanak dan orang muda yang digajikan. Usaha-usaha dalam memastikan maklumat berkenaan dengan penggajian pelakon kanak-kanak dan orang muda dalam filem dan drama di Semenanjung Malaysia perlu dipergiat kepada pemegang taruh dan juga pihak yang berkaitan bagi memastikan perubahan yang ingin dibuat akan memanfaatkan pihak yang terlibat.



## Rujukan

### A

Aida, N., Kadir, A., Naziree, M. Y., & Maheran, M. (2019). Protection of best interest: a study on children working in entertainment industry in malaysia and their right to education. *Pertanika Journal Social Science and Human ities*. 29(S2): 43-57.

### C

California: Child Labour Laws 2013

California: Coogan Law 1938

Child Employment Act of 2003, No. 81 of 2003, Part 1, Sect. 3 (2003).  
<https://faolex.fao.org/docs/pdf/vic180423.pdf>

### F

Filipina: Act 9231, Republic Act 2003

Finland: Young Workers' Act 1993

### G

General Assembly Resolutions 44/25 (1989, November 20), *Convention on the Rights of the Childs*. Daripada <https://www.ohchr.org/sites/default/files/crc.pdf>

### H

Hong Kong: Cap. 57 Employment Ordinance 1968

Hong Kong: Cap 172 Places of Public Entertainment Ordinance 1997

Hong Kong: Cap 57 Employment of Children Regulations 1979

## I

India: The Child and Adolescent Labour (Prohibition and Regulation) Act 1986

Indonesia: Act 13, Indonesian Labour Law

International Labour Organization (1973), *Minimum Age Convention (No.138)*. Dari pada <https://www.ilo.org>

International Labour Organization (1999), *Worst Forms of Child Labour Convention (No 182)*. Dari pada <https://www.ilo.org>

International Labour Office (2011), *Global Employment Trends 2011: The challenges of a jobs recovery*. International Labour Organization. Dari pada - <https://www.ilo.org>

International Labour Office (2011). *Employers' and Workers' Handbook on Hazardous Child Labour*. Dari pada <https://www.ilo.org>

Ireland: Protection of Young Persons (Employment) Act 1996

## J

Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), *Malaysia Economics Statistics Review* (Vol. 6/2020). <https://www.dosm.gov.my/v1>

Jabatan Perdana Menteri (2021). *Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025: Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan*. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. <https://govdocs.sinarproject.org/documents/prime-ministers-department/economic-planning-unit/rancangan-malaysia-kedua-belas-rmk-12>

Jabatan Kebajikan Masyarakat (2016, Ogos), *Dasar Kanak-Kanak Negara*. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. <https://www.jkm.gov.my/jkm>

Jabatan Kebajikan Masyarakat (2016, Ogos). *Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara*. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. <https://www.jkm.gov.my/jkm>

Jerman: Protection of Young Persons Act 2009

## K

Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (2010). *Dasar Industri Kreatif Negara*.  
Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan.  
<https://www.kkd.gov.my/pdf/dikn.pdf>

## L

Labour Department Hong Kong. *A Guide to the Employment of Child Entertainers*. Daripada  
<https://www.labour.gov.hk/eng/public/lid/GuideEmploymentChildEntertainers.pdf>

## M

Murshamshul, M. K., Udin, N. M., Abd Ghadas, Z. A., & Mohd Shahril Nizam M.R. (2018). Child Performers in the Entertainment Industry: An Analysis from the Employment Regulations Perspective. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(12), 1557-1568.

Myanmar: Shops and Establishment Act 1951

Myanmar: Factories act 1951

Myanmar: Child Law 1993

Myanmar: Education Law 2014

## N

National Network for Children in Employment and Entertainment (2020). *A guide Child Performance Licensing*. <https://www.nncee.org.uk/downloads/4027/nncee-a-guide-to-child-performance-licensing-august-2020>

Nurfadhilah, C. A & Dina, I. S (2014). Minors in the entertainment industry: the need for a comprehensive guideline in Malaysia. *International Conference on Law, Policy and Social Justice*. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/52111/1/52111.pdf>



## S

Singapura: Employment Act (Part 8: Employment of Children and Young Persons) 1968

Singapura: Children and Young Person Act 1993

Singapura: Public Entertainment Act 1958

Singapura: Akta Institut Pendidikan Teknikal 1992

Statista Report (2023). Daripada <https://www.statista.com>

## U

Undang-undang Malaysia: Perlembagaan Persekutuan

Undang-undang Malaysia: Akta 43, Akta Pendidikan 1961

Undang-undang Malaysia: Akta 136, Akta Kontrak 1950

Undang-undang Malaysia, Akta 244, Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981

Undang-undang Malaysia, Akta 265, Akta Kerja 1955

Undang-undang Malaysia: Akta 350, Akta (Pekerjaan) Kanak-Kanak dan Orang Muda 1966

Undang-undang Malaysia, Akta 452, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991

Undang-undang Malaysia, Akta 514, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994

Undang-undang Malaysia: Akta 550, Akta Pendidikan 1996

Undang-undang Malaysia: Akta 611, Akta Kanak-Kanak 2001

Undang-undang Malaysia, Akta 789, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017

Undang-undang Malaysia, Akta A1648, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan)  
2022

Undang-undang Malaysia: Ordinan Buruh (Sabah Bab 67)

Undang-undang Malaysia: Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76)

United Kingdom: Employment of Women, Young Persons and Children Act 1920

United Kingdom: The Children (Performance) Regulations 1968

United Kingdom: Children and Young Persons Act 1963

United Kingdom: Licensing Act 2003

United Nations Children Funds (1990). *The Convention on the Rights of the Child*. Daripada

<https://www.unicef.org/child-rights-convention/convention-text-childrens-version>



